

"SANGAT penting bagi kita memilih cara yang betul agar menghasilkan kesan positif yang berpanjangan. Janganlah sekali-kali memilih cara yang kelihatannya betul, tetapi pada hakikatnya suatu perkara yang batil yang akhirnya boleh mendatangkan kesan negatif yang sukar dipulihkan." - Titah sempena Majlis Sambutan Israk dan Mikraj pada 27 Rejab 1426 / 1 September 2005.

"WAHA! orang-orang yang beriman! Jauhlah kebanyakan dari sangkaan supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang kerana sesungguhnyanya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa. Dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang. Dan janganlah sesetengah kamu mengumpat sesetengahnya yang lain." - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Hujurat ayat 12.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah Menteri-menteri ASEAN selaku Ketua Delegasi, Timbalan Setiausaha Agung ASEAN serta Pegawai-pegawai Kanan ASEAN yang menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Bagi Jenayah Merentasi Sempadan (AMMTC) Ke-6. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman. - Foto : Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.

## Menerima mengadap Menteri-menteri ASEAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 6 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri-menteri ASEAN selaku Ketua Delegasi, Timbalan Setiausaha Agung ASEAN serta Pegawai-pegawai Kanan ASEAN yang menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Bagi Jenayah Merentasi Sempadan (AMMTC) Ke-6 di mana Negara Brunei Darussalam selaku tuan rumah.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

Turut mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Majlis Mengadap ialah

Oleh : Haji Ahat Haji Ismail  
ahat.ismail@information.gov.bn

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan, selaku Pengerusi mesyuarat tersebut.

Juga hadir di majlis tersebut ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, yang juga selaku Ketua Delegasi Negara Brunei Darussalam, Yang Mulia Dato Seri Paduka Eusoff Agaki; Tuan-tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi dan Duta-duta Besar negara-negara ASEAN dan Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri yang juga selaku Pengerusi bagi Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan, Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah.

## Memerangi jenayah merentasi sempadan:

# PENGLIBATAN SEMUA PIHAK PERLU

JERUDONG, Selasa, 6 November. - Memerangi jenayah merentasi sempadan memerlukan penglibatan semua pihak termasuk sektor awam dan swasta seperti yang termeterai di Konvensyen ASEAN Dalam Memerangi Penggunaan semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11.

Penandatanganan yang merupakan mercu tanda pencapaian itu mencerminkan usaha-usaha berterusan ASEAN untuk mengukuhkan kapasiti bersama dalam menangani semua bentuk ancaman pengendalian dalam semua bentuk dan manifestasi di mana Negara Brunei Darussalam komited terhadap pengesahan awal konvensyen tersebut.

Perkara itu dinyatakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan ketika merasmikan Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Bagi Jenayah Merentasi Sempadan (AMMTC) Ke-6 hari ini.

Menurut Yang Ber-

hormat yang juga selaku Pengerusi AMMTC, bencana-bencana alam dan penyakit-penyakit berjangkit, pengendalian dan jenayah-jenayah merentasi sempadan lainnya terus menjadi ancaman-ancaman serius terhadap keselamatan di rantau ASEAN di sebalik perkembangan positif di rantau ini bagi menyelesaikan masalah-masalah

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim  
Bolhassan Haji Abu Bakar  
bolhassan.abubakar@information.gov.bn

"Saya berkeyakinan bahawa amalan-amalan dinamik dan kerjasama rapat berterusan di kalangan ASEAN berserta keupayaan dan kesanggupan penduduk di rantau ini bagi menyelesaikan masalah-masalah

Berhormat di majlis yang berlangsung di Royal Berkshire, Jerudong Polo and Country Club, di sini.

Yang Berhormat seterusnya yakin bahawa mesyuarat yang diadakan kali ini akan mengukuhkan lagi langkah-langkah kerjasama yang sedia ada dan pertukaran maklumat untuk menangani jenayah merentasi sempadan.

Cabaran-cabaran sengit meliputi pelbagai aspek keselamatan dalam tempoh 40 tahun kewujudan ASEAN telah mengukuhkan lagi keazaman dan saling yakin untuk terus bekerjasama ke arah keamanan, keselamatan dan kemakmuran serantau.

Kestabilan ASEAN, tegas Yang Berhormat, sebagai sebuah pertubuhan serantau dalam tahun-tahun kebelakangan ini hebat dan kukuh terutama terhadap prinsip-prinsip saling menghormati, tidak campur tangan, konsensus, dialog dan perundingan.

Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah bagi AMMTC Ke-6 yang bermula hari ini hingga esok 7 November yang mana akan disusuli dengan AMMTC bersama rakan-rakan dialog iaitu Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea Ke-3.

Mesyuarat yang diadakan setiap dua tahun secara bergilir-gilir di negara-negara anggota ASEAN itu memfokuskan kepada komitmen serantau dalam memerangi jenayah-jenayah merentasi sempadan

termasuk pengendalian, pengedaran dadah, penyeludupan senjata api, pembungkisan wang hasil jenayah, penyeludupan manusia, jenayah siber, jenayah ekonomi antarabangsa dan kegiatan lanun.

### TAHUKAH AWDA

MENURUT statistik Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik melalui Bahagian Pengurusan Hasil menyatakan perniagaan komersial di Negara Brunei Darussalam berhubung sekitar S30 juta kepada jabatan tersebut sementara tanggakan di kalangan rumah-rumah persendirian menjangkau S88 juta. Sejak tindakan memotong bekalan elektrik kerana tidak membayar bil elektrik mereka, bahagian berkenaan berhasil mendapatkan semula kira-kira S118 ribu. Menurut bahagian tersebut ia tidak akan teragak-agak memotong bekalan elektrik kepada mereka yang tidak membayar dan surut amaran tidak akan diberi kepada para pengguna. Langkah terbaru tersebut bertujuan menjadikan para pengguna lebih bertanggungjawab dalam penggunaan bekalan elektrik. Tindakan memotong bekalan elektrik mula-mula diperkenalkan pada bulan April 2006. Menurut perangkaan 2006 bil yang tidak dibayar di kalangan perniagaan-perniagaan di Brunei berjumlah kira-kira S40 juta dan pada 2007 turun sekitar S30 juta. Bagaimanapun di kalangan rumah-rumah persendirian jumlahnya meningkat daripada S79 juta tahun 2006 kepada sekitar S88 juta tahun 2007.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bergambar ramai bersama Menteri-menteri ASEAN selaku Ketua Delegasi, Timbalan Setiausaha Agung ASEAN serta Pegawai-pegawai Kanan ASEAN yang menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Bagi Jenayah Merentasi Sempadan (AMMTC) Ke-6 sejurus merasmikan AMMTC Ke-6. Majlis berlangsung di Royal Berkshire, Jerudong Polo and Country Club. - Foto : Abdullah Haji Awang Damit.





7 NOVEMBER 2007 BERSAMAAN 1428 26 شوال

## KHABAR ANGIN BERUNSUR FITNAH

**J**ABATAN Keselamatan Dalam Negeri, Jabatan Perdana Menteri dalam satu kenyataan rasmi pada 27 Oktober yang lalu memberikan peringatan tegas kepada mana-mana individu atau berkumpulan yang cuba menyebarkan khabar angin bagi tujuan untuk memfitnah atau mengaibkan maruah atau martabat mana-mana pihak di Negara Brunei Darussalam. Jabatan berkenaan amat memandang serius perbuatan yang tidak bertanggungjawab itu dan akan mengambil tindakan undang-undang tegas ke atas mana-mana individu yang masih terlibat atau melibatkan diri dalam perbuatan menyebarkan khabar angin.

Peringatan tegas itu dikeluarkan berikutan siasatan terhadap beberapa orang awam di negara ini yang telah menyebarkan khabar angin yang dinilai bukan sahaja boleh menjejaskan imej dan martabat orang-orang yang menjadi sasaran tetapi juga berpotensi menjejaskan keharmonian dan ketenteraman awam di negara ini.

Hasil siasatan rapi yang dijalankan oleh agensi berkenaan mendapati bahawa khabar angin yang cuba disebar oleh mereka yang tidak bertanggungjawab itu adalah sama sekali tidak berasas, tidak mempunyai kebenaran dan mengandungi unsur-unsur fitnah. Berikutan insiden itu, jabatan tersebut akan terus menjalankan siasatan ke atas mereka yang telah dikesan dan dikenalpasti terlibat dalam penyebaran khabar angin.

Kita selaku rakyat dan penduduk negara ini mustahak menjauhkan diri daripada perbuatan yang sia-sia seumpama itu, dan yang tidak mendatangkan manfaat langsung, bahkan mengundang kemudaratan. Banyak perkara lain yang lebih bermanfaat untuk kita bincangkan bersama terutama sekali dalam meningkatkan ekonomi negara, pendidikan anak bangsa dan kecemerlangan negara dari mereka-reka berita yang berunsur fitnah.

Memang tidaklah salah kita berbincang-bincang, bersembang di kedai-kedai kopi dan di majlis-majlis orang kavin, tetapi biarlah perbualan itu menjurus kepada yang membawa kemanfaatan bukannya mereka-reka 'cerita', membujuk-burukkan orang lain, mengadu domba dan menabur fitnah.

Apa yang menjadi tanggungjawab semua ialah bersama-sama menjaga keharmonian, keselamatan, keamanan dan kesejahteraan negara yang kita nikmati sekarang. Perlu diingat kita amat beruntung tinggal di negara ini yang terus aman damai dan sejahtera. Janganlah kita cemari dengan unsur-unsur yang tidak bertanggungjawab dengan ikut-ikutan menyebarkan khabar angin. Jadilah rakyat yang bertanggungjawab yang boleh menyumbang kepada kemajuan dan pembangunan negara.

Sebenarnya mereka yang menyebarkan khabar angin adalah mereka yang tidak bertanggungjawab. Mereka adalah anti kesejahteraan dan keamanan serta cuba mengeruhkan keadaan aman damai. Mereka seperti ini kita umpamakan cuba mencabar integriti dan kedaulatan negara. Namun seperti yang ditegaskan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa kita tidak akan bertolak ansur dan akan mengenakan hukuman keras terhadap mana-mana pihak sama ada orang dalam apatah lagi orang luar yang cuba menggugat ketenteraman dan keamanan negara.

Perbuatan menyebarkan khabar angin sejak kebelakangan ini bertiup kencang di negara kita terangnya berunsur fitnah dan tidak berasas sama sekali bahkan hanya direka-reka bagi tujuan untuk menarik minat orang ramai untuk mempercayainya. Alhamdulillah, kita merasa bersyukur, orang-orang kita tidak mudah 'termakan' dengan perkara-perkara yang tidak sihat itu. Orang-orang kita ini bijak menilai yang mana 'intan' dan yang mana 'permata'. Semogalah kekentalan kita akan berterusan dan tidak mudah mempercayai apa-apa jua berita yang disogokkan serta terus berhati-hati dan waspada dalam mendengar berita yang disifatkan khabar angin.

Khutbah Jumaat pada 2 November lalu juga menyentuh panjang lebar mengenai penyebaran khabar angin. Menurut khutbah itu, perbuatan menyebarkan berita-berita palsu, tidak benar apatah lagi yang berunsur fitnah adalah haram dan termasuk dalam kategori dosa besar.

Islam sendiri memandang serius perbuatan menabur fitnah sebab ia menyebarkan pelbagai bencana. Menimbulkan bibit-bibit permusuhan, huru-hara, perpecahan akibat daripada perbuatan yang tidak bertanggungjawab itu. Bahaya yang paling dahsyat ialah mengharu-burukkan keharmonian dan ketenteraman awam.

Semua pihak di negara ini perlu berganding bahu dalam memastikan penyebaran khabar angin tidak berleluasa dan mendatangkan bencana kepada negara. Berilah maklumat kepada agensi-agensi kerajaan berkaitan dengan perkara itu agar siasatan akan dapat dijalankan serta-merta kepada penyebar khabar angin yang terus 'beroperasi' melakukan kegiatan yang tidak bermoral itu.

## HASRAT NEGARA

# SISTEM PENDIDIKAN PERLU SENTIASA RELEVAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

**A**LHAMDULILLAH! Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana mengizinkan kita meraikan sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam kali ke-17 pada pagi ini.

Walaupun tarikh sebenar sambutan Hari Guru ialah pada 23 September, namun belumlah terlambat rasanya untuk beta mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua yang berkenaan.

Hari Guru adalah salah satu 'Hari Negara' yang kita raiakan pada setiap tahun. Ia membawa erti tersendiri kepada kebangkitan bangsa. Tidak akan ada kebangkitan itu tanpa guru. Gurulah pencetus mutlak semua kebangkitan.

Dengan guru, pendidikan terus berkembang. Tanpa pendidikan, tidak akan ada apa-apa yang boleh dipanggil kemajuan dan perkembangan.

Begitulah hebatnya guru. Guru adalah 'bapa dan ibu didik' kepada bangsa. Gurulah acuan yang berkesan. Kerana itu guru, tidak mungkin dapat berpisah dari pendidikan.

Berasaskan inilah beta pernah menyebut mengenai pentingnya mengada-

**BEGITULAH hebatnya guru. Guru adalah 'bapa dan ibu didik' kepada bangsa. Gurulah acuan yang berkesan. Kerana itu guru, tidak mungkin dapat berpisah dari pendidikan.**


kan satu Skim Perkhidmatan Perguruan untuk memastikan yang para guru berkualiti akan terus kekal bertugas di sekolah. Dengan skim ini juga akan memberikan ruang bagi guru-guru mencapai tahap gaji yang lebih tinggi, sejajar dengan sumbangan mereka yang besar itu.

Beta berharap, supaya

Skim Perkhidmatan ini akan segera direalisasikan.

Apa pun jua yang berbangkit mengenai 'pembelajaran', adalah ia berkait rapat dengan Sistem Pendidikan.

Kita perlu mempunyai sistem pendidikan yang sentiasa relevan dengan tuntutan zaman. Kita tidak mahu terciir di belakang



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Sambutan Hari Guru Ke-17 Bagi Tahun 2007 pada hari Sabtu, 15 Syawal 1428 / 27 Oktober 2007 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Bandar Seri Begawan.

sambil kebakuan membelenggu kita.

Kerana itu beta amat gembira bilamana Kementerian Pendidikan sedang mengemaskinikan Sistem Pendidikan Negara, yang dikenali sebagai Sistem Pendidikan Negara Abad 21 atau SPN 21. Langkah ini wajar, demi menyedari, bahawa arus proses globalisasi tidak akan menunggu sesiapa pun.

Sistem Pendidikan tidak hanya untuk melahirkan insan terpelajar, tetapi juga lebih penting, mesti mampu menjadi acuan menghasilkan generasi pemikir.

Terpelajar sahaja belumlah jadi jaminan apa-apa. Tetapi terpelajar yang pemikir, itulah pencorak masa depan negara yang ditunggu-tunggu.


Beta sungguh mengingini sistem yang berjaya melahirkan tenaga-tenaga pemikir, demi keyakinan, jika kita ketandusan mereka itu, maka negara akan mengalami kelemahan-kelemahan yang ketara di semua sudut.

Oleh itu, sampailah masanya kita memiliki 'tapak semailan' berupa Sistem Pendidikan: Menghasilkan Generasi Terpelajar Lagi Pemikir, selaku wawasan kita mengharungi abad ke 21 ini.

Akhirnya, beta tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada penerima-penerima anugerah Hari Guru pada tahun ini.

Sekian Wabillahit Tawfiq Walhidayah. Wasallamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## Menerima mengadap Menteri Pertahanan Singapura



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean, Menteri Pertahanan Republik Singapura di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan.

Duli Yang Teramat Mulia mengulaulukan Tuan Yang Terutama dan mengadakan perbincangan mengenai hubungan dua hala di antara kedua-dua buah negara.

TYT berada di negara ini bagi lawatan tiga hari ke negara ini. - Foto : Haji Sahrin Haji Asmat.



**P**ENURUNAN kutipan zakat harta ini menjadi isu utama titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah perutusan Sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 2007 yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei pada 12 Oktober yang lalu. Baginda melahirkan kekesalan dengan penurunan itu yang baginda sifatkan amat ketara.

Sememangnya kita juga amat hairan dengan penurunan kutipan zakat harta itu sedangkan seperti yang diketahui pertumbuhan ekonomi negara meningkat naik sehingga lima peratus. Kita juga merasa hairan mengapa kutipan tahun 2006 itu jatuh secara mendadak dengan perkiraan penurunan yang amat besar jumlahnya. Namun itulah kenyataan yang diterima sehingga tempoh 31 Ogos 2007 kutipan zakat harta adalah ketara menurun. Statistik telah memaparkan, pada tahun 2006, Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat hanya mengutip \$8.8 juta sahaja, berbanding dengan tahun 2005 telah mengutip \$18.9 juta, suatu penurunan yang amat ketara dan besar.

Berikutan dengan penurunan ini, baginda mengesahkan pihak berkenaan, bukan hanya setakat mengemukakan fakta dan data, tetapi lebih penting lagi, menanganinya dengan ka-

jian-kajian terperinci, mengapakah kemerosotan atau penurunan berlaku? Ini, akan memberikan kita maklumat yang berguna dan seterusnya membuka jalan ke arah mengesan lagi cara pengendalian zakat serta sekali gus mengatasi masalah.

Baginda seterusnya bertitah, mengapakah kutipan itu menurun? Adakah ini merujuk kepada penurunan ekonomi, ataupun ianya ada kaitan dengan perubahan sikap kita dalam penunaian zakat? Jika betul ia ada

## ANALISIS TITAH

Oleh :  
**Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor**  
fatimah.noor@information.gov.bn

kaitan dengan perubahan sikap, mengapakah ia berubah itu? Dalam konteks ini baginda seterusnya bertitah berpendapat, tentu ada faktor yang menyebabkannya berubah sama ada faktor dalaman daripada diri masyarakat sendiri ataupun faktor lain.

**MENGHURAikan ISU SEMASA**  
Dalam hubungan ini, sebagai contoh, ahli-ahli

akademik negara ini sudah sedia dimaklumi mempunyai kepakaran untuk melakukan penyelidikan-penyelidikan yang berautoriti. Menerusi kepakaran masing-masing, mereka mampu untuk mencari huraian-huraian praktikal mengenai isu-isu semasa yang kita hadapi, sama ada ia isu sosial-kemasyarakatan atau lain-lain, seperti isu-isu khusus mengenai ekonomi, ke-

wangan, perubahan dan seumpamanya.

Apakah dalam keperluan-keperluan seperti ini mereka tidak patut dibantu dan didukung?

Rata-rata masyarakat dunia hari ini berhadapan dengan dilema kemiskinan. Mengapakah kepakaran tidak dimanfaatkan untuk mengkaji punca-punca kemiskinan serta bagaimana langkah mengatasinya?

Baginda juga menegaskan dalam bidang ekonomi, apakah tidak patut kepakaran digunakan untuk memandu, menasihati dan mencetuskan idea-idea baru yang lebih ino-

vatif dan progresif supaya perkembangan sektor perusahaan kecil dan sederhana (SME) lebih menyerlah lagi, sehingga mampu menjadi pemangkin kepada kepelbagaian sumber ekonomi negara?

Begitu juga di bidang kewangan, mengapakah kepakaran tidak terlibat untuk menyelidik isu-isu utama mengembangkan sektor kewangan dan insurans Islam dan lain-lain seumpamanya?

Semogalah dengan adanya kajian mendalam akan memberikan kita maklumat yang berguna ke arah membuka jalan

bagi mengesan lagi cara pengendalian zakat harta yang sekali gus akan mengatasi kemelut yang melanda itu.

Sama-samalah kita berharap agar kutipan ini akan meningkat pada tahun 2008. Kita amat percaya, penyumbang-penyumbang zakat harta akan mengeluarkan zakat harta mereka seperti lazimnya apabila cukup tempoh haulnya.

Semogalah usaha kita dalam urusan zakat akan berhasil mencapai tujuan serta hikmat ianya disyariatkan. Tanggungjawab dan amanah mengenainya amatlah besar dan berat.

# Rombongan Menteri Hal Ehwal Luar Malaysia diraikan

**JERUDONG, Isnin, 29 Oktober.** Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah telah mengurniakan Majlis Santap Malam bagi Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Syed Hamid Albar dan Yang Berhormat Datin Seri Sharifah Aziah Syed Zainal Abidin.

Majlis Santap Malam tersebut berlangsung di sebuah hotel terkemuka di negara ini.

Yang Berhormat Dato' Seri Syed Hamid Albar berada di negara ini bagi mengetuai delegasi Malaysia bagi Sukan Antara Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (MFA Games) Negara Brunei Darussalam - Malaysia yang pertama.

Sukan tersebut diadakan bertujuan untuk me-

Oleh : **Abu Bakar Haji Abdul Rahman**  
bakar.rahman@information.gov.bn  
Foto: **Haji Sahrin Haji Asmat**

ngukuhkan lagi hubungan di antara kedua-dua buah negara.

Di majlis tersebut Duli Yang Teramat Mulia mengalu-alukan Yang Berhormat Dato' Seri Syed Hamid Albar dan Yang Berhormat Datin Seri Sharifah Aziah Syed Zainal Abidin dan delegasi Malaysia ke negara ini.

DYTM ketika bersabda menyatakan acara sukan ini mengeratkan lagi persahabatan dan menyapaikan rasa muhibbah

Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Negara Brunei Darussalam kepada rakan-rakan di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Malaysia.

Di majlis itu juga, YTM Pengiran Anak Isteri berkenan menyampaikan hadiah kepada pegawai-pegawai yang ikut serta dalam Sukan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri ini.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah ketika meraikan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Malaysia dan rombongan di Majlis Santap Malam.



# BSM melaksanakan kepentingan keselamatan

**BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Oktober.** Syarikat Pemasaran Brunei Shell (BSM) telah melancarkan Hari Keselamatan Kedua untuk mengingati kepentingan keselamatan di tempat kerja.

Majlis pelancaran di bangunan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) di ibu negara itu dihadiri oleh lebih dari 120 orang yang mewakili stesen-stesen penjual minyak, agensi penjual kereta, Jabatan Pengangkutan Darat dan pegawai-pegawai serta kakitangan sektor swasta.

Pengarah BSM, Pengiran Haji Yasmin bin Pengiran Haji Mohammad, ketika berucap me-

Oleh : **Ak. Haji Mohd. Zukarnaen**  
**Pg. Haji Abu Bakar**

nyatakan kempen tersebut dihasratkan untuk mengurangkan jumlah kemalangan.

Beliau berkata, "Pada Hari Keselamatan ini, kami akan mengelakkan kemalangan kosong, iaitu untuk mengurangkan tahap kemalangan dengan meningkatkan lagi tahap keselamatan dan menuju terus untuk menghapuskan kemalangan yang dahsyat."

BSM katanya, sudah pun maju dalam kesela-

matan sejak 2002 dan mengurangkan kemalangan semasa kerja.

"Saya mahu mengambil peluang untuk berterima kasih kepada pihak kontraktor, pelanggan dan individu yang telah memberikan sokongan dan komitmen dalam menuju mengurangkan kemalangan. Marilah kita semua menuju ke GOAL ZERO dalam semua peringkat dan menuju terus ke visi keselamatan," katanya.

Pada Hari Keselamatan ini satu penyampaian kecemerlangan pada kakitangan BSM, pemilik stesen minyak dan kontraktor BSM sebagai petan-

da kerana komitmen mereka untuk sentiasa menuju keselamatan sebagaimana prosedur dan komitmen BSM.

Tahun ini, aktiviti-aktiviti Minggu Keselamatan termasuklah penjualan, operasi pengangkutan darat dan semua yang terlibat.

Kempen ini meliputi kakitangan-kakitangan syarikat, kontraktor dan juga pemilik stesen minyak, yang mana mereka akan mengadakan program 'workshop' dan 'training' untuk menaikkan lagi tahap kesihatan, keselamatan dan alam sekitar 'Health, Safety and Environment.'



# Berkenan kurniakan watikah dan menerima surat tauliah pelantikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 November.-Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Watikah Pelantikan kepada tiga perwakilan Negara Brunei Darussalam ke luar negara serta menerima Surat Tauliah Pelantikan tiga perwakilan negara sahabat ke negara ini dan seterusnya menerima menghadap para perwakilan berkenaan di Istana Nurul Iman.

Mula-mula baginda berkenan mengurniakan Watikah Pelantikan kepada Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Awang Abdul Ghafar bin Ismail; diikuti Duta Besar negara ini ke Republik Rakyat China, Puan Yang Terutama Somdy Bounkhom; dan Duta Besar negara ini ke Belgium, TYT Pengiran Haji Alihashim bin Pengiran Yussof.

Baginda kemudian berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan dari Duta Besar Republik Demokratik Rakyat Lao ke negara ini, Tuan Yang Terutama Somdy Bounkhom; diikuti Duta Besar Republik Arab Mesir ke negara ini, Tuan Yang Terutama Hany Abdelkader Shash dan Duta Besar Norway ke negara ini, Tuan Yang Terutama Arild Braastad.

Selesai Majlis Mengurniakan Watikah Pelantikan dan Menerima Surat Tauliah Pelantikan baginda kemudian berkenan

menerima menghadap para perwakilan tersebut di ruang lain Istana Nurul Iman.

Baginda mula-mula berkenan menerima menghadap TYT Awang Abdul Ghafar, PYT Magdalene Chee Siong Teo dan TYT Pengiran Haji Alihashim.

Setelah itu baginda berkenan pula menerima menghadap secara berasingan TYT Somdy Bounkhom diikuti TYT Hany Abdelkader Shash dan TYT Arild Braastad.

TYT Awang Abdul Ghafar, 55 tahun adalah lulusan European Institute of Public Administration (EIPA), Nederland, MA (International Law & Diplomacy - USA), Foreign Service & Diplomatic Course, Australian National University & Ministry Of Foreign Affairs and International Trade - Australia, PGCE, Reading University, United Kingdom dan B. A (Hon) Geography - United Kingdom.

Sejak November 2001 hingga Jun 2007 TYT dilantik sebagai Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke India merangkap Pesuruhjaya Tinggi tidak menetap ke Sri Langka dan Duta Besar ke Nepal.

Sebelum itu TYT pernah berkhidmat sebagai Pengarah Politik II, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam (1999 - 2000); Pengarah Ekonomi Berbagai Hala (1998 - 1999), Timbalan Grand Chamberlain di Pejabat Kebawah DYMM (1996 - 1998), Timbalan Pengarah Protokol dan Hal Ehwal

Oleh : Sahari Akim  
sahari.akim@information.gov.bn  
Foto : Halim Haji Sulaiman,  
Ampuan Haji Mahmood  
Ampuan Haji Tengah

Konsuler (1993 - 1995), Timbalan Pengarah ASEAN (1992 - 1993), Setiausaha Pertama Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi (1989 - 1992), Pembantu Pengarah Ekonomi (1988 - 1989), Setiausaha Kedua Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam ke Bangkok (1985 - 1987) dan mula berkhidmat dengan kerajaan pada tahun 1978.

Sementara itu, PYT Magdalene Chee Siong Teo, 51 tahun berkelulusan BA (Hon) Undang-Undang dari sebuah universiti di United Kingdom mahir berbahasa Melayu, Inggeris, Mandarin selain boleh berbahasa Jepun dan Jerman.

Sejak tahun 2005, PYT berkhidmat sebagai Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Kanada selain Brazil dan Argentina.

Sebelum itu PYT juga pernah berkhidmat sebagai Timbalan Pesuruhjaya Tinggi ke United Kingdom (2003 - 2005), Pengarah Jabatan Politik II, khusus bagi Amerika, Eropah, Timur Tengah, Afrika dan Asia Tengah (2001 - 2003), Timbalan Pengarah II Jabatan Politik (1998 - 2001), Setiausaha Pertama Suruhanjaya Tinggi ke Kanada (1995 - 1998), Penolong Pengarah Jabatan ASEAN (1992 - 1995), Setiausaha Kedua Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam ke Jepun (1989 -

1992) dan mula berkhidmat di Meja Politik dan Protokol Jabatan Konsular (1985 - 1989).

TYT Pengiran Haji Alihashim, 47 tahun berkelulusan B. A Humanities sebelum ini merupakan Pengarah II Jabatan Politik Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri selain pernah memegang jawatan Pengarah Politik II MOFAT (2005), Pemangku Pengarah Jabatan Politik II MFA (Oktober 2005), Pemangku Timbalan Pengarah Jabatan Perancangan Dasar (2001 - 2003), Pembantu Pengarah Jabatan Perancangan Dasar (1995 - 2001), Pegawai Diplomatik Jabatan Politik (1995 - 1995), ditempatkan di Bonn, Jerman (1992 - 1996), Pegawai Pentadbir Tingkat I (1987 - 1994) dan Pegawai Pelajaran Kementerian Pendidikan (1986 - 1987).

Sementara itu, Duta Besar Republik Demokratik Rakyat Lao, TYT Somdy Bounkhom, 49 tahun berkelulusan Sarjana dalam Hubungan Antarabangsa, Institute International Relation, Moscow sebelum ini bertugas sebagai Setiausaha Tetap Jawatankuasa Hubungan Luar Jawatankuasa Pusat Parti Memerintah (Mei 2007) dan sebelumnya sebagai Timbalan Setiausaha Tetap bagi tugas yang sama (2006 - Mei 2007).

Lihat muka 5



1. KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan Watikah Pelantikan kepada Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Awang Abdul Ghafar bin Ismail.



2. KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika berkenan mengurniakan Watikah Pelantikan kepada Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat China, Puan Yang Terutama Somdy Bounkhom.

3. BAGINDA ketika berkenan mengurniakan Watikah Pelantikan kepada Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Belgium, Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Alihashim bin Pengiran Yussof.

4. BAGINDA ketika berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan Duta Besar Republik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Somdy Bounkhom.

5. BAGINDA ketika berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan Duta Besar Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama Hany Abdelkader Shash.

6. BAGINDA ketika berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan Duta Besar Norway, Tuan Yang Terutama Arild Braastad.





PESURUHJAYA Kehakiman Mahkamah Besar bagi Hakim Mahkamah Rayuan, Yang Arif Hakim Geoffrey Lance Davies ketika mengangkat sumpah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman.



PESURUHJAYA Kehakiman Mahkamah Besar bagi Hakim Mahkamah Tinggi, Yang Arif Hakim Gareth John Luger Mawson ketika mengangkat sumpah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman.

## Dua Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar mengangkat sumpah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 1 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan berangkat ke Majlis Mengangkat Sumpah bagi dua Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar.

Majlis Mengangkat Sumpah bagi kedua-dua Pesuruhjaya Kehakiman berlangsung di Istana Nurul Iman.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Duli Yang Teramat

Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Mula-mula sekali mengangkat sumpah ialah Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar bagi Hakim Mahkamah Rayuan, Yang Arif Hakim Geoffrey Lance Davies.

Beliau pernah bertugas sebagai Presiden Persatuan Peguam Queensland pada tahun 1987 hingga 1989.

Beliau berpengalaman luas dalam kehakiman di Australia dan menerima Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dari Universiti QUT dan Ahli Kehormat Seumur Hidup Institut Pentadbiran Kehakiman Australia.

Hakim Geoffrey Lance Davies dilantik seba-

gai Hakim Mahkamah Rayuan pada bulan Disember 1991.

Seterusnya diikuti pula oleh Yang Arif Hakim Gareth John Luger Mawson mengangkat sumpah sebagai Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar bagi Hakim Mahkamah Tinggi.

Beliau yang dilahirkan pada 13 Disember 1948 di Doncaster, England memulakan kerjaya dalam bidang kehakiman pada tahun 1981, sebahagian besarnya di Hong Kong.

Beliau mula-mula dilantik sebagai Hakim Mahkamah Daerah Hong Kong dari tahun 1991 hingga 1997 dan pernah menjadi Timbalan Hakim Mahkamah Tinggi dari tahun 1997 hingga 1999 dan menjadi Hakim Mahkamah Tinggi dari tahun 1999 hingga 2005.

Oleh : Aliddin Haji Moktal  
aliddin.moktal@information.gov.bn  
Foto : Haji Sahrin Haji Asmat

Surat pelantikan kedua-dua Pesuruhjaya Kehakiman itu dibacakan oleh Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin.

Hadir sama ke majlis itu ialah Ketua Hakim Dato Seri Paduka Mohammed Saied dan Peguam Negara, Dato Seri Paduka Awang Haji Kifrawi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke negara ini, Tuan Yang Terutama Sornsilp Polteja di Istana Nurul Iman. - Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.

## Kebawah DYMM menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke negara ini, Tuan Yang Terutama Sornsilp Polteja, di Istana Nurul Iman.

Tuan Yang Terutama Sornsilp Polteja yang akan menamatkan perkhidmatan-

Oleh : Haji Ahat Haji Ismail  
ahat.ismail@information.gov.bn

nya, telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikannya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada 3 Februari 2005.

Hadir di Majlis Mengadap tersebut ialah Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Ismail bin Pengiran Haji Mohammed.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke negara ini, Puan Kanchna Polteja di Istana Nurul Iman. - Foto : Haji Sahrin Haji Asmat.

## Kebawah DYMM Raja Isteri berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap Puan Kanchna Polteja, isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke negara ini, Tuan Yang Terutama Sornsilp Pol-

Oleh : Samle Haji Jait  
samle.jait@information.gov.bn

teja akan menamatkan perkhidmatannya. Majlis Mengadap berlangsung di Istana Nurul Iman.

Hadir di Majlis Mengadap tersebut ialah Datin Hajah Masnah bin Haji Tuah.

### Dari muka 4

Sebelum itu, TYT merupakan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pelbagai Parti Bagi Jawatankuasa Hubungan Luar Jawatankuasa Pusat Parti Memerintah (2005 - 2006), Konsuler Politik Kedutaan Besar Republik Demokratik Rakyat Lao di Viet Nam (2001 - 2005), Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (1992 - 2001), Setiausaha Ketiga Kedutaan Lao di Moscow (1987 - 1992) dan Pegawai Bagi Jawatankuasa Hubungan Luar, Jawatankuasa Pusat Parti Memerintah (1986 - 1987).

TYT Hany Abdelkader Shashi, 56 tahun, graduan BA Undang-Undang Akademi Polis beribu pejabat di Kuala Lumpur yang boleh berbahasa Inggeris, Perancis dan Jerman sebelum ini merupakan Pengarah Jabatan Kehakiman, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Antara jawatan yang TYT pernah pegang termasuklah

Duta Besar ke Republik Filipina, Belgrade, Konsul ke Kuwait (Konsul Agung).

Sementara itu TYT Arild Braastad, 61 tahun, graduan Undang-Undang Universiti Bergen merupakan Duta Besar Norway ke Malaysia (2006), Republik Demokratik Rakyat Korea (2004 - 2006), Seoul (2001 - 2006), Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pentadbiran (1999 - 2001) dan Pembantu Ketua Pengarah Jawatan yang sama (1997 - 1999), Pembantu Ketua Pengarah Jabatan Media, Hubungan Kebudayaan dan Penerangan (1995 - 1997), Ketua Bahagian, Ketua Sekretariat EEA (1994 - 1995), Konsuler Kedutaan ke EU (1990 - 1994), Pegawai Eksekutif Kanan MFA (1988 - 1989), Setiausaha Kedua Kedutaan di Lagos (1981 - 1984), Pelatih Program Perkhidmatan Luar Negeri (1979 - 1981), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (1978 - 1979) dan Setiausaha Lembaga Penyiataan Kemalangan Pesawat Norway (1976).



TINJAUAN

# ILMUWAN DAN PELAJAR BERSIFAT PENCORAK, PEMIKIR, PEMIMPIN MASA KINI DAN AKAN DATANG

**P**ENGERTIAN penjana modal insan dalam konteks Brunei amat luas jika diselusuri secara mendalam, kerana ianya mencakupi tiga elemen penting dalam kehidupan beragama, bernegara dan beraja.

Ketika ditemu bual, Penolong Naib Canselor (Am) di Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Haji Serbini bin Matahir menjelaskan, titah sebegini membuktikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berpandangan amat jauh ke hadapan sehinggalah dipercayai sebilangan besar orang tidak dapat menyelami hasrat baginda yang begitu murni untuk mensejahterakan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang bernaung di bawah pemerintahan baginda.

Ketiga-tiga elemen tersebut tegas Dr. Haji Serbini, adalah berkait rapat bagi kelangsungan penjaan modal insan yang dihasratkan oleh negara. Elemen pertama ialah 'pembentukan keluarga,' bahagian ini adalah asas penting dalam penjaan modal insan yang dipelopori oleh ibu dan bapa serta yang lebih tua daripada keduanya. Dalam hal ini ibu bapa di era globalisasi perlu tahu tentang ilmu keibubapaan agar mereka tidak termasuk dalam perumpamaan 'ketam mengajar anaknya berjalan betul.' Dalam masa yang sama kita penuh berharap agar mereka akan mampu memikul tanggungjawab selaku ibu dan bapa ke atas anak-anak mereka. Tuntutan ke atas ibu dan bapa agar mereka mengetahui.

Tugas dan kewajipan mereka memberikan modal insan ke atas anak-anak mereka yang diumpamakan kain putih ini adalah sebagai melaksanakan perintah Allah bahkan demi meneruskan kebahagiaan hidup anak-anak, cucu-cicit yang bakal mencorakkan nasib negara.

Menjana modal insan di sini jelas Dr. Haji Serbini bukan setakat memberikan contoh, malah lebih luas mencakupi dalam menunjuk ajar berbuat kebaikan dan kebajikan sesama insan serta makhluk-makhluk yang ada di dunia ini, umpamanya jangan mencekuri alam sekitar, jangan jadi pemugut, jangan menyakiti orang lain dan lagi yang tidak kurang pentingnya para ibu dan bapa wajib mengetahui dengan siapa anak-anak mereka berkawan. Apabila elemen pertama ini berjaya dilaksanakan dengan sebaiknya, kita penuh yakin elemen seterusnya dengan mudah dapat dipraktikkan itu pun setelah mengambil kira hambatan-hambatan yang bakal ditempuhi.

Elemen kedua adalah 'pembentukan pendidikan negara' yang dihasratkan sebagaimana difahami dalam petikan titah sempena Musabaqah Tilawatil Qur'an belia Asia Tenggara 2007 "Beta adalah menginginkan satu masyarakat belia yang konsisten kepada amalan-amalan beragama, kepada budi pekerti yang mulia serta sentiasa memahami akan harga diri mereka selaku aset negara. Para belia perlu mesra dengan agama dan kaya dengan unsur-unsur budaya yang sehat." Ini membuktikan pendidikan negara biarlah seimbang dalam erti kata 'hablun minallah dan hablun minannas' bukannya semata-mata sains dan teknologi serta matematik yang jika tidak terkawal dan terarah akan melahirkan manusia-manusia robot.

## JADIKAN WAWASAN

Menurut pendapat Dr. Saiful Azmi bin Haji Awang

Oleh :  
**Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor**  
fatimah.noor@information.gov.bn

Foto:  
**Abdullah Haji Awang Damit**

Husain, Pensyarah Matematik, memegang jawatan sebagai Dekan Pelajar di UBD dan juga selaku Setiausaha Agung, Gabungan Koperasi Nasional Berhad, aspirasi yang dapat diambil dan dijadikan salah satu wawasan dan misi beliau daripada Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama ahli-ahli tenaga akademik institusi-institusi tinggi di negara ini, ialah untuk dapat menggunakan ilmu kepakaran beliau dan meningkatkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan bagi mengatasi masalah atau isu yang dihadapi bagi kepentingan dan kesejahteraan rakyat di negara ini.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ada menekankan di dalam titah baginda tentang sumbangan dan sokongan padu para ilmuwan kepada perusahaan kecil dan sederhana (SME). Sebagai contoh, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada Pembangunan Gerakan Koperasi (Cooperative Movement) di negara ini melalui Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA). Salah satu usaha jabatan tersebut untuk membantu mengembangkannya gerakan koperasi di negara ini ialah dengan mengaktifkan semula Gabungan Koperasi Nasional (GKN), iaitu sebagai badan induk (apex body) yang mana, antara tujuan

GKN ditubuhkan ialah untuk menyatupadukan semua koperasi berdaftar, mewakili Gerakan Koperasi Negara Brunei Darussalam di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dan untuk mengembangkan prinsip-prinsip dan amalan-amalan berkoperasi.

Untuk merealisasikan tujuan ini, tegas Dr. Saiful Azmi setentunya KPSSU memerlukan sumber tenaga manusia yang berkebolehan untuk membantu, membimbing dan mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi serta luas dalam menggerakkan aktiviti-aktiviti koperasi dalam bidang SME.

Menurut beliau, dengan adanya kepakaran dan kebolehan yang sedia ada itu, beliau akan dapat menyumbang dari segi khidmat nasihat dan bantuan yang bersangkutan-paut dengan pentadbiran dan pengurusan, penyelidikan, perancangan dan pelaksanaan projek, latihan, pendidikan dan sumpamanya bagi menjun- juti titah baginda.

## KAJI SELIDIK SANGAT PENTING

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking berpendapat sumbangan yang diberikan para ilmuwan kepada negara tidak semata-mata dari segi material sahaja bahkan juga membuat kaji selidik. Kaji selidik amat penting dalam mencari kelemahan-kelemahan tertentu dan melaluinya akan dapat membuahkan hasil-hasil fakta dan boleh dicadangkan langkah-langkah dalam menanganinya.

**YANG Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking berpendapat sumbangan yang diberikan para ilmuwan kepada negara tidak semata-mata dari segi material sahaja bahkan juga membuat kaji selidik. Kaji selidik amat penting dalam mencari kelemahan-kelemahan tertentu dan melaluinya akan dapat membuahkan hasil-hasil fakta dan boleh dicadangkan langkah-langkah dalam menanganinya.**



**YANG Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking** berpendapat, sumbangan yang diberikan para ilmuwan kepada negara tidak semata-mata dari segi material sahaja bahkan juga membuat kaji selidik.



**DR. Saiful Azmi bin Haji Awang Husain**, Pensyarah Matematik juga menekankan pelajaran, Universiti Brunei Darussalam (UBD), inspirasi akan dapat dijadikan wawasan.



**DAYANG Rosnani binti Haji Hamid** dari Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR) bergembira beramah mesra di Aidilfitri bersama baginda.



**DAYANG Noorasikin binti Haji Adanan** dari MTSSR menjunjung tinggi wawasan baginda.



**PENOLONG Naib Canselor (Am) UBD, Dr. Haji Serbini**, pengertian 'penjana modal insan dalam konteks Brunei amat luas, ia mencakupi tiga elemen dalam kehidupan beragama, bernegara dan beraja.'



**DAYANG Farhanah binti Orang Kaya Seri Wangsa Haji Abdullah** menyokong titah baginda, yang menekankan para ilmuwan modal insan.



**DAYANG Mardiah binti Haji Ismail**, Pendaftar MTSSR ... "Para ilmuwan perlu menyumbangkan ilmu mereka untuk kesejahteraan bersama, kerana mereka adalah penjana modal insan seperti titah baginda."



**PENGIRAN Hajah Salmiah binti Pengiran Haji Shahbuddin**, wakil tenaga pengajar Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan (KUPUSB) menjunjung tinggi harapan baginda agar negara kita mempunyai pakar selidik dalam apa jua bidang.

Antaranya, kelemahan bagi penuntut-penuntut sekolah menengah ke bawah. Masalah yang biasa mereka hadapi ialah dari segi hala tuju. Untuk menuntut ke peringkat 'A' Level pastinya mahu 4 'O' Level, jadi yang tidak berkelayakan ke mana perginya? Walaupun ada sekolah vokasional dan teknikal tetapi masih ada yang belum punya pekerjaan.

Jadi kita tidak dapat membiarkan mereka. Dengan adanya kaji selidik di lakukan dalam banyak bidang perlahan-lahan masalah ini boleh di atasi, misalnya buat penyelidikan bidang yang berpotensi untuk mereka ceburi.

Selain itu, pakar ilmuwan apabila sudah berpen- ceolah sudah berpen- ceolah tidak ada peng- hujungnya. Kalau dapat macam mana mereka dapat menerapkan sumbangan ini agar tidak sia-sia.

Bagi Pengiran Hajah Salmiah binti Pengiran Haji Shahbuddin, wakil tenaga pengajar Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan (KUPUSB), menjunjung tinggi harapan baginda agar negara kita mempunyai pakar selidik dalam apa jua bidang isu-isu semasa yang kita hadapi termasuklah isu sosial.

gembira bersama dengan rakan-rakan yang lain beramah mesra bersama baginda. Kegembiraan ini turut dirasakan oleh Dayang Mardiah binti Haji Ismail, Dayang Farhanah binti Orang Kaya Seri Wangsa Haji Abdullah, Dayang Rosnani binti Haji Hamid dan Dayang Noorasikin binti Haji Adanan dari Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR) yang juga menghadiri sambutan Hari Raya yang penuh bermakna bagi mereka apa lagi menyahut titah baginda yang menekankan para ilmuwan pen- jana modal insan.

Bagi Dayang Mardiah, Pendaftar MTSSR para ilmuwan perlu menyumbangkan ilmu mereka untuk kesejahteraan bersama, kerana mereka adalah penjana modal insan seperti titah baginda "Orang-orang yang beriman mendapat pujian daripada Allah. Mereka boleh mengalahkan ahli i- ba-

dat, kerana ahli ibadat beribadat untuk diri mereka sendiri, sedang ahli ilmu menyumbangkan ilmu mereka untuk kesejahteraan bersama."

Sebagai menyahut titah baginda itu tegas beliau per- lunya setiap jabatan dan kementerian menubuhkan kumpulan ahli pemikir masing-masing bagi merancang dan membantu jentera peng- urusan kerajaan sentiasa 'up to date' kerana kita tidak mahu tercicir di belakang dan membelenggu hidup kita. Kita harus berhadapan dengan hambatan era globa- lisasi dan tuntutan zaman yang semakin mencabar minda, daya berfikir dan cara bertindak.

Para ilmuwan dan pelajar mestilah jadi mentor (pem- bimbing), guru dan pakar pemikir. Mereka adalah sumber budaya intelektual. Mereka patut disokong dan didukung untuk melahirkan budaya yang sihat ini.

Beliau melahirkan ke-



# JPM raikan Hari Raya Aidilfitri

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 21 Oktober. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Proper) hari ini mengadakan sambutan Hari Raya Aidilfitri sempena menyambut kedatangan bulan Syawal yang diadakan di Hua Ho Mall, Manggis di sini.

Berangkat di majlis tersebut Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Khairul Khalil.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Eusoff Agaki bin Haji Ismail.

Oleh :  
**Abu Bakar Haji Abdul Rahman**  
bakar.rahman@information.gov.bn

Hadir sama di majlis itu ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha-setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan JPM (Proper), Unit Majlis Mesyuarat, Institut Perkhidmatan Awam dan Bahagian Tenaga.

Selain sebagai acara tahunan majlis ini juga dihasratkan sebagai satu landasan untuk beramah mesra dan mengeratkan hubungan antara pegawai dan kakitangan JPM (Proper).



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Khairul Khalil berangkat di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Jabatan Perdana Menteri yang berlangsung di Hua Ho Mall, Manggis. - Foto : Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

# Rombongan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berkunjung ke Temburong



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adnan dan rombongan ketika membuat lawatan dan kunjungan Hari Raya ke rumah penghulu-penghulu di Daerah Temburong. - Foto : Halim Haji Sulaiman.

Oleh : **Abu Bakar Haji Abdul Rahman**  
bakar.rahman@information.gov.bn

TEMBURONG, Isnin, 22 Oktober. - Berkunjungan di hari lebaran merupakan tradisi yang diamalkan di negara ini yang secara langsung dapat memperkenalkan serta mengeratkan hubungan antara satu yang lain yang menjurus kepada kebaikan.

Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1428 Hijrah / 2007 ini, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan rombongan meneruskan lawat-

an kerja dan kunjungan Hari Raya ke rumah penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung di Daerah Temburong.

Rombongan yang diketuai oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adnan turut disertai oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato

Paduka Haji Awang Dani; Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha Tetap, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap berserta pegawai-pegawai kanan dari kementerian berkenaan.

Kunjungan bermula di rumah Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Mohd. Amrizal bin Pengiran Haji Mahmud dan kunjungan diteruskan ke rumah Ketua Kampung Piasau-Piasau, Awang Haji Alli bin Haji Nudin.

Kunjungan selepas itu diteruskan ke rumah Ketua Kampung Batu Apoi, Awang Haji Daud bin

Masri yang antara lain berpendapat dengan adanya kunjungan seumpama itu akan dapat mengeratkan lagi hubungan antara pegawai-pegawai di KHEDN dengan penduduk mukim dan kampung di daerah tersebut terutama Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim mahupun Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung.

Turut dikunjungi ialah rumah Penghulu Mukim Bangar, Penghulu Mukim Bokod, dan diakhiri di rumah Ketua Kampung Selangan, Parit dan Biang Menengah.

## Lawatan kerja ke mukim-mukim kampung-kampung Daerah Brunei dan Muara

Oleh : **Marzuki Haji Mohd. Serudin**

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 Oktober. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adnan beserta rombongan mengadakan lawatan kerja dan kunjungan Hari Raya ke mukim-mukim dan kampung-kampung di Daerah Brunei dan Muara.

Rombongan Yang Berhormat mula-mula berkunjung ke rumah Ketua Kampung Tamoi Tengah, rumah Ketua Kampung Pekan Lama, Mukim Burong Pinggai Ayer, rumah Penghulu Mukim Peramu, rumah Ketua Kampung Saba Darat 'B', Mukim Saba, rumah Ketua Kampung Setia 'B', Mukim Sungai Kebun, rumah Ketua Kampung Lumapas 'B', Mukim Lumapas dan diakhiri di rumah Ketua Kampung Limau Manis, Mukim Pengkalan Batu.

Kunjungan tersebut antara lain bertujuan



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adnan dan rombongan membuat lawatan dan kunjungan Hari Raya ke salah sebuah rumah ketua kampung di Daerah Brunei dan Muara. - Foto : Ak. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

mengeratkan lagi tali silaturahmi di antara pegawai-pegawai Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya, di samping beramah mesra dan berinteraksi bersama Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung berserta penduduk-penduduk kampung di daerah tersebut.

Menyertai rombongan Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani; Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Haji Mohd. Mahdi; Pemangku Setiausaha Tetap KHEDN, Dato Paduka Awang Haji Adnan; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Haji Omar, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan di bawah KHEDN.

KUALA BELAIT, Sabtu, 20 Oktober. - Sebagai sebuah agensi kerajaan yang bertanggungjawab terhadap kesejahteraan dan kebahagiaan penduduk negara ini, Jabatan Penerangan akan sentiasa melibatkan diri dan mendekatkan diri dengan rakyat sama ada melalui aktiviti formal atau tidak formal.

Ianya merupakan proses bagi bertukar dan berkongsi maklumat di antara satu dengan yang lain. Se-

Oleh : **Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli**  
saidah.omaralli@information.gov.bn

hubungan itu Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni bersama rombongan mengadakan kunjungan ramah mesra Hari Raya Aidilfitri ke rumah beberapa orang ketua kampung di Daerah Belait.

Pemangku Pengarah Penerangan mengetuai rombongan para pegawai Jabatan Penerangan memulakan kunjungan ke

rumah Ketua Kampung Pekan Seria, Awang Haji Ibrahim Idrus dan seterusnya ke rumah Ketua Kampung Pandan 'B', Awang Haji Abd. Malek Abu Bakar.

Semasa kunjungan tersebut pelbagai isu masalah yang dihadapi oleh penduduk kedua-dua kampung berkenaan antaranya masalah perparitan dan penempatan pili bomba di

kawasan perumahan di kampung-kampung terabit. Sesuai dengan peranan Jabatan Penerangan akan menghadapkan segala permasalahan yang dibangkitkan itu kepada pihak-pihak berkaitan.

Program ramah mesra Hari Raya Aidilfitri ke mukim dan kampung yang terpilih di keempat-empat buah daerah merupakan salah satu projek tahunan jabatan berkenaan dan dimulakan sejak tahun 2003 antara lain bertujuan mengeratkan lagi hubungan silaturahmi antara ketua kampung dan majlis-majlis perundingan mukim dengan agensi-agensinya kerajaan.

Ianya dihasratkan dapat membantu institusi penghulu dan ketua kampung dalam sama-sama menyumbangkan ke arah kemajuan dan pembangunan negara. Dalam kunjungan tersebut rombongan dari Jabatan Penerangan telah mendengar sejarah, aktiviti, kemudahan dan kemajuan kampung-kampung yang dilawati oleh ketua kampung masing-masing.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni mengetuai rombongan membuat kunjungan Hari Raya ke rumah Ketua Kampung Pekan Seria. - Foto : Ak. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.



# Majlis Sambutan Hari Puja Usia



**K**EBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Puja Usia baginda anjuran bersama Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD), Persatuan Wanita Brunei Shell, PENJURU dan PEKERTI yang majlis berlangsung di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Bandar Seri Begawan pada hari Ahad, 28 Oktober lalu.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bulqiah.



1. KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dipersembahkan sejangkapan bunga.
2. KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berserta kerabat diraja yang lain bergambar ramai bersama Ahli Jawatankuasa Majlis Sambutan Hari Puja Usia.
3. BAGINDA berkenan menerima pesambah dari Persatuan Nurul Islam.
4. BAGINDA ketika berkenan menerima pesambah dari salah sebuah lagi persatuan yang turut menjayakan Majlis Sambutan Hari Puja Usia.
5. BAGINDA berkenan menerima 'Kad Puja Usia' dari Yang Dipertua Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD), Datin Hajah Fatimah.



6. BAGINDA berkenan menerima pesambah dari Yang Dipertua MWNBD.
7. BAGINDA serta kerabat diraja yang lain menerima junjung ziarah dari para jemputan yang hadir.
8. YANG Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Yang
9. PERSEMBAHAN nasyid dari Persatuan Nurul Islam.



## Majlis Sempena Hari Puja Usia 2007

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Muhammadiyah Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam

Hari Ahad, 16 Syawal 1428 bersamaan 28 Oktober 2007  
Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, Negara Brunei Darussalam

Akutan Bersema  
MADIA WANITA Negeri Brunei Darussalam,  
Persatuan BRUNEI SHELL LADIES, Persatuan PENJURU dan Persatuan PEKERTI



# DYTM berangkat tiba di Republik Filipina



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berangkat tiba di Pangkalan Udara Bulwagan Kalayaan Villamor di Filipina, Tuan Yang Terutama Noli de Castro.



MANILA, Rabu, 31 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah petang ini berangkat tiba bagi lawatan ke Republik Filipina atas jemputan Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Gloria Macapagal-Arroyo.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat dan Yang Teramat Mulia di Pangkalan Udara Bulwagan Kalayaan Villamor di Filipina dijunjung oleh Naib Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Noli de Castro; Mejar Jeneral Alfred Bungen, Inspektor Jeneral, Tentera Udara Filipina (PAF) dan Duta Besar Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Virginia H. Benavidez serta beberapa orang pegawai kanan Kerajaan Republik Filipina.

Juga menjunjung keberangkatan tiba DYTM dan YTM ialah Duta Besar Negara Brunei

SEBAHAGIAN dari kerja-kerja persiapan bagi Kejujutan Pool Dunia 2007 Filipina, di Quezon City Manila (kiri).



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima dan memeriksa kawalan perbarisan yang terdiri dari anggota Tentera Udara Filipina sejurus tiba di Manila.

Darussalam ke Republik Filipina, Puan Yang Terutama Emaleena Abdul Rahman Teo dan beberapa pegawai-pegawai Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Manila, Republik Filipina.

Di pangkalan udara berkenaan, DYTM telah berkenan menerima dan

Liputan : Abdullah Asgar  
abdullah.asgar@information.gov.bn  
Foto: Masri Osman  
dari Manila, Republik Filipina

seterusnya memeriksa kawalan perbarisan yang terdiri dari anggota PAF.

DYTM juga akan menyertai Kejujutan Pool Dunia 2007, di mana Republik Filipina menjadi tuan rumah bermula 3 hingga 11 November ini di Araneta Coliseum.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

## DYTM sertai Kejujutan Pool Dunia 2007, Filipina

MANILA, Rabu, 31 Oktober. - Kejujutan Pool Dunia 2007 Filipina akan bermula pada 3 hingga 11 November di Araneta Coliseum, Quezon City melibatkan 128 orang pemain profesional yang bertaraf dunia dan antarabangsa dengan Ronnie Alcano akan cuba mempertahankan kejuaraan setelah merangkainya tahun lalu.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah yang berkenan pertama kali menyertai kejujutan ini tahun lalu, tahun ini ditempatkan pada Kumpulan 10 bersama-sama Thomas Engert dari Jerman, Imran Majid (England), Roman Hybler (Republik Czech), Lee Chee Man (Hong Kong),

Ko Po Cheng (China Taipei) Troy Franando (USA), David Alcobero (Sepanyol) dan Louis Condo (Australia).

Kejujutan pool yang terbesar itu akan menggunakan sistem 'format winner-break' dan 'double elimination play' bagi menggantikan sistem lama 'round robin'.

Tahun ini kejujutan menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan AS\$400,000.00 dengan johan akan layak menerima AS\$100,000.00 dan tempat kedua AS\$40,000.00.

Antara pemain 'seeded' dunia yang akan mengambil bahagian ialah Ronnie Alcano dari

Republik Filipina, Ralf Souquet dari Jerman dan Wu Chia-Ching dari Taiwan.

Seperti tahun lalu kejujutan kali ini juga akan dikendalikan oleh Kongres Kebangsaan Biliard dan Snuker Republik Filipina dan memilih Araneta Coliseum sebagai 'venue' kejujutan dengan mengenakan tiket bagi menyaksikan pemain-pemain pool antarabangsa mempamerkan kemahiran masing-masing.

Ketika wakil PELITA BRUNEI meninjau persiapan di Araneta Coliseum kerja-kerja memasang kemudahan seperti meja-meja pool, kerusi penonton, lampu-lampu, kemudahan siaran

televisyen dan menghias serta mengelakkan 'venue' kejujutan sedang giat dijalankan.

Bagi menjamin keselamatan 'venue', para pemain dan penonton, pihak keselamatan Manila telah mengadakan kawalan ketat di setiap pintu keluar-masuk 'venue' kejujutan, di samping menempatkan anjing-anjing pengesan.

Di negara ini (Filipina) minat pada sukan pool sama hebat dengan sukan bola keranjang atau seperti kita meminati sukan bola sepak di Negara Brunei Darussalam, kejujutan kali ini juga akan mendapat liputan dari ESPN selain stesen-stesen tempatan.

## AMAF Ke-29 bincang usaha mempelbagai ekonomi

BANGKOK. - Mesyuarat Menteri-menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN Ke-29 (AMAF 29) dan Mesyuarat Ke-7 Menteri-menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN bersama Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea (AMAF+3) telah diadakan pada 1 hingga 2 November 2007 di Bangkok, Thailand.

Mesyuarat-mesyuarat ini didahului dengan mesyuarat-mesyuarat di peringkat Pegawai-pegawai Kanan (SOM-AMAF dan SOM-AMAF+3) pada 29 - 31 Oktober 2007; yang mana Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar, pada mesyuarat-mesyuarat peringkat pegawai-pegawai kanan tersebut.

Mesyuarat kali ini telah membincangkan perkembangan projek-projek dan aktiviti-aktiviti mengenai pemakanan, pertanian, perikanan dan perhutanan yang telah dirancang dan diselenggarakan oleh kumpulan-kumpulan kerja sektoral di bawah pengendalian forum Menteri-menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN. Perkara-perkara yang dibincangkan mempunyai kepentingan kepada Negara Brunei Darussalam dalam usahanya untuk mempelbagai ekonomi negara.

Program pengawalan dan pembasmian wabak Penyakit Selesema Burung merupakan salah satu agenda di mesyuarat tersebut, di mana pihak Kumpulan Bertindak ASEAN mengenai Penyakit Selesema Burung (ASEAN Task Force on Highly Pathogenic Avian Influenza (HPAI)) telah membentuk satu Pelan Strategik ASEAN yang progresif dalam pengawalan dan pembasmian gejala wabak penyakit

tersebut dari terus merebak di rantau ini (ASEAN Strategy for the Progressive Control and Eradication of HPAI for 2008 - 2010). Pelan Strategik tersebut memerlukan sokongan dan komitmen penuh dari semua negara ahli ASEAN dan akan bekerjasama rapat dengan rakan-rakan dialog dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti 'Food and Agricultural Organisation of the United Nations (FAO)', 'World Animal Health Organisation (OIE - Office International des Epizooties)' dan World Health Organisation (WHO) dalam melaksanakan usaha-usaha pengawalan dan pembasmian jangkitan Penyakit Selesema Burung ini. Negara Brunei Darussalam sangat mengambil berat ke atas pengawalan had sisa baki racun bagi produk pertanian keluaran tempatan dan yang diimport. Dokumen ini akan boleh digunakan sebagai rujukan dalam mengendalikannya kerja-kerja pengawalan dalam usaha untuk meningkatkan lagi kawalan keselamatan makanan bagi penduduk negara ini.

Mesyuarat juga akan mengesahkan beberapa dokumen yang berkaitan dengan keselamatan makanan seperti penyelarasan ke atas Had Maksima Sisa Baki Racun (Maximum Residue Limits) yang dibenarkan bagi sayur-sayuran dan buah-buahan. Negara Brunei Darussalam sangat mengambil berat ke atas pengawalan had sisa baki racun bagi produk pertanian keluaran tempatan dan yang diimport. Dokumen ini akan boleh digunakan sebagai rujukan dalam mengendalikannya kerja-kerja pengawalan dalam usaha untuk meningkatkan lagi kawalan keselamatan makanan bagi penduduk negara ini.

Perkara lain yang memerlukan pengesanan menteri-menteri ialah dokumen-dokumen piawaian bagi buah-buahan seperti papaya, pummelo dan rambutan. Dokumen ini dibentuk bagi membolehkan komoditi-komoditi pertanian supaya akan lebih kom-

petitif lagi di pasaran serantau dan antarabangsa. Dokumen ini juga boleh digunakan oleh Negara Brunei Darussalam bagi membolehkan kerja-kerja pengawalan kualiti buah-buahan keluaran tempatan dan yang didatangkan dari luar negara.

Dalam sektor perhutanan, Penguatkuasaan Undang-undang dan Pentadbiran Hutan (Forest Laws Enforcement and Governance FLEG) akan meningkatkan lagi usaha Negara Brunei Darussalam untuk mengawal pembalakan secara haram dan perdagangan produk-produk yang berkaitan dengannya.

Satu kenyataan bersama oleh Menteri-menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN mengenai FLEG di jangka akan dibentuk ke arah meningkatkan lagi kerjasama serantau dalam menangani perkara ini. Di samping itu, ASEAN juga akan mengeluarkan kriteria dan indikasi mengenai Pengurusan Hutan Tropika Yang Berdaya Tahan (ASEAN Criteria and Indicators for Sustainable Management of Tropical Forest) dalam usaha memberikan garis panduan ke arah pengurusan hutan tropika yang berdaya tahan.

Dalam sektor perikanan pula, pihak ASEAN akan menubuhkan cadangan bagi meningkatkan kerjasama dengan pihak Southeast Asia Fisheries Development Centre (SEAFDEC) dengan menubuhkan 'ASEAN-SEAFDEC Strategic Partnership (ASSP)', di mana ASEAN dan SEAFDEC akan bekerjasama dalam meningkatkan keupayaan kapasiti dan produktiviti sektor perikanan di rantau ASEAN.

Negara Brunei Darussalam menyambut baik inisiatif tersebut dan berharap akan dapat bekerjasama dengan negara-negara ASEAN lain dalam usaha untuk

menjadikan penghasilan produk perikanan sebagai salah satu penyumbang yang signifikan kepada hasil negara.

Pada mesyuarat ini, para delegasi ASEAN juga akan membuat pertemuan dengan rakan-rakan dialog dari Republik Rakyat China, Republik Korea, Jepun dan beberapa pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti FAO, International Rice Research Institute, OIE dan SEAFDEC bagi membincangkan program kerjasama yang telah dan akan dikendalikan bersama jua. Hubungan kerjasama ASEAN dengan rakan-rakan dialog adalah perlu demi meningkatkan keupayaan kapasiti rantau ASEAN dari segi sumber tenaga manusia dan produktiviti melalui pemindahan teknologi terkini.

Mesyuarat AMAF dan Mesyuarat AMAF+3 ini merupakan mesyuarat tahunan bagi membincangkan kerjasama serantau dalam sektor pemakanan, pertanian, perikanan dan perhutanan.

Negara Brunei Darussalam akan diwakili oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad bin Haji Jumat, ke mesyuarat-mesyuarat tersebut dan rombongan bertolak ke Bangkok pada 31 Oktober 2007.

Mesyuarat-mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Thailand, yang juga selaku tuan rumah kepada mesyuarat-mesyuarat tersebut. Mesyuarat juga dipengerusikan oleh Menteri Pertanian dan Koperasi Thailand, Yang Berhormat Profesor Dr. Thira Sutabutra.





UCAPAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud, di Majlis Perasmian Festival Buku Brunei 2007 anjuran Majlis Perundingan Kampong Tasek Meradun-Bunut, Kampong Bunut Perpindahan, Kampong Madewa, Sungai Ketam, Telanai dengan Kerjasama Jawatankuasa Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-61, pada hari Isnin, 14 Syaaban 1428 bersamaan 27 Ogos 2007, bertempat di Dewan Muhibbah Pejabat Daerah Brunei dan Muara Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Bismillahir Rahmanir Rahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala yang membolehkan kita beramai-ramai menghadirkan diri dalam Festival Buku Brunei 2007 yang disempenakan dengan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-61 Tahun.

Tahniah kepada gabungan tenaga yang menganjurkan festival ini iaitu Majlis-majlis Perundingan Kampong (MPK) bagi Kampong-kampong Tasek Meradun, Bunut, Bunut Perpindahan, Madewa, Telanai dan Su-

## HALUAN

# GALAKKAN MASYARAKAT 'MESRA PERPUSTAKAAN' DAN 'MESRA BUKU'

ngai Ketam dengan kerjasama Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Bunut.

Ungkayah menganjurkan festival buku ini sangatlah dipuji kerana ia berhubung kait dengan ilmu melalui pameran dan jualan buku-buku dan bahan-bahan IT untuk semua peringkat umur. Saya percaya festival yang julung-julung kali dianjurkan oleh gabungan beberapa tenaga MPK ini akan dapat berfungsi sebagai katalis untuk meningkatkan tabiat gemar membaca sebagai budaya yang menimbulkan rasa ketagih kalau tidak membaca. Bagi golongan yang kurang gemar membaca, tidak mustahil dengan berkunjung ke festival ini akan menyaksikan keindahan pelbagai jenis buku, mereka akan terangsang untuk membeli dan akhirnya gemar membaca. Mudah-mudahan festival buku ini dapat dijadikan tangel landas untuk merubah dan maju, khususnya dalam pencarian ilmu melalui pembacaan.

Kita harus melihat impak kegiatan yang berteraskan ilmu seperti festival buku ini dari sudut jangka panjang. Walaupun usaha ini nampaknya rutin tetapi saya percaya manfaatnya sangat besar, terutama dalam agenda membangun tamadun bangsa yang berteraskan ilmu. Hakikatnya, tamadun sesuatu bangsa dan kemajuan ummah adalah terbina pada penguasaan ilmu pengetahuan kerana tamadun dan ilmu mempunyai hubungan berkait rapat. Bangsa yang cepat berkembang dan membangun adalah bangsa yang menguasai pelbagai bidang ilmu. Malah boleh dikatakan ilmu adalah suatu manifestasi bangsa.

Untuk bersaing di alaf baru ini, kita perlu membentuk masyarakat yang berteraskan ilmu pengetahuan. Salah satu sumber yang berkesan untuk memperolehi apa jua-

bidang ilmu adalah melalui pembacaan, di samping dapat menjana minda dan mempertingkatkan pandangan terhadap dunia.

Oleh itu, budaya membaca dan wadah-wadah untuk menyalurkan budaya membaca seperti menganjurkan festival buku ini perlulah dipertingkatkan. Kemudahan-kemudahan yang disediakan di perpustakaan-perpustakaan, misalnya, dapat menyumbang ke arah budaya membaca ini. Seperti sama-sama dimaklumi, beberapa buah perpustakaan di seluruh negara telah dibina cuma setakat ini sambutan masyarakat belum begitu menggalakkan. Justeru itu, yang penting sekarang kita harus mengubah set minda masyarakat supaya 'mesra perpustakaan' yang menjurus kepada 'mesra buku'. Ini akan dapat mempertingkatkan daya saing bangsa. Selain itu, ia juga dapat menimbulkan kesedaran dan keinsafan, terutama kepada generasi belia, betapa pentingnya memiliki ilmu untuk menghadapi masa hadapan yang semakin kompleks dan mencabar.

Oleh itu, masyarakat kita, khususnya generasi belia, hendaklah menjadikan buku itu sebagai teman hidup iaitu sumber pencarian ilmu pengetahuan. Meski-

pun sekarang bahan-bahan bacaan banyak diperolehi melalui internet, namun buku masih tetap relevan untuk menjadi sumber rujukan. Oleh kerana itu, kita haruslah pandai memilih buku-buku yang bermutu untuk dapat meningkatkan kemajuan masyarakat dan seterusnya memperkasa daya saing bangsa.

Akhirnya, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada semua tenaga yang menganjurkan Festival Buku Brunei 2007 yang sangat bermanfaat ini. Saya percaya melalui festival buku seperti ini dalam jangka panjang, akan dapat meningkatkan daya apresiasi masyarakat terhadap buku dan menyumbang kepada peningkatan upaya perolehan ilmu pengetahuan yang relevan dengan kemajuan zaman.

Dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, selawat serta salam ke atas Junjungan Kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan dengan kalimah 'Bismillahir Rahmanir Rahim', saya sukacita merasmikan Festival Buku Brunei 2007 ini.

Sekian, Wabillahir Taufiq Walhidayah, Wasallamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## 28 menyertai Program Kapal Belia Negara-Negara Asia Tenggara (SSEAYP)

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 Oktober. - Delegasi 28 peserta yang menyertai Program Kapal Belia Negara-Negara Asia Tenggara (SSEAYP) berlepas ke Jepun untuk memulakan program berkenaan.

Delegasi belia negara yang diketuai oleh Awang Haji Muhammad Hafiy Abdullah Fung akan berada di Jepun dan melawat ke negara-negara ASEAN lebih kurang 50 hari dan dijadualkan pulang ke tanah air pada Disember ini.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, bagi mengucapkan selamat berlepas dan seterusnya menyempurnakan Majlis Penyerahan Bendera Kebangsaan kepada ketua delegasi ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud.

Pada majlis berkenaan, Yang Berhormat juga sempat beramah mesra

Oleh : Abdullah Asgar  
abdullah.asgar@information.gov.bn

bersama para peserta dan memberikan kata nasihat kepada mereka ketika menyertai program itu.

Hadir sama Setiausaha Tetap KKBS, Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal; Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai kanan KKBS dan anggota keluarga serta rakan-rakan peserta.

Program yang sudah berjalan lebih dari 30 tahun ini berhasil mengukuhkan dan memperluaskan rangkaian persahabatan di antara rakyat negara-negara ASEAN dan Jepun.

Delegasi program kapal belia itu akan memulakan program mereka di Jepun hari ini dan dijadualkan

membuat lawatan ke Republik Singapura, Republik Indonesia, Malaysia, Thailand dan Viet Nam sebelum kembali ke Jepun.

Program Kapal Belia Jepun dan ASEAN bertujuan untuk mempromosikan persahabatan serta persefahaman di antara Jepun dan negara anggota ASEAN menerusi pertukaran pengalaman serta budaya di antara belia yang menyertai program itu.



PEGAWAI dan kakitangan Entrek (B) Sendirian Berhad (Jollibee) ketika membuat kunjungan ke Jabatan Daerah Tutong. - Foto : Ihsan Jabatan Daerah Tutong.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud menyerahkan Bendera Kebangsaan kepada ketua delegasi negara bagi Program Kapal Belia Negara-Negara Asia Tenggara (SSEAYP). - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

## Kunjungan kakitangan Jollibee ke Jabatan Daerah Tutong

TUTONG, Selasa, 23 Oktober. - Bersempena dengan pembukaan Jollibee pada 26 Oktober di Petani Mall di sini, Pengurus Operasi Jollibee Brunei, Rodel Alcantra telah membuat kunjungan ke Jabatan Daerah Tutong.

Kunjungan muhibah kakitangan Entrek (B) Sendirian Berhad (Jollibee) tersebut dialu-alukan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu.

Oleh : Norliah Md. Zain

Juga hadir semasa kunjungan tersebut ialah Pegawai-pegawai Pentadbir Jabatan Daerah Tutong, Awang Azizil Hakim bin Haji Ibrahim dan Awang Mohammad Yassin bin Haji Ahmed, Pengurus Stor Jollibee Christina Togue dan Willy D. Soria serta Pegawai Perhubungan, Dayang Salbiah bin Haji Kula.





Oleh :  
Hezlinawati  
Haji Abd. Karim

# Viet Nam pengeluar minyak ketiga terbesar di Asia Tenggara

**S**ELEPAS penyertaan Negara Brunei Darussalam ke dalam Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) pada tahun 1984, keanggotaan organisasi serantau itu semakin bertambah dengan kemasukan ahli barunya, Viet Nam, pada tahun 1995.

Dikenali sebagai Republik Sosialis Viet Nam dan merupakan sebuah negara dipelembat satu parti dengan keramaian

penduduk mencecah hampir 85 juta orang, menjadikannya negara ke-13 paling ramai penduduk di dunia.

Kerajaan Viet Nam mengamalkan sistem republik berperlembagaan didominasi oleh parti komunis. Viet Nam dipimpin oleh seorang Presiden dan Perdana Menteri merupakan ketua kerajaan yang juga mengetuai majlis menteri-menteri.

Negara seluas 331,689 kilometer

persegi ini dibahagikan kepada 59 wilayah dan didiami oleh pelbagai kumpulan etnik terdiri dari Viet Nam 85 hingga 90 peratus, Cina tiga peratus selain Hmong, Thai, Khmer dan Cham serta beberapa kumpulan etnik di kawasan pergunungan lainnya.

Bahasa Viet Nam merupakan bahasa rasmi negara itu, sementara bahasa Inggeris, Perancis, Cina, Khmer, Tay, Murong, Nung dan Hmong juga dituturkan secara meluas di Viet Nam.

Hanoi merupakan ibu negeri Viet Nam dengan penduduk seramai lebih 3,000,000 orang (anggaran tahun 2005). Bandar raya terbesarnya pula, Ho Chi Minh City, terletak 1,760 kilometer di selatan Hanoi. Kawasan metropolitan itu didiami lebih sembilan juta penduduk dan merupakan kawasan perbandaran terbesar di Indochina.

Majoriti penduduk Viet Nam menganut agama Buddha, namun agama-agama lain iaitu Hoa Hao, Cao Dai, Kristian, animisme dan Islam juga diamalkan. Kadar literasi di Viet Nam ialah 90.3 peratus dan jangka hayat pada keseluruhannya pada tahun 2005 dianggarkan 74.2 iaitu 72.3 bagi lelaki dan 76.2 bagi wanita.

Viet Nam menggunakan nilai mata wang Dong. Ekonomi di negara itu teruk terjejas akibat Perang Viet Nam. Namun begitu, negara tersebut cuba bangkit dengan memperkenalkan pembaharuan ekonomi.

Penswastan digalakkan dalam sektor perindustrian, perdagangan dan pertanian. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Viet Nam meningkat sekitar tujuh peratus dari tahun 2000 hingga 2005, menjadikannya ekonomi kedua paling pesat bertumbuh di dunia.

Pada masa yang sama, pelaburan asing tumbuh tiga

kali ganda, manakala simpanan tempatan pula lima kali ganda. Industri pembuatan, teknologi maklumat dan teknologi tinggi membentuk sebahagian besar dan berkembang pantas dalam ekonomi negara.

Meskipun Viet Nam masih merupakan negara yang agak miskin dengan KDNK sebanyak AS\$280.2 juta berasaskan kuasa beli (anggaran 2006), namun negara itu adalah antara ekonomi paling terbuka di Asia dengan perdagangan dua hala bersamaan dengan kira-kira 160 peratus KDNK.

Negara ini juga sudah menjadi pengeluar minyak ketiga terbesar di Asia Tenggara dengan keluaran 400 ribu tong sehari walaupun agak baru menceburi bidang penghasilan minyak.

Susulan dari beberapa langkah pembaharuan tanah yang diperkenalkan, Viet Nam kini menjadi pengeluar kacang gajus terbesar di dunia dengan satu pertiga keluaran dunia serta pengeksport beras kedua terbesar di dunia selepas negara jirannya, Thailand. Selain beras, hasil eksport penting termasuk kopi, teh, getah dan hasil perikanan.

Sejak sepuluh tahun kebelakangan ini jumlah pelancong yang berkunjung ke Viet Nam meningkat dengan mendadak. Tahun lepas sahaja, dianggarkan lebih 3.5 juta pelancong melawat Viet Nam, meningkat sebanyak 3.7 peratus dari tahun sebelumnya.

Selain menganggotai ASEAN, Viet Nam juga telah diterima menyertai Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO). Negara-negara anggota ASEAN lainnya, Jepun, Australia, Amerika Syarikat dan negara Eropah Barat merupakan rakan dagang utama Viet Nam.



PAKAIAN tradisi Viet Nam 'Au Dai' yang dipakai oleh ketua-ketua negara ketika Republik Sosialis Viet Nam menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Ketua-ketua Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (AELM) Ke-14 pada 16-18 November 2006.

## Musim peperiksaan di seluruh negara

Berita dan Foto :  
Ak. Haji Mohd.  
Zukarnaen  
Pg. Haji Abu Bakar

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 24 September. - Minggu Peperiksaan bagi penuntut-penuntut sekolah menengah di seluruh negara sudah pun bermula walaupun dalam suasana berhari raya. Para penuntut menghadapinya dengan bersemangat gigih, sebagai bekal menghadapi masa depan.

Dalam satu tinjauan yang dilakukan, ribuan penuntut dari sekolah-sekolah menengah kerajaan dan swasta telah menduduki peperiksaan peringkat menengah bawah hingga hujung bulan November. Manakala penuntut-penuntut yang menduduki peperiksaan menengah atas menduduki peperiksaan peringkat 'O' dan 'A' hingga minggu ketiga bulan November depan.

Penuntut-penuntut yang menduduki peperiksaan telah diberi perhatian



TENANG ... Para penuntut di Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin (SOAS) menghadapi sesi peperiksaan dengan tenang.

yang khusus dari guru mereka masing-masing. Mereka telah pun ditempatkan dalam program-program ujian intensif bagi membantu mereka menghadapi peperiksaan.

Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin (SOAS) tidaklah berbeza dari sekolah-sekolah lain, guru-guru di maktab itu juga turut memberi program-program yang khusus dan intensif untuk membantu penuntut dalam pelajaran ke arah mencapai ke-

cemerlangan dalam peperiksaan.

"Di SOAS kami telah memberi beberapa latihan intensif untuk penuntut yang menduduki peperiksaan. 'Remdial' program atau program ulang kaji, telah pun dibuat sebelum peperiksaan bermula. Program Intensif juga diadakan empat minggu sebelum peperiksaan. Selain dari itu 'Group focus program' untuk meninjau lebih mendalam lagi dalam pelajaran tersebut," kata

Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Haji Ahmad, Pengetua Maktab SOAS.

Selain daripada itu 'Satu Majlis Sembahyang Hajat, membaca Surah Yaa Siin dan Tahliil juga diadakan di dewan sekolah sebelum peperiksaan bermula. Pada tahun depan kita akan lebih gigih untuk persediaan peperiksaan untuk penuntut-penuntut yang menduduki peperiksaan," jelas Pengetua Maktab SOAS.

## Dk. Nur Hidayah pemenang 'Postcards Across ASEAN'

Oleh :  
Hezlinawati  
Haji Abd. Karim

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 22 Oktober. - Dayangku Nur Hidayah binti Pengiran Sulaiman, 10 tahun, memenangi Pertandingan 'Postcards Across ASEAN' atau Poskad-Poskad 'Merentasi ASEAN' bagi peserta dari Negara Brunei Darussalam.

Selain menerima hadiah dan wang tunai \$500.00, penuntut Darjah Lima dari Sekolah Rendah Tungku ini juga menerima balasan poskad dari peserta Kemboja, Long Kanha, berusia 12 tahun.

Penyampaian hadiah dan poskad disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Aishah binti Muhammad Husain dalam Majlis Resepsi yang diadakan di Dewan Serbaguna Suruhanjaya Tinggi Republik Singapura.



PEMANGKU Pengarah Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Aishah menyampaikan hadiah kepada Dk. Nur Hidayah binti Pg. Sulaiman. - Foto: Hatral Hazmi Abd. Hamid.

di sini.

Poskad Dayangku Nur Hidayah itu nanti akan dipamerkan semasa Sidang Kemuncak ASEAN kali ke-13 yang akan diadakan di Republik Singapura bulan depan bersama poskad dari negara ASEAN lainnya yang memenangi pertandingan tersebut.

Pertandingan 'Postcards Across ASEAN' menerima lebih 35 ribu penyertaan dari semua negara anggota ASEAN

di mana 4,400 orang daripadanya disertai oleh kanak-kanak negara ini.

Pertandingan bagi meraikan ulang tahun ke-40 penubuhan ASEAN yang disasarkan kepada pelajar-pelajar sekolah rendah berusia enam hingga 12 tahun itu bertujuan untuk mempromosikan kesedaran mengenai ASEAN dan mewujudkan perasaan bermasyarakat di kalangan generasi muda di rantau ini.



## Program Pertukaran Lawatan Negara Brunei Darussalam - Singapura Ke-13



KEBERANGKATAN tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berserta delegasi dijunjung dan dialu-alukan oleh Menteri Kanan Negara (Hal Ehwal Luar) Republik Singapura, Encik Zainul Abidin Rasheed.

### Menghadiri Majlis Santap Malam

SINGAPURA, Sabtu, 3 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam yang diselenggarakan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama George Yeo dan Puan Jennifer Yeo.

Berangkat sama di Majlis Santap tersebut paduka-paduka anakanda Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia.

Keberangkatan tiba DYTM dan YTM di The Garden Tingkat Empat Grand Hyatt Hotel dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura.

Majlis Santap Malam itu juga dihadiri oleh kesemua delegasi dari Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada beberapa orang Menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, sementara pihak Republik Singapura diwakili oleh Menteri-menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan republik tersebut.

Majlis diserikan dengan nyanyian klasik dan moden oleh penyanyi dari negara itu.

Di Majlis Santap Malam tersebut para delegasi yang hadir berkesempatan beramah mesra dan bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu semasa dalam mengukuhkan lagi hubungan dua hala yang telah terjalin sejak sekian lama.

Negara Brunei Darussalam mempunyai hubungan tradisi yang cukup erat sejak sekian lama dengan Republik Singapura dan mempertingkatkan lagi dengan hubungan diplomatik secara rasmi setelah Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan penuh pada tahun 1984.

Semenjak Negara Brunei Darussalam menjalin hubungan diplomatik secara rasmi dengan negara tersebut pelbagai kerjasama dua hala telah dapat dilaksanakan dengan jayanya antaranya di bidang kewangan, perdagangan, pelaburan, kebudayaan, sukan, komunikasi dan lain-lain.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah bersama rombongan melawat Pusat Kajian Biomedik sambil menerima penerangan ringkas dari Timbalan Pengarah Urusan A\*STAR, Teo Yong Sea.

## Mengetuai Program Pertukaran Lawatan

SINGAPURA, Jumaat, 2 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berangkat tiba bagi menghadiri Program Pertukaran Lawatan Negara Brunei Darussalam - Republik Singapura Ke-13.

Duli Yang Teramat Mu-



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama George Yeo sebaik sahaja berangkat tiba di Hotel Grand Hyatt (atas).

YANG Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah beramah mesra bersama Puan Jennifer Yeo sebaik sahaja tiba di Majlis Santap Malam (kanan).

Liputan : Norliah Md. Zain

Foto :

Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim dari Republik Singapura

lia akan mengetuai rombongan delegasi Negara Brunei Darussalam bagi Program Pertukaran Lawatan Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura bermula 3 hingga 5 November ini.

Menjunjung keberangkatan tiba DYTM di Lapangan Terbang Antarabangsa Changi ialah Menteri Kanan Negara (Hal Ehwal Luar) Republik Singapura, Encik Zainul Abidin Rasheed, pegawai-pegawai kanan Republik Singapura dan Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura.

Menyertai rombongan tersebut ialah Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap termasuk pe-

gawai-pegawai kanan kerajaan serta wakil-wakil dari sektor swasta.

Program Pertukaran Lawatan Negara Brunei Darussalam - Republik Singapura telah diadakan di Bandar Seri Begawan pada 31 Mac hingga 2 April tahun lalu.

Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama George Yeo dan Puan Jennifer Yeo akan menjadi tuan rumah bagi aktiviti program hujung minggu itu.

Dalam lawatan itu nanti, DYTM juga akan mengadakan pertemuan bersama TYT Presiden S. R Nathan, Perdana Menteri, TYT Lee Hsien Loong dan Menteri Kanan Republik Singapura, TYT Goh Chok Tong.

Rombongan DYTM juga akan disempatkan taklimat mengenai Lembaga Kemajuan Ekonomi (Economic Development Board) serta dijunjung melawat Biopolis.

Perdana Menteri Republik Singapura pula akan mengadakan Majlis Resepsi sementara, TYT George Yeo dan isteri akan mengadakan dua Majlis Makan Malam bagi delegasi Negara Brunei Darussalam.

Program pertukaran lawatan kali ini turut memuatkan mesyuarat tidak rasmi antara pegawai-pegawai kanan serta sesi 'networking' bagi para pengusaha dan membincangkan beberapa topik kepentingan bersama, di samping perlawanan golf persahabatan.

Program yang bermula pada tahun 1990 itu bertujuan untuk meningkatkan interaksi di antara para pemimpin, kakitangan awam dan para pengusaha dari kedua-dua buah negara dalam persekitaran tidak formal.



### Berangkat lawat Pusat Kajian Biomedik

SINGAPURA, Sabtu, 3 November. - Pusat Kajian Biomedik iaitu Biopolis, menjadi tumpuan lawatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran

Muda Mohamed Bolkiah dan rombongan di hari pertama Program Pertukaran Lawatan Negara Brunei Darussalam - Republik Singapura Ke-13.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ke Biopolis sembahkan taklimat mengenai Lembaga Kemajuan Ekonomi Singapura (EDBS) dan Agensi Bagi Sains, Teknologi dan Penyelidikan (A\*STAR).

Menjunjung keberangkatan tiba DYTM ialah Timbalan Pengarah Urusan EDBS, Gong Wee Lik dan Timbalan Pengarah Urusan Agensi Bagi Sains, Teknologi dan Penyelidikan (A\*STAR), Teoh Yong Sea.

DYTM kemudiannya dijunjung berangkat ke tingkat lapan bangunan Biopolis bagi mendengar sembah taklimat secara tertutup daripada pegawai-pegawai EDBS dan A\*STAR mengenai program-program, aktiviti-aktiviti serta usaha-usaha Republik Singapura dalam

mempelbagaikan ekonomi.

A\*STAR merupakan agensi kebangsaan Republik Singapura yang mendukung perkembangan industri sains dan teknologi dengan misinya untuk menggalakkan penyelidikan saintifik bertaraf dunia serta bakat berasaskan pengetahuan Republik Singapura.

Agensi ini juga merangkumi pelbagai majlis iaitu Majlis Penyelidikan Biomedikal (BMRC), Majlis Penyelidikan Sains dan Kejuruteraan (SERC), Akademi Ijazah A\*STAR (A\*GA), 'Commercialisation Arm Exploit Technologies Pte. Ltd. (ETPL) dan kumpulan korporat.

Fokus agensi ini ialah menumpukan kepada ilmu pengetahuan demi kemakmuran Republik Singapura dan tanggungjawab utamanya adalah untuk menyatukan penyelidikan awam dengan industri; melatih kebolehan manusia untuk penyelidikan awam dan industri, membuat dan

mengeksploitasi kebolehan intelektual serta berkhidmat sebagai Penasihat Utama Saintifik kepada pihak Kerajaan Republik Singapura.

Setelah itu DYTM dijunjung berangkat ke tingkat lima dan menyeronangi jambatan bangunan Biopolis sambil disempatkan taklimat mengenai persekitaran bangunan tersebut.

Lawatan tersebut berakhir di tingkat 12 di mana DYTM berkesempatan melihat pemandangan kawasan Biopolis dari tingkat yang paling atas itu.

Antara pemandangan yang boleh dilihat dari tingkat tersebut ialah bangunan Fusionopolis yang juga mengendalikan penyelidikan dalam bidang sains yang menurut salah seorang pegawai A\*STAR ketika ditanya oleh wakil PELITA BRUNEI dijangka akan dibuka pada tahun hadapan.

Sebagai agensi kebangsaan Singapura yang mendukung perkembangan

industri Sains dan Teknologi, A\*STAR melalui Majlis Penyelidikan Sains dan Kejuruteraan (SERC) mengetengahkan (promote) penyelidikan sektor awam dan kemajuan dalam bidang Sains dan Kejuruteraan dengan 'seven full-fledged', penyelidikan yang mantap yang boleh mengembangkan 'high-tech research' dalam pelbagai bidang termasuk komunikasi, penyimpanan data, material-material, kimia-kimia, mikroelektronik dan teknologi pengilangan.

Menyertai rombongan di sesi taklimat tersebut Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng; Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah dan Setiausaha-setiausaha Tetap serta pegawai-pegawai kanan dari Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei.



## Program Pertukaran Lawatan Negara Brunei Darussalam - Singapura Ke-13

# Mengurniakan hadiah Perlawanan Golf Persahabatan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan mengurniakan hadiah Perlawanan Golf Persahabatan.

SINGAPURA, Ahad, 4 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan berangkat mengurniakan hadiah-hadiah bagi Perlawanan Golf Persahabatan antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura sempena Program Pertukaran Lawatan Negara Brunei Darussalam - Republik Singapura Ke-13 di Tanah Merah Country Club (TMCC).

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di TMCC dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama George Yeo.

Sebelum mengurniakan hadiah, DYT juga menghadiri Majlis Santap Tengah Hari bersama-sama delegasi Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

Pasukan Republik Singapura berjaya meraih

Liputan : Norlia Md. Zain  
Foto :  
Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim dari Republik Singapura

Piala Perdana Menteri dengan memperoleh 328 mata menewaskan pasukan Negara Brunei Darussalam dalam Perlawanan Golf Persahabatan antara pegawai-pegawai kanan kedua-dua buah negara itu.

Menyertai pasukan Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura dalam perlawanan tersebut ialah beberapa orang Menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap.

Menteri Kanan Negara (Hal Ehwal Luar) Republik Singapura, Encik Zainul Abidin Rasheed mendahului penyampaian hadiah kepada 'Winners of the Novelty Event' dan pemenang dari delegasi Negara Brunei Darussalam dari tempat ke-

10 hingga ke-4.

Kemudian disusuli penyampaian hadiah oleh Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah kepada pemenang delegasi Republik Singapura dari tempat ke 10 hingga ke-4.

Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura, TYT George Yeo kemudian menyampaikan hadiah kepada pemenang individu di kalangan delegasi Negara Brunei Darussalam di mana tempat pertama dimenangi oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Mohd. Mahdi, tempat kedua diraih oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai dan

tempat ketiga, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Abas.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan pengurniaan hadiah-hadiah daripada DYT kepada Penasihat Pengurusan Kanan Kementerian Hal Ehwal Luar, Ho Cheuk Sun pemenang pertama bagi Kategori Individu, Penolong Pengarah Am (Kastam), Loh Fook Meng memenangi tempat kedua dan CEO Asiatic Group (Holdings) Ltd, George Tan delegasi Republik Singapura pemenang ketiga.

Kemuncak acara ialah penyampaian Trofi Perdana Menteri kepada ketua pasukan delegasi Republik Singapura yang disampaikan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura.

Perlawanan Golf Persahabatan antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura diadakan sejak awal pagi dan berakhir penyampaian hadiah kepada para pemenang.

## Menghadiri Majlis Santap Malam Perpisahan

SINGAPURA, Ahad, 4 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam Perpisahan yang disembahkan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama George Yeo dan Puan Jennifer Yeo.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia di The Pavillion Rasa Sentosa dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama George Yeo dan Puan Jennifer Yeo.

Kesemua delegasi dari Negara Brunei Darussalam terdiri daripada beberapa orang Menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap turut menghadiri Majlis Santap Malam Perpisahan tersebut.

Sebelum menikmati Santap Malam, DYT dan para delegasi Negara Brunei Darussalam beramah mesra bersama delegasi dari Republik Singapura.

Sebaik selesai Santap Malam, DYT berserta delegasi dijunjung dan dipelawa menaiki kenderaan khas untuk menyaksikan persembahan 'Songs of the Sea'.

Persembahan tersebut antara lain menceritakan mengenai seorang pemuda yang ingin membangunkan Puteri Amy yang telah lama beradu.

Pelbagai cabaran yang dihadapi dalam usahanya

untuk membangunkan puteri itu antaranya terpaksa memenuhi kehendak 'Mighty Lord of Fire', 'Spirit of Light' dan 'Lady of the Sea'.

Persembahan tersebut menggabungkan elemen air dan teknologi laser membuatkan persembahan tersebut begitu memukau serta mendapat tepukan gemuruh daripada para penonton.

Dengan adanya pertukaran lawatan ini, kedua-dua buah negara dapat mengukuhkan lagi hubungan dua hala yang sekian lama terjalin serta meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang.



DULI Yang Teramat Mulia bersama Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong serta delegasi kedua-dua buah negara berbual mesra di Majlis Resepsi yang diberikan oleh TYT Lee Hsien Loong.



YANG Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berangkat di Majlis Santap Malam Perpisahan sempena Program Pertukaran Lawatan Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura (gambar atas kiri dan bawah kiri). Sementara gambar atas, Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia serta delegasi Negara Brunei Darussalam menyaksikan persembahan 'Song of the Sea'. Manakala gambar kiri, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam antara delegasi yang hadir di Majlis Santap Malam Perpisahan.



PENDIDIKAN

# UNISSA dirancang sebagai pusat pengajian tulen

**BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 Oktober.** - Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad menggariskan beberapa usaha ke arah memenuhi dan mencapai wawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan UNISSA sebagai pusat pengajian Islam yang tulen yang akan menjadi 'landmark' di dunia dan juga di akhirat.

Rektor UNISSA juga menjelaskan penubuhan UNISSA bukan hanya berhasrat untuk melahirkan graduan-graduan yang 'marketable', tetapi juga berazam mengikut kemampuan dari semasa ke semasa untuk dapat membantu negara dalam mencapai objektif-objektifnya.

Ini termasuk jelasnya, UNISSA dalam keinginan negara kita turut mengemban sistem kewangan dan perbankan Islam, di samping akan berusaha melahirkan tenaga-tenaga manusia yang berkemahir-

an untuk membantu menangani perkara tersebut termasuk teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), pengurusan, perundangan dan sebagainya.

Di samping itu katanya, pihak UNISSA akan berusaha supaya ijazah-ijazah yang dikeluarkan oleh universiti ini tidak hanya diiktiraf di dalam negara, malahan juga diiktiraf di luar negara khasnya negara-negara jiran supaya pelajar dari luar negara yang datang ke Negara Brunei Darussalam untuk mendapatkan ilmu pengetahuan akan dapat diterima di negara mereka sendiri setelah berjaya menamatkan pengajian, sebagai mana juga hal pelajar kita yang mendapatkan ilmu di luar negeri.

Di Majlis Dialog antara UNISSA dengan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang berlangsung di Dewan Senat Universiti Brunei Darussalam, beliau seterusnya menjelaskan bahawa pihak UNISSA juga akan berusaha untuk mendapatkan pakar-pakar yang ternama dari pelbagai bidang disiplin ilmu dari semasa ke semasa sebagai

**Oleh : Haji Ahmad Haji Salim**  
ahmad.salim@information.gov.bn

'visiting professor' (profesor kunjungan) atau sebagai penceramah khas undangan supaya dapat mencurahkan kepakaran mereka kepada mahasiswa dan mahasiswi kita yang dahagakan ilmu pengetahuan.

Dalam hubungan ini penting dikatakan di sini bahawa universiti ini perlu kita jayakan bersama kerana ia adalah merupakan mercu tanda kegemilangan Islam di negara kita seperti mana yang diinginkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia malahan juga yang diinginkan oleh umat Islam di negara kita dan umat Islam di rantau ini.

Majlis selepas itu diteruskan dengan taklimat mengenai UNISSA yang disampaikan oleh Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohd. Yusoff yang antara lain menjelaskan mengenai visi dan misi UNISSA iaitu menjadi sebuah universiti Islam tulen bertaraf antarabangsa yang progresif dan dinamik dengan berteraskan Al-

Qur'an dan Al-Sunnah.

Dalam taklimat itu beliau turut menerangkan mengenai struktur organisasi UNISSA, tenaga akademik, keramahan pelajar, program-program yang terdapat di UNISSA antara program ijazah pertama dan program minor, program ijazah lanjutan serta program diploma.

Selain itu beliau juga menjelaskan perancangan dalam jangka pendek dan jangka panjang, di mana dalam program jangka pendek mengandungi (program baru) iaitu Bachelor of Law (LLB), BSc. Information Technology, BSc. Management Studies dan Diploma in Syariah and Law Practice.

Manakala dalam jangka panjang pula mengandungi (bidang-bidang baru) iaitu pertanian, maritim, bioteknologi dan teknologi pemakanan.

Antara agensi-agensi yang hadir dalam dialog itu ialah Kementerian Perindustrian dan Sumber-

Sumber Utama, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Lembaga Pembangunan Ekonomi Brunei (BEDB), Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Perbadanan TAIB Sdn. Bhd. dan wakil agensi-agensi berkenaan turut juga menyampaikan penerangan berkaitan agensi-agensi mereka.

Antara objektif Majlis Dialog ialah untuk mengetahui keperluan-keperluan sumber-sumber manusia bagi 'stakeholders' yang terbabit secara khusus dan keperluan negara secara umum; untuk membuka peluang kerjasama yang dapat dijalin antara universiti dengan 'stakeholders' di negara ini.

Di samping itu juga untuk memberi penerangan kepada 'stakeholders' di negara ini tentang program-program yang sedang dan akan ditawarkan oleh UNISSA dan sebagai persediaan dan pembela-jaran serta konsultasi dan untuk persediaan bagi universiti menyediakan pelan strategik di masa hadapan yang dihasratkan untuk

dapat memberi sumbangan kepada pembangunan negara.

Menurut siaran akhbar UNISSA, UNISSA sedang menyediakan pelan strategik lima tahun yang mana antara strategik objektif yang hendak dicapai ialah menyediakan sumber tenaga manusia yang diperlukan dengan pembangunan negara. Ke arah itu, universiti ini telah mengadakan dialog ini dengan beberapa 'stakeholders' yang relevan.



**REKTOR** Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad ketika mengadakan Sesi Dialog antara UNISSA, bersama agensi-agensi kerajaan yang berlangsung di Dewan Senat UBD. - Foto : Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.

## Dedikasi guru-guru matematik dihargai

**Oleh : Abdullah Asgar**  
abdullah.asgar@information.gov.bn

**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Oktober.** - Kementerian Pendidikan sangat menghargai nilai dedikasi di kalangan guru-guru matematik atas tugas yang mereka laksanakan di peringkat sekolah rendah dan menengah.

Pencapaian pelajar-pelajar dalam matematik tertakluk kepada bagaimana guru-guru mengajarnya bermula dari kelas tadika hingga ke peringkat lanjutan malah guru-guru yang mahir dalam matematik secara semula jadi boleh menjadikan subjek tersebut satu hiburan dan menarik.

Pengarah Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Aisyah binti Haji Mohd. Husain menyatakan demikian di Majlis Penyampaian Hadiah Terbaik dan Anugerah Ketelitian Pertandingan Matematik Australia di Dewan Serbaguna Bangunan Hal Ehwal Pelajar Universiti Brunei Darussalam (UBD) di sini.

Katanya, pertandingan itu boleh menyediakan satu ruang yang penting untuk para pelajar sekolah menengah dalam memperkayakan kebolehan mereka khususnya kemahiran dalam matematik dengan menyelesaikan masalah serta boleh mempamerkan prestasi yang baik dalam matematik yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Majlis tersebut dianjurkan bersama oleh UBD dan Kementerian Pendidikan dengan mendapat sokongan dan tajaan Pejabat Suruhanjaya Australia di negara ini bertujuan supaya para pelajar sekolah lebih gemar dan meminati subjek Matematik.

Tahun ini, lebih 3,300 orang pelajar dari 35 buah sekolah dan kolej di negara ini menyertainya.

Ini jelas menunjukkan satu peningkatan sejak pertandingan pertama pada tahun 1990 yang hanya disertai oleh 197 orang pelajar.

Seramai 12 orang pelajar layak menerima Anugerah Ketelitian atau 'Prudence Award' dan 12 orang lagi menerima hadiah terbaik bagi Pertandingan Matematik Australia (AMC).

Sementara itu, Oh Jon Keat pelajar dari Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar menerima Anugerah Terbaik bagi 2007.



**PENGARAH** Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Aisyah binti Haji Mohd. Husain ketika menyampaikan hadiah kepada seorang pelajar di Majlis Penyampaian Hadiah Terbaik dan Anugerah Ketelitian Pertandingan Matematik Australia di Dewan Serbaguna Bangunan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Brunei Darussalam. - Foto : Abdullah Haji Awang Damit.

# Graduan sarjana muda kurang minat teruskan ke peringkat ijazah sarjana



**REKTOR UNISSA, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad** ketika hadir di Majlis Dialog antara UNISSA bersama agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan. - Foto : Haji Sahrin Haji Asmat.

**BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Oktober.** - Sesetengah pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang cemerlang di peringkat sarjana muda dan mencapai pangkat Kelas Dua Atas tidak berminat membuat Ijazah Sarjana kerana mereka lebih berminat untuk mencari pekerjaan.

Rektor UNISSA, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad yang juga selaku berkata fenomena tersebut bukan sahaja berlaku terhadap lulusan dari dalam negeri malahan juga lulusan dari seberang laut.

"Sedangkan dengan tahap keserjanaan atau lebih tepat lagi tahap kedoktoran falsafah, bukan sahaja ilmu seseorang bertambah, malahan masa

depannya juga fleksibiliti dan lebih cerah dalam erti kata dia boleh berada di sektor awam atau di pusat pengajian tinggi jika dia ingin mengubah hala tuju sumbangan perkhidmatannya, atau meneruskan perkhidmatannya selepas bersara," tegas Yang Mulia ketika berucap di Majlis Dialog antara UNISSA bersama agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

Beliau menambah, pemegang Ijazah Ph. D yang relevan biasanya berpeluang untuk berkhidmat di mana-mana juga pusat pengajian tinggi di dunia dan ia merupakan suatu kelebihan yang tidak di peroleh oleh pemegang Sarjana Muda semata-mata.

"Dari sinilah juga kegiatan penyelidikan berkembang subur seperti

yang diinginkan oleh negara kita," tegasnya.

Jika dilihat di luar negara misalnya di negara-negara jiran jelasnya, pemegang Ijazah Ph. D menjadi suatu yang lumrah kepada pegawai-pegawai kerajaan juga mereka yang terlibat dalam bidang perguruan, trend itu tentunya baik ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan dan negara keseluruhannya.

Rektor UNISSA pada majlis itu juga melahirkan kegembiraan bahawa para pelajar sarjana di universiti itu bukan sahaja dari lulusan Institut Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddin, UBD yang menjadi asas penubuhan UNISSA malah ia juga di masuki oleh pelajar-pelajar dari luar negara seperti lulusan dari Universiti

**Oleh : Marzuki Haji Mohd. Serudin**

Islam Madinah Saudi Arabia, Petani, Universiti Al-Azhar Mesir dan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Dialog itu antara lain bertujuan untuk mengetahui keperluan-keperluan sumber-sumber manusia bagi 'stakeholders' yang terbabit secara khusus dan keperluan negara secara umum, di samping membuka peluang kerjasama antara UNISSA dengan 'stakeholders' di negara ini.

Selain itu ia juga untuk memberi penerangan kepada 'stakeholders' tentang program-program yang sedang dan akan ditawarkan oleh UNISSA sebagai persediaan kepada memberikan perkhidmatan dalam

bentuk penyelidikan dan pembelajaran serta konsultasi bagi penyediaan pelan strategik di masa hadapan.

Agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang dijemput ke Majlis Dialog berkenaan termasuk Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Mufti Kerajaan, Pejabat Peguam Negara, Pusat Kewangan Antarabangsa Brunei dan Bank Islam Brunei Darussalam.

UNISSA kini sedang menyediakan Pelan Strategik lima tahunnya untuk mencapai objektif ke arah menyediakan sumber tenaga manusia yang diperlukan bagi pembangunan negara.



# Lawatan kerja dan kunjungan Hari Raya ke Daerah Tutong

Oleh : Norlia Md. Zain

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Ahad, 21 Oktober. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adnan membuat lawatan kerja dan kunjungan Hari Raya ke Daerah Tutong.

Menyertai rombongan ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dahi, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sebelum memulakan lawatan kerja dan kunjungan Hari Raya, Yang Berhormat dan rombongan singgah di kediaman rasmi Pegawai Daerah Tutong dialu-alukan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu.

Lawatan kerja dan kunjungan Hari Raya Yang Berhormat dan rombongan bermula di kediaman Ketua Kampong Sengkarai Tutong, Awang Haji Mumin bin Abdul Razak.

Seterusnya Yang Berhormat juga melawat ke beberapa kediaman penghulu dan ketua-ketua kampung di daerah itu antaranya kediaman Penghulu Mukim

Tanjong Maya, Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, Ketua Kampong Lamunin, Mejar (B) Awang Haji Tahamid bin Haji Kula dan kediaman Ketua Kampong Kupang, Awang Haji Puasa bin Haji Kula.

Dalam kunjungan itu, Yang Berhormat juga berkesempatan berinteraksi bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPK).

Lawatan kerja dan kunjungan tersebut antara lain bertujuan untuk mengeratkan lagi kemesraan dan persefahaman antara ketua kampung, Ahli-ahli Jawatankuasa MPK, di samping untuk mengetahui perkembangan terkini dan permasalahan yang dihadapi oleh penduduk kampung.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adnan bergambar ramai bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPK) Daerah Tutong.

## Pegawai Daerah adakan 'Rumah Terbuka'

Berita dan Foto :

Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

saidah.omaralli@information.gov.bn



PRESIDEN Persatuan Perniagaan China, Yang Dimuliakan Pehin Bendahari China Dato Paduka Awang Onn Siew Siong dan mereka yang hadir ke rumah kediaman rasmi Pegawai Daerah Belait dijamu dengan pelbagai hidangan kuih raya.

KUALA BELAIT, Jumaat, 19 Oktober. - Amalan kunjung-mengunjungi ke rumah sanak saudara dan rakan taulan lebih-lebih lagi di hari lebaran yang mulia sudah menjadi budaya hidup masyarakat tidak kira bangsa dan agama.

Kunjung-mengunjungi sambil bermaaf-maafan dan melupakan kesilapan yang lampau. Pada asasnya, Hari Raya Aidilfitri merupakan hari untuk bergembira, bermaaf-maafan dan hari untuk mengeratkan tali persaudaraan di kalangan umat Islam, di samping meraikan kejayaan beribadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sempena Hari Raya Aidilfitri, kebanyakan orang mengadakan 'Rumah Terbuka' sama ada pada Hari Raya Aidilfitri itu sendiri ataupun sepanjang bulan Syawal. Kemeriahan Hari Raya Aidilfitri selalunya akan berpanjangan sehingga sebulan dan kemeriahan itu akan hilang dengan sendirinya apabila bulan Syawal sampai ke

penghujungnya.

Di kesempatan itu Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohammad bin Haji Abdul Rahman dan isteri, Dayang Hajah Suriana binti Haji Ahmed tidak ketinggalan mengadakan 'Rumah Terbuka' di kediaman rasmi mereka bermula jam 9.00 hingga 11.00 pagi dan 2.00 petang hingga ke malam.

Para pengunjung terdiri daripada para penghulu mukim, ketua kampung, pegawai-pegawai kerajaan dan syarikat swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta orang ramai. Antara yang hadir ke 'Rumah Terbuka' itu Presiden Persatuan Perniagaan China, Yang Dimuliakan Pehin Bendahari China Dato Paduka Awang Onn Siew Siong bersama ahli persatuan tersebut dan Persatuan Perniagaan China

yang lain di daerah ini seperti Persatuan Hakka, Hainan dan Persatuan Foo Chow.

'Rumah Terbuka' Pegawai Daerah diadakan setiap tahun bagi menjalin silaturahmi dan juga mengukuhkan lagi perpaduan dan kerjasama di antara pegawai daerah dan penduduk daerah ini. Para pengunjung dihidangkan dengan pelbagai juadah Hari Raya Aidilfitri seperti rendang, lontong, nasi lemak, biskut raya dan makanan tempatan.

Selain menjamu selera, kanak-kanak juga diberi sampul surat berwarna hijau berisi 'duit raya' yang diberi oleh orang dewasa. Sampul 'duit raya' diadaptasi daripada amalan orang Cina yang memberi sampul merah berisi wang yang disebut 'angpau' diberi kepada kanak-kanak dan mereka yang belum berkahwin.



TANGAN DIHULUR MAAF DIPINTA ... Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohammad bin Haji Abdul Rahman mengalu-alukan mereka yang berkunjung di kediaman rasmi beliau.

## Rombongan isteri Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri adakan kunjungan ramah mesra

Berita dan Foto :

Dk. Hajah Saidah

Pg. Haji Omaralli

saidah.omaralli@information.gov.bn

KUALA BELAIT, Rabu, 24 Oktober. - Meskipun Hari Raya Aidilfitri kini menjangkau 12 Syawal namun kemeriahan menyambut Hari Raya masih dirasakan di setiap pelusuk negara ini dengan mengadakan 'Rumah Terbuka'.

Sehubungan itu isteri Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datin Paduka Dayang Hajah Salmah binti Haji Hanafiah bersama rombongan isteri-isteri dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) mengadakan kunjungan dan ramah mesra ke rumah kediaman rasmi isteri Pegawai Daerah Belait, Dayang Hajah Suriana binti Haji Ahmed dan beberapa kediaman isteri ketua kampung di daerah ini.



ISTERI Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datin Paduka Dayang Hajah Salmah binti Haji Hanafiah bersama rombongan bergambar ramai semasa berkunjung ke kediaman rasmi isteri Pegawai Daerah Belait.

Menyertai rombongan tersebut, isteri Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datin Hajah Norhayati binti Haji Abu Bakar dan Isteri Pemangku Setiausaha Tetap KHEDN serta isteri-isteri ketua-ketua jabatan di bawah KHEDN, isteri-isteri pegawai-pegawai kanan kementerian berkenaan dan Ahli-ahli

Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Dari kediaman isteri Pegawai Daerah Belait, rombongan yang diketuai oleh isteri Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri seterusnya mengadakan kunjungan ke rumah isteri Ketua Kampong Pekan Belait dan rumah isteri

Ketua Kampong Lumut I merangkap Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Rombongan meneruskan kunjungan ke Daerah Tutong. Kunjungan merupakan salah satu program yang diadakan setiap tahun bagi merapatkan lagi hubungan silaturahmi, kerjasama dan perpaduan di kalangan mereka.

## Darussalam Holdings meriahkan sambutan Hari Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Ogos. - Syarikat Darussalam Holdings Sdn. Bhd., mengadakan ramah mesra bersama pelanggan-pelanggan korporat dan juga pelanggan-pelanggan syarikat tersebut sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Majlis yang berlangsung di Ibu Pejabat Darussalam Holdings di Kiulap menarik ramai pengunjung syarikat berkenaan dengan dijamu pelbagai juadah kuih-muih dan makanan.

Awang Haji Mahmud bin Haji Mohamed, Pengarah Urusan Darussalam Holdings Sdn. Bhd., menyatakan bahawa majlis yang diadakan merupakan satu aktiviti tahunan Syarikat Darussalam Holdings Sdn. Bhd. untuk mendekatkan lagi hubungan silaturahmi dan persefahaman bersama para pelanggan.

Menurutnya ini adalah juga salah satu aktiviti bagi mengeratkan lagi silaturahmi di antara kakitangan Syarikat Darussalam Holdings dan orang awam khususnya pelanggan-pelanggan syarikat tersebut.

Syarikat Darussalam Holdings Sdn. Bhd. adalah salah sebuah syarikat tempatan yang mengadakan pakej haji dan umrah. Syarikat tersebut telah lama gigih dalam mempromosikan dan menguruskan pakej haji kepada rakyat Negara Brunei Darussalam.



PARA pegawai dan kakitangan Darussalam Holding Sdn. Bhd. yang menghadiri Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama pelanggan di pejabat mereka di Kiulap. - Foto : Ak. Haji Mohd. Zukarnzen.



# Brunei diberikan penghormatan 'Country of Honour' mempamerkan keunikannya

NANNING, Ahad, 28 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat bagi menghadiri Majlis-majlis Pembukaan Rasmi China-ASEAN Expo (CAEXPO) Ke-4 dan China - ASEAN Business and Investment Summit (CABIS) Ke-4 selaku wakil Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia ketika bersabda merasmikan CAEXPO Ke-4 menjelaskan bahawa ASEAN dan China mempunyai harapan dan ekspektasi yang sama dan yakin CAEXPO menawarkan satu peluang unik bagi ahli-ahli perniagaan kedua-dua belah pihak dalam meningkatkan kerjasama.

Sebelum itu, DYTM berkenan merasmikan Pavilion Negara Brunei Darussalam 'The City of Charm' bersama dengan Timbalan Perdana Menteri Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Zeng Peiyan. Pavilion ini antara lain membawa Negara Brunei Darussalam ke negara luar khususnya China untuk melihat keunikannya seperti Empire Hotel and Country Club, Projek Pulau Muara Besar, BLNG dan Pelabuhan Muara. Pavilion ini

juga menyaksikan adat perkahwinan Brunei, muzik dan tarian tradisi. Matlamat pameran ialah untuk menarik lebih ramai pelancong dari China untuk melawat Negara Brunei Darussalam.

Sejurus selesai perasmian, DYTM mengadakan lawatan ke beberapa pavilion termasuk 17 ruang pameran para peniaga kecil dan sederhana (SME) dari Negara Brunei Darussalam yang menyertai ekspo tersebut. Mereka mempamerkan produk-produk masing-masing antaranya ialah makanan, hasil kerja tangan, makanan halal dan ICT.

Ekspo China-ASEAN tahun ini memberi penghormatan kepada Negara Brunei Darussalam sebagai 'Country of Honour' untuk memberi peluang mempamerkan keunikannya.

DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri juga berkenan menghadiri Majlis Pembukaan Rasmi CAEXPO Ke-4 di Nanning.

Di majlis tersebut, DYTM bersabda mengenai kepentingan acara CAEXPO dalam kalendar ASEAN, yang mempamerkan syarikat-syarikat yang terbaik di negara-negara ASEAN dan China. Majlis berlangsung di Dewan Perdagangan dan Komoditi Guangxi.

Dalam sabda DYTM juga menekankan ASEAN

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman  
jefferi.durahman@information.gov.bn  
Foto : Masri Osman

berbangga dengan hubungan rapat yang diwujudkan antara rakan China dan ASEAN, sabda DYTM lagi, ASEAN merasa lega dengan prospek yang baik dalam setiap aspek perhubungan kedua-dua belah pihak dan ini termasuk mengenai peluang-peluang baru kerjasama dalam perdagangan dan pelaburan.

DYTM juga dalam sabdanya mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang Terutama kerana menganjurkan ekspo yang sangat penting dalam kalendar ASEAN yang mana menawarkan peluang kepada masyarakat kedua-dua belah pihak bertemu secara profesional dan berkongsi pengalaman dan idea.

CAEXPO di Nanning akan diadakan sehingga 31 Oktober ini.

DYTM, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim berangkat meninggalkan Nanning selepas menghadiri lawatan rasmi ke Nanning, China.

Sebelum keberangkatan dari hotel, doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Hamidon.

Berangkat sama mengiringi di sepanjang la-

watan ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Nanning bagi mengucapkan selamat berangkat kepada DYTM dan YTM ialah Presiden Jabatan Penerangan Guangxi, Tuan Shen Beihei; Duta Besar Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Tong Xiaoling dan beberapa orang pegawai dari Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Republik Rakyat China.



1. DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan melawat Pavilion Negara Brunei Darussalam sambil diiringi oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Abu Bakar.
2. DULI Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan salah satu pameran peserta yang menyertai China - ASEAN Expo (CAEXPO) Ke-4 yang berlangsung di Nanning.
3. DYTM berkenan menghadiri Majlis Pembukaan China-ASEAN Business and Investment Summit (CABIS) Ke-4 bersama perwakilan negara jempunan
4. DYTM dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan bergambar kenangan bersama para pegawai Kerajaan Republik Rakyat China dan para pegawai Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Republik Rakyat China.
5. DYTM dan YTM bersama YTM Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim menadah tangan ketika doa dibacakan sebelum berangkat meninggalkan Nanning.
6. PRESIDEN Jabatan Penerangan Guangxi, Tuan Shen Beihei mengucapkan selamat berangkat ke hadapan majlis DYTM.



## Lawatan DYTM dan YTM ke Nanning, Guangxi, Republik Rakyat China



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah bersalaman bersama Timbalan Perdana Menteri Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Zeng Peiyan (kiri). Sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengadakan perjumpaan bersama Tuan Yang Terutama yang berlangsung di Nanning, Guangxi Zuang Autonomus Region, Republik Rakyat China.

# Brunei perlu tingkatan kapasiti memanfaatkan 'competitive edge' di pasaran antarabangsa

**D**I DALAM usaha untuk mempertingkatkan hasil keluaran produk-produk tempatan, Negara Brunei Darussalam ke arah yang lebih berkualiti dan bermutu tinggi serta dikenali oleh negara-negara luar, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) berperanan dalam mempromosikan serta memperkenalkan hasil produk daripada peniaga tempatan kita.

Dalam usaha tersebut kementerian ini juga telah berusaha sedaya yang mungkin dengan mengadakan pelbagai aktiviti dan turut serta di dalam mana-mana jua pameran yang dianjurkan oleh negara kita mahupun dalam menyertai mana-mana ekspo besar-besaran yang diadakan di luar negara. Salah satu antara ekspo yang disertai dan melibatkan kementerian ini ialah China - ASEAN Ekspo (CAEXPO) Ke-4 yang diadakan di Nanning, Republik Rakyat China.

Ini bukanlah kali pertama Negara Brunei Darussalam menyertai ekspo seumpamanya, bahkan ini adalah kali ke-4 negara ini menyertai ekspo sebegini.

Dalam temu bual bersama Pemberita PELITA BRUNEI ketika berada di Nanning, Republik Rakyat China bersama Pemangku Pengarah Unit Promosi KPSSU, Dayang Mariani binti Haji Sabtu menyatakan peranan yang dimainkan oleh KPSSU di CAEXPO, di mana kata beliau.

"KPSSU adalah penyelaras bagi penyertaan Negara Brunei Darussalam dalam acara ini dengan penglibatan perwakilan pihak swasta seperti Pertubuhan Persahabatan Brunei - China (Brunei-China Friendship Association), Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei, Dewan Perniagaan dan Perusahaan Tionghoa, Persatuan Perniagaan Wanita (Women Business Council) berserta beberapa agensi kerajaan dan bukan kerajaan seperti Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, (AiTi) dan lain-lain bagi menghadapi pameran ini."

Dayang Mariani juga menyatakan sehingga 20 Oktober, sebanyak 20 buah syarikat menyertai pameran tersebut iaitu 17 buah syarikat memamerkan produk dan perkhidmatan mereka di Pavilion Commodity & Trade, manakala tiga syarikat lagi memamerkan produk mereka di bawah Pavilion City of Charm.

Di samping itu juga, pada tahun ini Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) juga akan memamerkan produk dan perkhidmatan mereka bersama dengan kementerian ini.

"Pada tahun ini kementerian ini mengukuhkan dua pameran secara serentak, iaitu pameran Commodity & Trade - yang mana ini memuatkan pameran seperti makanan dan minuman, produk dan perkhidmatan ICT, barangan seni dan handikraf, perkhidmatan pendidikan, Brunei Halal Brand dan peluang-peluang bisnes dan pelaburan di sektor perikanan," beliau menjelaskan.

Beliau juga menyatakan, satu pameran lagi, iaitu City of Charm, berperanan mengetengahkan beberapa tempat-tempat kunjungan yang menarik yang terdapat di Negara Brunei Darussalam, khususnya di persekitaran Bandar Seri Begawan yang dikenal pasti sebagai City of Charm.

"Pada tahun ini, Jabatan Kemajuan Pelancongan, selaku penyelaras Pavilion City of Charm juga memfokus kepada salah satu hotel terkemuka yang mendapat sambutan hangat di pasaran timur jauh, iaitu The Empire Hotel & Country Club dan juga diserikan dengan beberapa persembahan kebudayaan yang menarik diadakan di pavilion ini sepanjang

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman  
jefferi.durahman@information.gov.bn

Foto : Masri Osman

pameran diadakan dengan tujuan mengongsikan budaya dan cara kehidupan unik kebruneian ke pasaran China khususnya dan kepada rakyat China umumnya," tambah Dayang Mariani lagi kepada pemberita PELITA BRUNEI.

"Seperti tahun-tahun kebelakangan, pada tahun ini, kementerian ini juga mengukuhkan satu seminar pada 29 Oktober di Room 103, Nanning International Exhibition and Convention Centre bagi mempromosi peluang-peluang bisnes dan pelaburan yang ada di negara ini," tambah beliau.

Beliau juga berkata di antara pihak-pihak yang terlibat dalam acara ini ialah, UBD yang mempromosikan peluang-peluang mengikuti pengajian di universiti berkenaan, khusus untuk pasaran wilayah Guangxi / China; LEAPS Educational Services; WestEgrets Sdn. Bhd. - yang mempromosikan syarikat dan produk mereka; BiTEX Sdn. Bhd. - siapa yang akan melaksanakan satu penandatangan semasa seminar ini bersama syarikat dari Myanmar dan Republik Rakyat China; Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei - bagi mempromosi pelaburan ke projek pembinaan PMB; Jabatan Pertanian - mempromosikan peluang bisnes dan pelaburan yang berkaitan dengan Brunei Halal Brand dan juga Jabatan Kemajuan Pelancongan - yang mempromosi pelancongan dan peluang bisnes dalam sektor berkenaan.

Dari segi produk-produk kitani yang diperlihatkan atau dipamerkan tidak begitu banyak perbedaannya tambah Dayang Mariani lagi, di mana terdapat persamaan yang mana disebabkan, beberapa pengusaha yang menyertai pameran kali ini yang ingin untuk melaksanakan 'follow-up' penyertaan mereka tahun lepas.

Beliau menambah, di masa yang sama pada tahun ini terdapat pertambahan-pertambahan yang ketara, bukan saja kerana berpandukan tema keseluruhan tahun ini, iaitu Port Development And Cooperation, tetapi meningkatkan kesedaran akan potensi pasaran China bukan saja sebagai pasaran bersaiz besar untuk diterokai, tetapi juga sebagai sumber dan rakan niaga yang mantap, di samping itu pameran ini semakin mendapat perhatian dan penyertaan daripada negara-negara luar selain Asia, termasuk perwakilan 'pembeli' dari Eropah dan sebagainya.

Manakala ketika diwawancara mengenai keistimewaan yang akan ditunjukkan oleh negara kita pada kali ini di Pameran CAEXPO ini bagi menarik perhatian para pengunjung nanti di ekspo tersebut, Dayang Mariani menjelaskan, pada tahun ini Negara Brunei Darussalam telah dijemput sebagai Negara Kehormat (Country of Honour) di mana beberapa keutamaan dan keistimewaan telah diperuntukkan bersama dengan penghormatan berkenaan.

Di antara penghormatan yang diberikan ialah:- Jemputan dan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah untuk menghadiri CAEXPO Ke-4 dan seterusnya diberi penghormatan untuk merasmikan bersama acara-acara utama. Di antara penglibatan dan penghormatan yang diberikan ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia ialah: Merasmikan City of Charm Pavilion Negara Brunei Darussalam, kira-kira jam 8.23 pagi, iaitu sebelum berlangsungnya Majlis Perasmian



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah beramah mesra bersama Tuan Yang Terutama Liu Qibao, Setiausaha Parti Komunis China (CPC) Guangxi Committee.

CAEXPO Ke-4 dan juga Pembukaan Rasmi CAEXPO Ke-4 yang dijangka akan berlangsung pada jam 9.00 pagi, 28 Oktober - di mana DYTM juga mengukuhkan sabda dan seterusnya merasmikan acara bersama dengan Ketua Negara China; Pembukaan Rasmi China-ASEAN Business & Investment Summit yang akan diadakan pada jam 11.00 pagi dan pada 28 Oktober 2007. Di acara ini juga DYTM berkenan mengukuhkan sabda.

Selain itu tambah Dayang Mariani lagi, Negara Brunei Darussalam juga diberikan sejumlah kawasan pameran secara percuma oleh Kerajaan Guangxi iaitu seluas 270 meter persegi bagi Pavilion City of Charm dan sebanyak sepuluh buah petak pameran bagi Commodity & Trade Pavilion.

Negara Brunei Darussalam juga diberikan peluang untuk melaksanakan beberapa aktiviti dan rancangan bagi mempromosikan penyertaan negara pada tahun ini.

Ketika diajukan soalan negara kita merupakan sebuah negara yang kecil dan mula berkembang maju, jadi dari segi memperkenalkan produk hasil tempatan kita mungkin masih jauh dan memerlukan kerja yang kuat, jadi bagaimanakah cara kita terutama sekali bagi pihak puan untuk sama-sama memperkenalkan di mata negara-negara yang sedang maju mengenai hasil produk negara kita terutama sekali dalam pameran CAEXPO?

Walaupun negara kita kecil, tetapi peluang untuk melaksanakan bisnes eksport memang wujud di kalangan produk tempatan kita. Apa yang penting ialah Brunei Darussalam perlu fokus dan meningkatkan kapasiti untuk membolehkan pengusaha tempatan memanfaatkan 'competitive edge' yang unik kepada kita di pasaran antarabangsa.

Dalam hal ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia akan sentiasa memberikan dukungan-dukungan yang diperlukan bagi menjana pembangunan dan ke arah pengukuhan sektor swasta. KPSSU khususnya sedang giat melaksanakan beberapa strategi dan program yang berkenaan, seperti memperkembangkan jenama Brunei Halal, melaksanakan program dan aktiviti promosi pasaran antarabangsa; mengukuhkan keupayaan perakuan dan persijilan produk; program pembinaan tenaga dan sumber manusia; program-program dukungan dan bantuan kewangan dan sebagainya.

Bagaimana dengan sasaran KPSSU di dalam CAEXPO?

China adalah salah satu pasaran yang

mempunyai potensi yang sangat tinggi bukan saja dari segi bilangan penduduk yang ramai, tetapi juga dengan peningkatan ekonominya yang sangat pesat. Dalam pada itu Wilayah Guangxi ini adalah salah sebuah wilayah yang mana telah dikenal pasti sebagai 'pintu' Republik Rakyat China ke negara-negara ASEAN dan pelbagai aktiviti perkembangan ekonominya adalah berhubung kait dengan ASEAN. Pada tahun ini misalnya, tema keseluruhan ialah Port Development and Cooperation - ianya adalah berkaitan dengan sasaran bagi memperkembangkan perhubungan melalui pembangunan pelabuhan-pelabuhan yang menghubungkan China - Wilayah Guangxi khasnya dengan negara-negara ASEAN.

Maka dalam hal ini, Negara Brunei Darussalam menasaskan untuk dapat bekerjasama dalam bidang-bidang yang berkaitan misalnya dalam aspek pelbagai pembangunan yang akan dilaksanakan. Dalam pada itu, projek menghubungkan China-ASEAN dijangka akan menerbitkan atau menjana pelbagai perkembangan ekonomi dan akan mempermudah lagi perjalanan perdagangan dan manusia - khususnya di bidang pelancongan, meningkatkan keperluan perkhidmatan-perkhidmatan seperti yang berkaitan dengan ICT dan sebagainya. Jika ditinjau, aktiviti ini juga adalah selari dengan apa yang dirancang oleh negara kita - dalam membangunkan projek Pulau Muara Besar.

Dalam pada itu juga, pasaran China menyediakan pelbagai peluang bisnes kepada Negara Brunei Darussalam, misalnya dalam aspek pembekalan bahan mentah pertanian dan pemprosesan semula dalam perkhidmatan pendidikan, bidang ICT, makanan halal dan Brunei Halal Brand, pelancongan dan sebagainya.

Akhir sekali, apakah harapan dari pihak puan hasil dari penyertaan negara kita di dalam ekspo ini?

Apa yang diharapkan oleh pihak kerajaan - khususnya kementerian ini dan agensi-agensi kerajaan yang terlibat, ialah peningkatan perolehan bisnes yang memberikan kemanfaatan kepada ahli perniagaan kita, khususnya kepada yang menyertai rombongan kali ini. Kami juga mengharapkan untuk dapat meningkatkan lagi keterampilan Negara Brunei Darussalam sebagai salah sebuah destinasi pelancongan yang menarik kepada penduduk China - khasnya Wilayah Guangxi dan negara ASEAN.



RENCANA

ASPEK DALAM KEPIMPINAN

**S**ESEBUAH organisasi Perkhidmatan Awam (PA) sememangnya diutarakan tentang soal kepimpinan ianya tidak boleh disisihkan apatah lagi ditiadakan, ini kerana pemimpin di dalam pengurusan di dalam organisasi PA adalah diutamakan sebagai tanda kemajuan dan kekuasaan bagi melakukan sesuatu aktiviti dalam organisasi.

Bersifat adil adalah salah satu ciri yang amat penting bagi seorang pemimpin. Ianya tidak terbatas kepada jenis kepimpinan kepada sebuah keluarga atau perkumpulan kecil atau sebuah organisasi. Malah apa sahaja yang dipimpin olehnya, keadilan akan sentiasa dipersoalkan. Dalam tajuk ini akan membicarakan tentang ciri-ciri kepimpinan yang harus ada dan dimiliki oleh seorang pemimpin kepada sesebuah organisasi menurut pandangan agama Islam dan beberapa penjelasan dari para sarjana.

**Pemimpin melalui kaca mata Islam**

Agama Islam mengajak manusia menepati keadilan dalam segenap aspek kepimpinan yang diwakili olehnya. Sebab itulah pemimpin yang adil tempatnya kelak adalah di bawah naungan 'Arasy yang mulia. Kepimpinan dari kaca mata Islam merujuk kepada keperibadian dan segenap aspek tindakan yang dimiliki oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Di antara ciri-ciri kepimpinan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di antaranya ialah:

**Berilmu pengetahuan.** Orang yang berilmu akan ditingkatkan darjat dan tarafnya. Demikian menurut Al-Qur'an. Sudah semestinya seorang pemimpin dalam sebuah organisasi harus mempunyai ilmu pengetahuan yang lebih terutama aspek-aspek teknikal dan juga penguasaan dalam organisasi. **Teras Aqidah yang kukuh.** Ini bermakna seorang pemimpin yang mempunyai teras aqidah yang kukuh akan berjaya dalam kepimpinannya kerana pegangan yang tetap dan aqidah yang mantap akan mencorakkan kepimpinan yang tegas dan beretika dalam perwatakan dan prosedur kerja. **Seorang lelaki.** Pemimpin lelaki mempunyai beberapa kelebihan berbanding wanita dari segi kepimpinan. Pandangan yang jauh dan bermakna lebih utama dari mengutamakan perkara yang dekat dan remeh dari segi soal-soal kepimpinan. Kaum wanita adalah penting dari segi mengukuhkan organisasi dan perkara-perkara yang perlu dihalusi untuk mencapai kesempurnaan tanpa menisihkan kebolehan mereka. **Amanah.** Sifat amanah adalah sifat yang dimiliki oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Scharusnya seseorang pemimpin mewarisi sifat tersebut untuk mewujudkan sikap kerja yang baik dalam pelbagai urusan organisasi. **Benar dalam perkataan dan tindakan.** Seseorang yang benar dalam perkataan dan tindakannya menggambarkan ciri-ciri kepimpinan yang baik dan menepati soal kepimpinan melalui teladan. **Keadilan yang meliputi segenap aspek yang dipimpin.** Pemimpin yang adil adalah tunggak yang utama dalam sesebuah organisasi. Ciri kepimpinan yang adil mewarisi sifat-sifat utama pemimpin Islam sebagai termaktub dalam perjuangan para nabi dan rasul. Pemimpin yang adil juga dijamin keselamatannya di bawah naungan 'Arasy Allah Subhanahu Wata'ala. **Bersifat rahim.** Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: perumpamaan Baginda dengan umatnya ialah seperti orang yang menghalau kupu-kupu dan belalang yang berkerumun dekat api. Baginda menarik umatnya dari belakang agar mereka tidak jatuh ke dalam api tetapi mereka selalu terlepas tangan dari Baginda. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam lagi.

"Sebaik-baik pemimpin ialah yang kamu mencintai dan Dia mencintaimu dan kamu mendoakan dan ia mendoakanmu. Dan sejahat-jahat pemimpin ialah yang kamu benci dan membenci kamu..."

**Bijak dalam menangani masalah.** Kisah Nabi Yusuf Alaihissalam dalam menangani masalah ekonomi meleset akibat musim kemarau yang berpanjangan melalui perancangan dan pentadbiran yang bijak adalah menjadi rujukan penting bagi sifat-sifat pemimpin yang bijak. **Sentiasa menyampaikan pesanan dan perkara-perkara yang hak.** Pesanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. "Sampaikanlah dariku walaupun satu ayat."

Kesimpulannya, sebenarnya banyak lagi sifat-sifat yang digariskan di dalam ajaran agama Islam terutama sekali dalam ciri-ciri kepimpinan yang baik seperti contohnya lagi memaafkan, bertanggungjawab, petunjuk akhlak yang baik dan sebagainya. Jelas sekali, dari sifat-sifat di atas perlu dijadikan panduan dan rujukan kepada pemimpin-pemimpin organisasi yang mahukan kepimpinannya berakhlak mulia terutama sekali pengurusan dalam PA di negara ini.

**KEPIMPINAN ORGANISASI DARI PERSPEKTIF ISLAM**

PA sebagai sebuah organisasi di negara kita tidak akan dapat berfungsi dengan lancar tanpa pemimpin. Malah kejayaan sesebuah organisasi itu tidak akan dikaitkan dengan kepimpinan yang dinamik dan berkesan. Dalam konteks pengurusan moden, telah banyak sekali membicarakan persoalan kepimpinan, masalah kepimpinan bahkan pelbagai teori dan model dikemukakan di dalam usaha meningkatkan kecekapan pemimpin. Ini pula diikuti dengan kaedah dan latihan yang cukup canggih dan komprehensif contohnya yang berlaku di beberapa institusi di negara ini mengadakan pelbagai seminar, kursus, bengkel dan sebagainya sebagai langkah memberi pengetahuan kepada pemimpin atau orang yang dipimpin di dalam PA. Oleh kerana itu pemimpin perlulah bersedia dan menghadapi segala cabaran dengan kebijaksanaannya. Melalui kepimpinan organisasi dari perspektif agama Islam akan mene-

# PERKHIDMATAN AWAM DALAM ASPEK PENGURUSAN

MUKADIMAH

PENGURUSAN di dalam Perkhidmatan Awam (PA) di Negara Brunei Darussalam sudah pun mencapai tahap yang membanggakan dengan adanya pelbagai usaha yang berterusan maka pengurusan sesebuah organisasi di sektor awam mahupun swasta telah dapat berkembang dan mencapai ke matlamat yang dimahui. Oleh itu usaha-usaha sedemikian perlu diteruskan agar pengurusan di dalam PA dapat menguasai semua perkhidmatan dengan baik dan bermutu tinggi. Rencana ini dimuatkan sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam yang akan diadakan pada 10 November 2007. Semogalah penyebaran rencana ini sedikit sebanyak akan memberikan kita ilmu dalam sama-sama menanai integriti, PA.

rangkan serba sedikit tentang bagaimana pengurusan oleh pemimpin ataupun pengurus serta kakitangan di dalam organisasi PA.

**Kepimpinan melalui agama Islam**

Setelah mengetahui berkenaan dengan personaliti pemimpin di dalam kaca mata Islam kita akan cuba mempelajari lagi tentang kepimpinan di dalam perspektif Islam. Setiap individu yang mukallaf mempunyai tugas kepimpinan sama ada suami, isteri, pegawai kerajaan, ketua kerajaan, ketua kampung, penghulu, cikgu, pelajar dan sebagainya mempunyai tugas memimpin mereka yang di bawah jagaannya untuk mencapai matlamat masing-masing selaras dengan pangkat dan kedudukannya. Ini adalah kewajipan seorang pemimpin dalam memimpin orang yang dipimpinnya tersebut. Sehubungan dengan ini, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada bersabda:

"Tiap-tiap seorang daripada kamu adalah pemimpin. Justeru itu kamu adalah bertanggungjawab terhadap mereka yang diletakkan di bawah pimpinan kamu. Ketua negara adalah bertanggungjawab dari hal rakyatnya. Ketua keluarga adalah pemimpin kepada keluarganya dan akan ditanya dari hal kepimpinannya, wanita adalah pemimpin di rumah suaminya dan ia bertanggungjawab terhadap segala perkara yang diletak di bawah jagaannya, khadam (orang gaji) adalah pemimpin atau pengawal, justeru itu adalah bertanggungjawab menjaga harta tuannya dan ia akan ditanya dari hal benda-benda yang diletak di bawah jagaannya. Justeru itu, kamu adalah bertanggungjawab terhadap mereka yang diletakkan di bawah pimpinan kamu." (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Jika ditinjau secara terperinci dalam perspektif Islam mengenai kepimpinan mengambil kira empat pendekatan untuk mengkaji kepimpinan. Ketokohan seorang pemimpin, perlakuannya, kaedah pemilihan, natijah kepimpinan dan juga aspek tarbiyyah (pendidikan) untuk meningkatkan mutu kepimpinan. Pemimpin yang beragama Islam sudah semestinya wajib mengikuti corak kepimpinan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Hart iaitu seorang penulis buku 'The 100: A Ranking of the Most Influential Persons in History' telah menamakan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai pemimpin yang paling teratas di kalangan manusia yang paling berpengaruh dalam sejarah dunia yang berjaya mempengaruhi pengikut Baginda dengan bertauhid kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Sebagai umat Islam adalah menjadi kewajipan kita untuk melaksanakan tugas sebagai makhluk ciptaan Yang Maha Esa di dunia ini dengan petunjuk-Nya agar kita dapat melaksanakan tugas dengan saksama.

**Fungsi kepimpinan**

Fungsi kepimpinan di dalam sesuatu organisasi adalah penting secara keseluruhan. Pada umumnya, fungsi kepimpinan dalam sesuatu organisasi di dalam PA

SIRI PERTAMA

dapat diringkaskan seperti membentuk dan membimbing ahli atau kakitangan di bawahnya ke arah kejayaan dunia dan akhirat. Menyatupadukan kumpulan dengan bertindak sebagai pakar rujuk, orang tengah, penasihat, kawan, pendengar yang sabar dan sebagainya. Ini adalah bertepatan dengan ciri kepimpinan yang sejati agar orang yang dipimpinnya itu dapat mengikuti segala kehendak yang disuruh oleh ketuanya.

Mewujudkan suasana yang selesa untuk membolehkan orang yang dipimpin dan secemerlang mungkin. Ini termasuklah dengan memberikan dorongan berdasarkan ganjaran atau hukuman dan teguran. Merancang, menyelia dan menilai prestasi setiap tugas yang diberikan kepada anggota organisasi PA. Setiap aspek pengurusan dijalankan dengan penglibatan yang bermakna dari ahli dan memberikan rangsangan yang berterusan. Matlamat bagi setiap kegiatan dinyatakan dengan jelas agar wujud kesepaduan dalam tindakan dan objektif. Memudahkan perhubungan di kalangan anggota organisasi. Ini mengambil kira kaedah penyaluran maklumat yang sesuai dan berkesan. Tegasnya, kepimpinan organisasi perlu mahir mengenai teknik komunikasi sama ada antara perseorangan, kumpulan kecil atau kumpulan besar. Mempunyai kebolehan yang dinamik akan dapat menguasai keseluruhan orang yang dipimpinnya itu. Tanpa adanya kebolehan ia tidak akan dapat berdiri betul yang menyebabkan orang yang dipimpin akan merasa kurang senang atau hukuman atau ganjaran yang bukan sepatutnya diberikan.

**Keberkesanan dan ciri kepimpinan yang baik**

Di dalam kajian pengurusan moden, ciri-ciri dan keberkesanan kemahiran yang perlu dimiliki oleh seorang pemimpin adalah berbeza mengikut keadaan dan permasalahan yang dihadapi. Biasanya seorang pemimpin yang berjaya dikatakan mempunyai sifat (attributes) seperti 'broadminded', 'courageous', 'imaginative', dan 'self-controlled'. Mo Curdy di dalam bukunya 'Modern Human Relations At Work' telah menyenaraikan sepuluh ciri atau karakteristik pemimpin yang cemerlang iaitu, 'The future manager', 'an organizer', 'a leader', 'apathologist', 'a politician', 'a policy analyst', 'an expeditor', 'a scientist', 'a change agent', 'an internationalist' dan 'a reformer'.

Kesemua ciri-ciri di atas dianggap lebih berkesan sekiranya ia dapat dilengkapi ciri-ciri keperibadian yang ada pada seseorang pemimpin. Ciri-ciri tersebut adalah seperti berikut:-

a). Ciri-ciri fizikal merangkumi seperti:

1. Umur, 2. Jantina, 3. Perwatakan, 4. Ketinggian tubuh badan, 5. Berat badan, 6. Suara, 7. Kesihatan tubuh badan.

Oleh : Ali Termizzi Haji Ramlli

b) Latar belakang menjurus kepada dua faktor:

1. Tahap pelajaran, 2. Status sosial.

c) Kecerdasan otak meliputi:

1. Keputusan peperiksaan, 2. Pertimbangan atau kematangan, 3. Pengetahuan, 4. Daya cipta, 5. Kepintaran (berdasarkan ujian tertentu).

d) Kewibawaan seperti:

1. Agresif, 2. Kecerdasan, 3. Pengaruh, 4. Ketegasan, 5. Berdikari, 6. Berani, 7. Keyakinan diri dan 8. Pandai menyesuaikan diri.

e) Ciri-ciri berkaitan dengan tugas seperti:

1. Kesetiaan, 2. Pencapaian, 3. Tanggungjawab Inisiatif, 4. Ketabahan, 5. Dorongan, 6. Kecemerlangan, 7. Kemahiran menulis dan 8. Kemahiran bercakap.

f) Ciri-ciri sosial contohnya:

1. Kejujuran, 2. Semangat kerjasama, 3. Kepopularan, 4. Semangat berpasukan, 5. Kemahiran berkomunikasi, 6. Kebijaksanaan.

Di dalam perspektif Islam pula, ciri-ciri tersebut di atas mungkin tidak dipunyai oleh seseorang pemimpin khususnya dari ciri-ciri fizikal dan latar belakangnya. Oleh kerana itulah, Islam melihat sesuatu kepimpinan harus mempunyai ciri-ciri yang lebih 'fundamental' yang pada dasarnya bergantung kepada ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Ciri-ciri tersebut adalah seperti berikut:-

1. Berilmu, 2. Adil, 3. Mempunyai kemampuan, 4. Mempunyai sahsiah pemimpin, 5. Uswah Hasanah (contoh teladan yang baik), 6. Kebenaran dari segi perkataan dan perbuatan, 7. Kesabaran, 8. Merendah diri, 9. Menjaga masa, 10. Perasaan tanggungjawab, 11. Disiplin, 12. Keunggulan peribadi, 13. Patuh, 14. Berpuas hati dan bersyukur, 15. Keikhlasan.

**Unsur-unsur kepimpinan dan pengurusan**

Tidak dinafikan bahawa pemimpin-pemimpin besar dalam sejarah yang lalu mempunyai kewibawaan yang berbeza antara satu dengan yang lain. Akan tetapi untuk menjalankan tugas dengan cemerlang, mereka juga mengambil kira atau mengamalkan unsur-unsur kepimpinan dan pengurusan yang efisien serta efektif yang dimaksudkan itu adalah seperti berikut:-

1. Harus berani mengatakan 'tidak boleh' pada keadaan yang memerlukan.
2. Memberhentikan sesuatu kegiatan yang dirancang apabila didapati kegiatan tersebut merugikan atau bercanggah dengan hukum Islam.
3. Kebajikan dan keperluan orang ramai lebih penting dari keperluan dan masalah peribadi.
4. Harus pintar mengurus masa agar ada keseimbangan di antara kegiatan dan tanggungjawab dalam organisasi, rumah tangga, masyarakat dan kegiatan kerohanian.
5. Mengambil kira dan peka kepada hubungan kemanusiaan agar mewujudkan suasana persaudaraan Islam atau persaudaraan universal di dalam organisasi.
6. Menjalankan pemilihan kakitangan dengan rapi, serta mengambil keperluan organisasi dan tuntutan Allah Subhanahu Wata'ala.
7. Sentiasa mengambil berat mengenai pembentukan peribadi dan kemahiran anggota organisasi. Andai yang dipegang ialah seorang pekerja yang baik ialah pekerja yang berperibadi tinggi dan mahir dalam pekerjaannya.
8. Pemimpin yang berkesan tidak banyak merungut. Mereka lebih mementingkan apa yang dapat dilakukan dengan sempurna dari memikirkan halangan-halangan dan sekatan yang dihadapi.
9. Menghebahkan perkara yang baik dan positif dan menyembunyikan keburukan dan kelemahan orang lain. Misalnya, di dalam mesyuarat, memberi penghargaan pada pekerja yang cemerlang dan menegur mereka yang perlu ditegur di luar mesyuarat dan dijalankan secara peribadi.
10. Pemimpin harus mengambil kira kemashlahatan organisasi secara menyeluruh. Jangan pilih kasih dan memberi tumpuan yang lebih kepada bahagian atau jabatan di mana dia pernah bekerja.



# Perkhidmatan Awam dalam aspek pengurusan

Dari muka 18

11. Harus selalu mengawal dan menilai kegiatan orang yang dipimpin. Ada kalanya pekerja tidak jelas atau tidak faham apa yang dimaksudkan oleh ketua.
12. Perlu pandai menjaga rahsia, yang sulit biarlah sulit. Sering kedapatan yang 'sulit' menjadi 'pengetahuan umum' lantaran 'keperamahan' pemimpin.
13. Pandai membelai orang bawahan, orang atas dan rakan setaraf.
14. Harus menggalakkan kecemerlangan tetapi tidak mengharap keunggulan dari anggota organisasi. Kita harus sedar setiap orang mempunyai kelebihan dan kekurangan. Mengharap keunggulan (perfection) setiap masa boleh melemahkan semangat orang lain.
15. Pemimpin harus sentiasa menyedari hakikat bahawa penghargaan (expectation) orang yang dipimpin terhadap pemimpin adalah tinggi. Sebagai pemimpin kita harus cuba sedaya upaya untuk memenuhi penghargaan tersebut, bukan kerana mengharap pujian manusia tetapi semata-mata untuk mendapatkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.
16. Tugas kepimpinan memerlukan pengalaman. Sebagai pemimpin, kita mungkin tidak mempunyai pengalaman dalam sesuatu bidang yang tertentu. Dalam hubungan ini, kita tidak seharusnya malu untuk 'meminjam' pengalaman orang lain. Pemimpin yang baik ada kalanya perlu menjadi seorang pengikut yang baik.
17. Pemimpin perlu mengagih dan mendelegasikan tugas dari semasa ke semasa. Pengagihan tugas ini harus mengambil kira kebolehan dan kemampuan individu yang diamanahkan tugas tersebut. Berilah tugas pada mereka yang benar-benar layak.
18. Berikan penghargaan dengan jujur untuk setiap tugas yang dijalankan dengan sempurna. Orang yang dipimpin sering dahagakan belaian dan penghargaan dari pemimpin. Tunjukkan yang pemimpin benar-benar mengambil berat tentang orang yang dipimpin.

## Hak-hak kepimpinan

Sesuatu kepimpinan sama ada di peringkat negara atau organisasi mempunyai hak yang setimpal dengan tugas-tugasnya. Adalah menjadi tanggungjawab bagi yang dipimpin untuk mentaati dan mengikut arahan yang diberikan selagi sesuatu kepimpinan itu menjalankan tugas dengan penuh amanah dan tidak menyuruh atau melakukan perkara perbuatan atau arahan yang melanggar hukum-hukum agama Islam. Dengan kata lain, para pemimpin mestilah selaras dengan percakapan, perbuatan, tindakan dan matlamatnya.

Oleh kerana itulah Islam menetapkan bahawa kepimpinan itu mempunyai hak ke atas orang bawahannya. Tetapi hak itu berbeza dari konsep pengurusan moden yang melihat 'The boss is always right'. Hak-hak itu sebenarnya sudah diuraikan atau kedapatan di dalam Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam hak-hak tersebut dapat dirumuskan seperti berikut:-

### a) Taat setia

Taat setia anggota organisasi kepada kepimpinan adalah amat mustahak. Ianya perlu diperolehi oleh setiap pemimpin pada setiap zaman, waktu dan tempat. Tanpa taat setia, organisasi akan menjadi huru-hara dan tidak berfungsi dengan baik. Taat kepada pemimpin tidak hanya terhad kepada perkara-perkara yang disukainya sahaja tetapi ianya adalah menyeluruh sama ada perkara itu disukai atau dibenci, di masa senang atau susah.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri pernah bersabda:

"Adalah wajib ke atas individu Muslim mendengar dan mentaati (pemimpin) pada perkara yang disukai dan dibenci."

### b) Sokongan dan kerjasama

Adalah menjadi tanggungjawab anggota organisasi memberi sokongan dan kerjasama kepada pemimpin. Kerana ini membuktikan mereka telah memainkan peranan penting untuk menegakkan kebenaran dan kebaikan dalam erti kata yang luas iaitu menyempurnakan amanah yang diberikan. Sokongan dan kerjasama itu dapat diamalkan dalam pelbagai bentuk seperti mempertahankan kewibawaannya dengan lisan, tulisan malah kepada pengorbanan harta dan jiwa sekali pun. Segala tindakan dan pengorbanan itu hendaklah timbul daripada rasa tanggungjawab terhadap pemimpin yang telah menunaikan tanggungjawab seperti yang telah diperintahkan untuk mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala dan bukan di atas sifat kepura-puraan.



GAMBAR HIASAN ... Dalam Islam mewujudkan perkhidmatan yang cekap dan adil amat digalakkan.

### c) Teguran dan nasihat

Ini juga adalah menjadi tanggungjawab anggota organisasi menegur dan menasihati pemimpin sekiranya tindakan itu terkeluar dari landasan keislaman. Ianya menjadi kewajipan pula untuk pemimpin mendengar segala teguran itu dengan sikapnya yang terbuka tanpa menyimpan rasa dendam terhadap mana-mana orang bawahannya. Sayidina Abu Bakar sendiri telah menunjukkan contoh yang baik dan ini terungkap dalam ucapannya pada umat Islam pada zaman pemerintahannya. Beliau berkata:-

"Jika sekiranya saya menjalankan tugas dengan baik, maka berilah sokongan pada saya, dan jika sekiranya saya tidak menjalankan tugas dengan baik, maka betulkanlah saya."

Maka jelaslah bahawa pemimpin yang menjalankan tugasnya dengan baik perlu diikuti dan jika sebaliknya haruslah kita tidak melakukannya. Kerana pemimpin yang berakhlak, bertakwa dan terdidik akan dapat melihat peribadinya sendiri atas kemampuan dan kekurangan yang ada padanya.

### Kesimpulan

Kepimpinan adalah proses di mana individu mempengaruhi ahli kumpulan lain bagi mencapai matlamat kumpulan atau matlamat organisasi khususnya dalam PA. Pemimpin pada kebiasaannya menggunakan cara pengaruh yang tidak memaksa dan pada masa yang sama juga pemimpin dipengaruhi oleh pengikut. Bukan semua pengurus berfungsi sebagai pemimpin, dan bukan semua pemimpin pengurus. Oleh yang demikian kita harus berhati-hati dalam menggunakan istilah tersebut.

Walaupun penyelidikan dahulu tidak mencapai kemajuan dalam mengenal pasti sifat pemimpin, penyelidikan yang terbaru mendapati bahawa ada perbezaan di antara pemimpin dan pengikut. Pemimpin didapati tinggi dari segi keinginan untuk pencapaian, lurus dan dipercayai, mempunyai motivasi kepimpinan tinggi, yakin diri dan juga boleh berubah-ubah gaya apabila menghadapi situasi-situasi berlainan.

Penyelidikan dalam kepimpinan juga menunjukkan bahawa kelakuan pemimpin biasanya bertumpu ke arah pengeluaran atau tugas serta bertumpu ke arah pekerja, perhubungan atau

manusia. Ada penyelidik yang percaya bahawa pemimpin tidak boleh menukar gaya kepimpinannya dan ada yang percaya bahawa pemimpin boleh mengubah gaya kepimpinannya mengikut situasi.

Apa yang nyata kepimpinan adalah satu topik yang sangat luas dan tiada satu gaya boleh dikatakan lebih berkesan daripada yang lain. Ini semua bergantung kepada persekitaran di mana sesuatu gaya itu diamalkan. Atau, mungkinkah terdapat situasi di mana adanya faktor-faktor yang mampu menggantikan pemimpin dan membuat kehadiran pemimpin tidak diperlukan.

### Pengurusan dalam Islam

Pada umumnya, pentadbiran dan pengurusan adalah berkaitan dengan pengelolaan dan pengaturan kegiatan manusia menurut sumber-sumber di sekitarnya sebagaimana yang diperuntukkan Allah Subhanahu Wata'ala. Ia berdasarkan kepada nilai-nilai dan perkiraan-perkiraan yang berunsur rabbani dan pelaksanaannya bersifat ibadah.

Dalam Islam, pentadbiran dan pengurusan melibatkan pelaksanaan fungsi-fungsi perancangan, penyusunan, pengarahan, penyelarasan, perhubungan dan pengawasan serta pengawalan dalam menggunakan tenaga manusia dan sumber-sumber bahan melalui satu susunan organisasi dalam PA.

Pentadbiran dan pengurusan melibatkan kedua-dua ciri perancangan dan kepimpinan dalam mempengaruhi dan menggerakkan orang lain menurut strategi tertentu ke arah pencapaian kepada sesuatu matlamat yang diinginkan.

Maka tujuan sistem pentadbiran dan pengurusan Islam ialah untuk mewujudkan perkhidmatan yang cekap dan sempurna, keadilan sosial, jaminan keselamatan, kestabilan serta keamanan dan kemakmuran masyarakat.

### Sumber-sumber Sistem Pentadbiran dan Pengurusan Islam

Sistem pentadbiran Islam berdasarkan kepada sumber-sumber berikut:

1. Al-Qur'an.
2. As-Sunnah.
3. Masyarakat manusia dan peradabannya.
4. Keperluan dalam realiti semasa.

### Etika dalam pengurusan Islam

Etika pengurusan Islam ialah sikap yang menentukan tingkah laku pengurusan mengikut etika yang ditentukan oleh ajaran agama Islam.

### Asas dan Sumber

Etika pengurusan Islam lebih menyeluruh, mempunyai ciri dinamisme dan profesionalisme yang sempurna. Hal ini bertitik tolak daripada kesempurnaan asas dan sumbernya. Asasnya ialah akidah, syariah dan akhlak. Manakala sumbernya pula ialah Al-Qur'an dan As-Sunnah.

Asas dan sumber Al-Qur'an etika pengurusan Islam adalah wahyu daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Fungsi akal sekadar memperkukuhkan wahyu. Wahyu membimbing dan akal memperkukukannya. Hal ini disebabkan kekuasaan akal itu terbatas dalam alam benda, alam nyata dan alam yang dapat diindera oleh pancaindera rasa. Sedangkan hal etika merupakan hal alam ghaib yang digarap sepenuhnya oleh akal. Justeru itu wahyu mesti menjadi asas dan sumber etika. Kegagalan akal terbukti dalam mencari kebenaran etika. Lesbian, homoseksual dan sebagainya di Barat menjadi bukti nyata akal gagal menentukan etika yang sempurna.

Tauhid memainkan peranan dalam pembinaan etika. Rukun Iman secara khusus merupakan akar tunjang yang memperkukuhkan etika pengurusan Islam. Keimanan kepada akhirat misalnya menyedarkan setiap manusia amnya dan yang terlibat dengan pengurusan organisasi khususnya bahawa segala amalannya di dunia tidak kira sama ada perkataan, perbuatan, sikap atau sebagainya semuanya dipertanggungjawabkan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan akan dipersoalkan di akhirat. Dunia merupakan tempat bagi manusia membuat persediaan untuk menuju ke akhirat. Dunia akan binasa dan akhiratlah yang kekal dan abadi. Iman, taqwa dan amal salih merupakan penyelamat dan bekal yang sempurna untuk hidup bahagia di akhirat.

Syariah menentukan etika baik dan jahat. Segala apa yang ditentukan baik dan jahat oleh wahyu tidak pernah bertentangan dengan akal dan fitrah manusia. Hanya nafsu manusia sahaja yang mungkin menolaknya. Hal ini dijelaskan oleh Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah Al-Baqarah ayat 2:2 tafsirnya:

"Kitab Al-Qur'an ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya), ia pula menjadi petunjuk bagi orang yang (hendak) bertakwa."

Segala apa yang dilakukan oleh manusia semuanya dikira sebagai ibadat termasuk ketaatan dan bertanggungjawab kepada Allah Subhanahu Wata'ala, ketua, keluarga, organisasi dan negara. Ini bererti etika pengurusan Islam itu mempunyai kekuatan rohaniyah yang paling kental. Contohnya Islam mewajibkan tolong-menolong dan saling bekerjasama antara umat Islam dalam segala hal. Yang alim mengajar yang kurang alim, yang kuat membantu yang lemah, yang kaya membantu yang miskin dan sebagainya mengikut kadar keupayaan masing-masing. Jika tiada apa yang diberikan sebagai bantuan: berbudi bahasa mulia, simpati, manis muka dan sebagainya sudah dikira ibadat.

### Etika pengurusan Islam secara umum

Etika pengurusan Islam pada umumnya mempunyai kosnya yang tersendiri, tetapi beberapa perkara yang terpenting adalah seperti berikut:

#### Keadilan

Pelaksanaan keadilan di dalam pengurusan dari kaca mata Islam adalah satu kewajipan. Hal ini dijelaskan sejak awal lagi oleh Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah Al-Nahl ayat 16:90, tafsirnya:

"Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat dan melarang melakukan yang keji dan mengkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan ini), supaya kamu mengambil peringatan."

Ciri utama keadilan ialah kekuatan rohani yang memperjuangkan kebaikan. Tujuannya ialah untuk mengawal nafsu dan keinginan serta membimbingnya mematuhi syariah. Keadilan dalam erti kata yang lain berpusat di dalam jiwa. Kekuatan rohani mendorong jasad untuk beribadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan meletakkan sesuatu pada tempatnya mengikut ketentuan syariah.

Maksud keadilan dalam pengurusan menjadi etika utama ialah dalam pemilihan pekerja, pembahagian tanggungjawab dan tugas, dalam cara mengurus pekerja, dalam cara menentukan kadar gaji pekerja dan dalam tingkah laku atau hubungan dengan rakan sejawatan serta pekerja dengan majikannya.

Bersambung

**INI juga adalah menjadi tanggungjawab anggota organisasi menegur dan menasihati pemimpin sekiranya tindakan itu terkeluar dari landasan keislaman. Ianya menjadi kewajipan pula untuk pemimpin mendengar segala teguran itu dengan sikapnya yang terbuka tanpa menyimpan rasa dendam terhadap mana-mana orang bawahannya. Sayidina Abu Bakar sendiri telah menunjukkan contoh yang baik dan ini terungkap dalam ucapannya pada umat Islam pada zaman pemerintahannya.**



# Penemuan dua silinder di BLNG

KUALA BELAIT, Khamis, 25 Oktober. - Dua buah silinder industri (industrial cylinders) yang tidak dikenali telah ditemui semasa pembinaan aktiviti-aktiviti pengorekan yang dijalankan di Gas Cecair Asli Brunei (Brunei Liquefied Natural Gas - BLNG).

Menurut Siaran Akhbar Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, maklumat yang diterima dari OCPD Daerah Belait, Pengiran Haji Mohamad Salleh bin Pengiran Haji Chuchu menyatakan perkhidmatan-perkhidmatan kecemasan telah ditempatkan ke kawasan berkenaan bagi menentukan silinder-silinder tersebut.

Operasi 'B' Bomba dan Penyelamat Daerah Belait diketuai oleh Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang

Lim Hock Guan telah ditempatkan untuk menyediakan bantuan kecemasan bersama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei.

Silinder-silinder tersebut telah diangkut dengan selamat ke kawasan Anduki di mana bahan terkawal itu telah dijalankan menurut yang sepatutnya.

Pihak-pihak yang terlibat dalam operasi itu termasuklah Jabatan Keselamatan BLNG dan kakitangan daripada Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (PPBK) diketuai oleh Pemangku Pengarah, Awang Abd. Walid bin Haji Matassan.

PPBK menasihatkan orang ramai supaya menghubungi Jabatan Bomba dan Penyelamat di talian 995 jika menghadapi insiden seperti itu.

# Kemudahan AS\$40 juta bagi projek metanol

Oleh : Aliddin Haji Moktal  
aliddin.moktal@information.gov.bn

dari segi industri keluaran sampingan dan rangkaian pembekalan yang akan menjana hasil dan peluang pekerjaan bagi negara ini.

Dato Seri Setia berkata demikian pada Majlis Menandatangani Perjanjian Kemudahan Al-Murabahah bernilai AS\$40 juta antara Syarikat PB Petrokimia Sdn. Bhd. dan BIBD yang berlangsung di Hotel Sheraton Utama di sini.

Sementara itu Ketua Pegawai Eksekutif Petroleum BRUNEI, Awang Haji Mohd. Ja'afar bin Haji Bakar pula berkata penglibatan PB Petrokimia dalam projek itu sejajar dengan aspirasinya untuk mempelbagaikan ekonomi minyak dan gas negara ini.

Sebagai rakan kongsi tempatan, jelasnya, Petroleum BRUNEI memainkan peranan utama dalam memastikan projek metanol negara ini dapat dilaksanakan dengan cemerlang.

Beliau menambah, pelaburan pertama syarikat iaitu satu-satunya rakan kongsi tempatan ialah memiliki saham sebanyak 25 peratus dalam projek

metanol negara ini.

Penglibatan BIBD seperti yang disaksikan hari ini, katanya menunjukkan dorongan PB Petrokimia dalam usaha melibatkan perusahaan tempatan dalam memberi sokongan kepada kejayaan usaha sama itu.

Petroleum BRUNEI akan terus mengenal pasti peluang pelaburan baru yang digariskan dalam visi syarikat iaitu membekalkan pertumbuhan bagi generasi masa depan.

Dato Seri Setia pula percaya BIBD boleh menjadi pemangkin utama dalam membantu negara ke arah agenda pembangunan kebangsaan dan BIBD sebagai bank Islam tempatan memiliki kelebihan saingan dalam membantu pelan perniagaan selain menyediakan penyelesaian kewangan.

Penyelesaian kewangan Islam seperti dalam majlis penandatanganan ini akan memastikan penyelesaian situasi menang-menang yang boleh memanfaatkan pemberi pembiayaan dan pengguna pembiayaan, katanya.

Perjanjian pembiayaan kewangan AS\$40 juta yang berasaskan konsep Al-Murabahah ditandatangani oleh Pengerusi PB Petrokimia, Awang Haji Iskandar bin Haji Yahya dan Dato Seri Setia Awang Haji Metussin.

Majlis disaksikan oleh Awang Haji Mohd. Ja'afar dan Timbalan Ketua Divisyen Penasihat Undang-Undang, Dayang Hajah Saadatul Amanda binti Haji Abas selaku wakil Setiausaha Korporat BIBD.

Majlis turut disaksikan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah yang juga Pengerusi BIBD dan Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya yang juga Pengerusi Syarikat Brunei National Petroleum Sdn. Bhd.

Penandatanganan itu adalah bagi membolehkan PB Petrokimia iaitu satu-satunya rakan kongsi tempatan menjalankan pelaburan pertama dalam Projek Metanol Brunei Darussalam.

# Sambutan Hari Perkhidmatan Awam 10 November 2007

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 November.

- Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-14 bertepatan 'Menjulung Kepimpinan Laila Kesejahteraan', mengambil sukut 40 tahun kepimpinan laila bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.

Perkara itu dinyatakan oleh Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Awang Haji Mohammad Taib bin Datu Hulubalang Haji Abdul Wahab selaku Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Sambutan HPA tahun ini semasa sidang media sempena Sambutan HPA berlangsung di bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, di sini.

Beliau berkata tema tersebut mencerminkan

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

bahawa baginda merupakan tampuk kepimpinan negara sementara kerajaan baginda melalui jentera PA berperanan mendukung kepimpinan dan hasrat baginda dalam sama-sama menuju ke arah kesejahteraan rakyat dan penduduk serta kemakmuran negara.

Sejak baginda menaiki takhta, jelasnya, pelbagai usaha penambahbaikan telah diperkenalkan melalui perancangan-perancangan yang disusun oleh agensi-agensi Perkhidmatan Awam (PA) dalam memenuhi ekspektasi rakyat dan penduduk negara ini.

Selain dari itu, jelas beliau lagi, PA merupakan tunggak dan 'agen' kerajaan dalam memastikan pentadbiran negara bergerak dengan maju jaya

setanding negara lain.

"Kewibawaan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia patut diconcotohi oleh seluruh lapisan warga PA dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan," ujarnya.

HPA antara lain diadakan untuk memberikan pengiktirafan atau penghargaan kepada PA mengenai peranan dan tanggungjawabnya ke arah keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan negara dan rakyat, di samping menerapkan dan meningkatkan amalan nilai-nilai budaya kerja cemerlang dalam PA.

Ianya disambut setiap 29 September sejak tahun 1994 mengambil sempena detik bermulanya perlembagaan bertulis negara ini,

bagaimanapun tahun ini sambutan diadakan pada 10 November nanti di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Beberapa aktiviti disusun bagi sambutan kali ke-14 ini antaranya pameran yang memfokuskan tentang "pemberian perkhidmatan yang mesra pelanggan", yang bukan saja disertai oleh kementerian-kementerian kerajaan malah juga dari pihak swasta.

Pameran dibuka bagi kunjungan orang ramai selama tiga hari waktu bekerja bermula 10 hingga 13 November pada waktu bekerja.

Sambutan HPA di peringkat daerah, di samping Anugerah Kaunter Cemerlang PA dan sukan antara kementerian juga akan diadakan.



PEMANGKU Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Awang Haji Mohammad Taib bin Datu Hulubalang Haji Abdul Wahab selaku Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) semasa sidang media sempena Sambutan HPA. Majlis berlangsung di bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. - Foto : Hatral Hazmi Abd. Hamid.

# KUIZ PERKHIDMATAN AWAM KE-10, TAHUN 2007

SEMPENA sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-14 ini, seperti lazimnya, salah satu program tahunan yang akan diadakan adalah Pertandingan Kuiz Hari Perkhidmatan Awam. Tujuan pertandingan Kuiz Hari Perkhidmatan Awam ini diadakan adalah:-

- (a) Menyebarluaskan maklumat kepada pegawai-pegawai kerajaan serta orang ramai mengenai amalan-amalan pengurusan, pentadbiran, perubahan-perubahan dan pembaharuan-pembaharuan yang berlaku di dalam Perkhidmatan Awam (PA) dari semasa ke semasa.
- (b) Meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pegawai-pegawai kerajaan terhadap:-
  - Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Lantikan-Lantikan dan Kenaikan-Kenaikan Pangkat) dan (Kelakuan dan Tatatertib), Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggag 83).
  - Peraturan Kewangan (Financial Regulation).
  - Surat-Surat Keliling BRO, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perbendaharaan dan Kementerian Kewangan.
  - Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam.
  - Pengetahuan Am

(c) Mempertingkatkan lagi hubungan komunikasi serta mengeratkan tali silaturahmi, semangat kerjasama dan 'team-work' di kalangan pegawai-pegawai kerajaan.

Pasukan-pasukan yang mendaftar untuk menyertai pertandingan Kuiz Hari Perkhidmatan Awam Ke-10 bagi tahun 2007 adalah sebanyak 28 pasukan dari jabatan-jabatan kerajaan seperti yang disenaraikan berikut:-

1. Polis Diraja Brunei, Jabatan Perdana Menteri
2. Kementerian Kesihatan
3. Jabatan Audit, Jabatan Perdana Menteri
4. Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan
6. Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri
7. Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
8. Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
9. Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Agama
10. Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri
11. Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Agama

12. Kementerian Kewangan
13. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
14. Kementerian Pendidikan
15. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
16. Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan
17. Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Kementerian Pertahanan
18. Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Kementerian Pertahanan
19. Kementerian Perhubungan
20. Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
21. Biro Mencegah Rasuah
22. Jabatan Pentadbiran, Kementerian Hal Ehwal Agama
23. Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
24. Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
25. Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
26. Jabatan Perhutanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama

Format pertandingan dibahagikan kepada empat peringkat seperti berikut:-

| Bil. | Peringkat                           | Tarikh diadakan               | Tempat          |
|------|-------------------------------------|-------------------------------|-----------------|
| (a)  | Peringkat Saringan (Ujian Bertulis) | 1 November 2007 (Hari Khamis) | Dewan Ujian SPA |
| (b)  | Peringkat Suku Akhir                | 5 Januari 2008 (Hari Sabtu)   | IPA             |
| (c)  | Peringkat Separuh Akhir             | 12 Januari 2008 (Hari Sabtu)  | Dewan Raya RTB  |
| (d)  | Peringkat Akhir                     | 17 Januari 2008 (Hari Khamis) | Dewan Raya RTB  |





# مجلس سمبوتن هاري قرحدمتن عوام نكارا بروني دارالسلام كالي ك - ١٤

**MAJLIS SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
KALI KE - 14**

**Dewan Plenary**

**Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas  
29 Syawal 1428 / 10 November 2007**

**Pameran Perkhidmatan Awam 2007  
Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas  
pada 10,12 dan 13 November 2007**

**pameran dibuka untuk kunjungan orang ramai semasa waktu pejabat  
"MENJULANG KEPIMPINAN LAILA KESEJAHTERAAN"**





AGAMA

# Langkah ke arah pengurusan zakat lebih cekap dan efisien

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 Oktober.- Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) hari ini memulakan langkah ke arah pengurusan zakat yang lebih cekap dan efisien pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Oleh: Abdullah Asgar  
abdullah.asgar@information.gov.bn

Sehubungan itu, Mesyuarat Pengurusan Zakat dipengerusikan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin diadakan hari ini di Dewan Serbaguna Jame' 'Asr

Hassanal Bolkiah, Kampong Kiarong di sini.

Mesyuarat yang antara lain membincangkan cara pengurusan zakat yang lebih cekap dan efisien itu dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan dari kementerian berkenaan, Setiausaha Majlis Ugama

Islam Brunei (MUIB), ketua-ketua pegawai agama daerah dan wakil-wakil amil.

Sesi mesyuarat tertutup tersebut dilihat sebagai langkah yang konkrit dari kementerian berkenaan bagi mengemaskinikan pengurusan zakat sama ada dari segi pengutipan dan pembahagian zakat di masa akan datang.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain mempengerusikan Mesyuarat Pengurusan Zakat. - Foto: Haji Sahrin Haji Asmat.

## Majlis Doa Kesyukuran, Khatam Al-Qur'an

Oleh: Haji Ahmad Haji Salim  
ahmad.salim@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Oktober. - Kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, pasukan-pasukan beruniform dan pihak swasta serta mukim dan kampung di negara ini tidak melepaskan peluang untuk memanjatkan kesyukuran ke hadirat Allah Subhanahu Wa'atala, sempena 40 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta, yang jatuh di bulan Ramadan.

Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) telah mengadakan majlis berkenaan yang berlangsung di Surau PDB di sini. Antara atur cara majlis ialah membaca Surah Yaa Siin dan juga doa selamat yang dibacakan oleh Imam Pengiran Haji Ludin bin Pengiran Haji Matahir.

Antara yang hadir di majlis itu Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Yang Dimulikan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin.

Sementara Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) juga mengadakan Majlis Doa Kesyukuran Sempena 40 Tahun Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta dan juga Majlis Khatam Al-Qur'an setelah menamatkan bacaan 30 juz Al-Qur'an sepanjang bulan Ramadan pada 10 Oktober dan berlangsung di Masjid Universiti Brunei Darussalam di Rimba di sini.

Timbalan Menteri Pendidikan yang juga selaku Rektor UNISSA, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman hadir di majlis tersebut.

Majlis bertemakan bagi Mengukuhkan Keimanan Ukhuwah, dan bertujuan bagi memeriahkan lagi ketibaan bulan suci Ramadan Al-Mubarak serta menyambut pengembalian pelajar pertama UNISSA yang mengambil bahagian dalam pembacaan Al-Qur'an dengan menamatkan 30 juz Al-Qur'an.

Di samping itu juga untuk menggalakkan amalan kebajikan sepanjang bulan puasa dan bersatu serta mengukuhkan ukhuwah di dalam UNISSA.

Manakala pada 9 Oktober lalu, Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga mengadakan Majlis Khatam Al-Qur'an yang merupakan aktiviti keagamaan tahunan sempena bulan Ramadan yang berlangsung di Surau Jabatan Penjara di Jerudong.

Hadir dalam majlis itu ialah Pengarah Penjara, Dato Paduka Awang Haji Ahmad bin Haji Dullah.

Majlis diselenggarakan dengan Dikir Asrakal dan juga bacaan tahlil serta doa arwah yang diketuai oleh Awang Haji Ismail bin BPKDP Haji Abdul Hamid.

Pengarah Penjara di majlis itu menyampaikan sumbangan derma dan hamper kepada lapan orang anak yatim Jabatan Penjara dan juga menerima sumbangan derma ialah Warden Penjara, Dayang Badariah binti Haji Durman, Dayang Zarinah dan Dayang Hajah Aisah binti Haji Idris yang mana suami mereka telah kembali ke rahmatullah.

Majlis pada hari itu diselenggarakan dengan bersungkaik dan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Guru Agama Jabatan Penjara, Awang Haji Mahmud bin Haji Adam.

# Pertandingan Kebersihan Masjid

Oleh: Norlia Md. Zain

TUTONG, Rabu, 24 Oktober.- Sembilan buah masjid dan sebuah surau menerima hadiah Pertandingan Kebersihan Masjid dan Pertandingan Pengurusan Perpustakaan Masjid Seluruh Negara Bagi Tahun 2007 pada Majlis Penyampaian Hadiah di Masjid Kampong Penanjong.

Menteri Hal Ehwal Ugama Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain, hadir selaku tetamu kehormat majlis itu.

Majlis dimulakan dengan bacaan Al-Qur'an secara murattal oleh Imam Masjid Hassan Bolkiah, Awang Sahibul Omar bin Haji Yusof.

Ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Kahar bin Haji Hussin selaku Pengerusi Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Kebersihan Masjid dan Pertandingan Pengurusan Perpustakaan Masjid Bagi Tahun 2007 yang antara lain menerangkan bahawa fokus pertandingan kebersihan

masjid adalah kebersihan tandas.

Acara kemuncak majlis ialah Pemakluman keputusan Pertandingan Kebersihan Masjid disampaikan oleh Pengerusi Hakim, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri diikuti dengan pemakluman keputusan Pertandingan Pengurusan Perpustakaan Masjid Seluruh Negara oleh Pengerusi Hakim, Awang Abdul Hazimin Putra bin Haji Abdul Hamid.

Bagi Kategori 'A' pemenang bagi Daerah Tutong Zon I jatuh kepada Masjid Kampong Penapar, manakala Zon II dimenangi oleh masjid Kampong Lamunin.

Juga dalam kategori yang sama, Masjid Pekan Seria memenangi bagi Daerah Belait, sementara bagi Daerah Temburong disandang oleh Masjid Kampong Belais.

Bagi Kategori 'B', Masjid Mohammad Bolkiah memenangi Masjid Utama, Masjid Kampong Pintu Malim memenangi

Kategori Masjid Mukim, Masjid Kampong Beribi memenangi Kategori Masjid Kampung, manakala Surau Kampong Mulaut memenangi bagi Kategori Surau dan Balai Ibadat.

Sementara itu Pertandingan Pengurusan dan Pengimarahkan Masjid bagi Kategori 'A', dijuarai oleh Masjid Kampong Pelambayan Daerah Brunei dan Muara (DBM), sementara Masjid Kampong Sinaut, Daerah Tutong menjuarai Kategori 'B'.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Raub dan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Bacaan Dikir Asrakal secara beramai-ramai menyerikan lagi majlis

berkenaan.

Taklimat mengenai tambahan bangunan Masjid Kampong Penanjong disampaikan oleh Pegawai Jabatan Kerja Raya Kementerian Pembangunan, Awang Haji Rudi bin Haji Abdul Rahim.

Tetamu kehormat juga dibawa melawat tambahan bangunan masjid tersebut sebaik sahaja selesai majlis.

Menurut kenyataan akhbar Jabatan Hal Ehwal Masjid, Pertandingan Pengurusan dan Pengimarahkan Perpustakaan Masjid dijalankan setiap dua tahun sekali dalam usaha merealisasikan wawasan Jabatan Hal Ehwal Masjid 'Ke Arah Pencapaian Fungsi Perpustakaan Masjid Sebagai Pusat Ilmu'.

Pertandingan tersebut dibahagikan kepada dua kategori iaitu Kategori 'A' bagi masjid yang mempunyai bangunan atau bilik perpustakaan khas dan Kategori 'B' bagi masjid, surau dan balai ibadat yang hanya mempunyai sudut bacaan.

Diharapkan dapat me-

ingkatkan mutu perkhidmatan perpustakaan di masjid-masjid seluruh negara dengan tujuan mengiktiraf kecemerlangan pegawai-pegawai masjid dalam menyediakan dan mempelbagai perkhidmatan perpustakaan di masjid-masjid.

Penghakiman pertandingan adalah berlandaskan kepada prestasi pengurusan dan pengimarahkan perpustakaan dari bulan September 2005 hingga Ogos 2007.

Di samping itu, Pertandingan Kebersihan Tandas atau Bilik Air Masjid-masjid dalam dua kategori dijalankan untuk memupuk kecintaan kepada masjid dengan cara sama-sama bertanggungjawab pada menjaga kesucian dan kebersihan masjid.

Kategori 'A' bagi masjid, surau atau balai ibadat Daerah Tutong, Belait dan Temburong, sementara Kategori 'B' bagi Masjid Utama, Mukim, Kampung, Surau dan Balai Ibadat bagi DBM. Penghakiman bagi memilih pemenang dibuat bermula pada bulan April - Julai 2007.

## Persiapkan diri segi rohani, jasmani

Berita dan Foto: Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

saidah.omaralli@information.gov.bn



BAKAL jemaah haji menghadiri Majlis Penutup Kursus Ibadah Haji di Dewan Bandaran Kuala Belait.

KUALA BELAIT, Jumaat, 26 Oktober. - Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Pengiran Haji Yunus bin Pengiran Haji Mohd. Salleh mengingatkan bakal jemaah haji supaya mempersiapkan diri dari segi rohani dan jasmani sebelum berangkat ke Tanah Suci.

Pemergian ke Tanah Suci katanya untuk menunaikan Rukun Islam kelima dan bekalan utama dibawa hanyalah iman dan takwa. Serahan jiwa raga kepada Allah dan minta pertolongan kepada Allah sesungguhnya Allah sentiasa menolong hamba-Nya sebagaimana hamba-Nya itu meminta tolong kepada-Nya.

Beliau berucap di Majlis Penutup Kursus Ibadah Haji yang diadakan di Dewan Bandaran di sini. Beliau juga mengingatkan bakal jemaah haji agar memperbanyakkan doa sepanjang perjalanan

menuju ke Tanah Suci, lebih-lebih lagi ketika berada di Madinah, Mekah, Arafah, Muzdalifah dan Mina.

Beliau berkata doa yang dipohonkan itu sama ada kepentingan diri sendiri, mahupun untuk ibu bapa, anak-anak, teman sejawat dan rakan serta kaum Muslimin baik yang menyangkut urusan dunia mahupun urusan akhirat di samping mendoakan kemakmuran dan keselamatan negara.

Kira-kira 200 orang bakal jemaah haji di Daerah Belait menghadiri majlis tersebut. Bakal jemaah haji telah mengikuti Kursus Asas Haji selama lapan minggu di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Seria dan Sekolah Ugama Sultan Omar Ali Saifuddin Kuala Belait pada bulan Ogos dan kursus selama tujuh minggu pada bulan Oktober. Bakal jemaah haji negara ini dijangka mula berangkat meninggalkan negara dengan penerbangan pertama pada 25 November ini.



SUKAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan menerima mengadap Menteri Pertahanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean di Istana Darul Afia.

## Bertukar pandangan kegiatan sukan

Oleh : Haji Ahat Haji Ismail

ahat.ismail@information.gov.bn

Foto : Ak. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

JERUDONG, Rabu, 31 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan menerima mengadap Menteri Pertahanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean di Istana Darul Afia.

Tuan Yang Terutama yang juga selaku Presiden

Majlis Olimpik Kebangsaan Republik Singapura berada di negara ini selama tiga hari bagi lawatan rasmi.

Di Majlis Mengadap itu Duli Yang Teramat Mulia dan Tuan Yang Terutama bertukar-tukar pandangan mengenai kegiatan-kegiatan sukan kedua-dua buah negara serta membincangkan perkembangan sukan

serantau dan antarabangsa.

Di samping mengadap ke hadapan majlis DYT, TYT juga sebelum itu mengadakan kunjungan muhibah kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad.

## Brunei juara Golf Amatur Se-Borneo

Oleh : Marzuki Haji Mohd. Serudin

JERUDONG, Selasa, 30 Oktober. - Negara Brunei Darussalam beraksi mantap dalam Kejohanan Golf Amatur Se-Borneo kali pertama menjuarai hampir keseluruhan pertandingan dengan jumlah keputusan keseluruhan 2,026 mata berbanding Sarawak 2,247 mata menobatkan negara ini sebagai pemenang Piala Cabaran Kejuaraan kali ini.

Kejohanan golf selama dua hari ini disertai oleh Negara Brunei Darussalam, selaku tuan rumah Sabah dan Sarawak menampilkan 79 orang pemain dari Brunei 14 dari Sabah dan 26 dari Sarawak.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud, yang turut menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang.

Acara Individual Gross dijuarai oleh Alfred Sim dari Negara Brunei Darussalam dengan 159 mata, tempat kedua Leftenan Kolonel (B) Haji Aziz memungut 162 mata dan tempat ketiga Leftenan Kolonel (B) Haji Ibrahim

mengumpul 164 mata.

Bagi Acara Team Gross, Negara Brunei Darussalam mendapat tempat pertama dan kedua, dijuarai oleh Brunei Team 1 dengan mengutip 492 mata dan Brunei Team 2 di tempat kedua dengan kutipan 503 mata, manakala tempat ketiga dimenangi oleh Team Sarawak 1 memungut 531 mata.

Acara Net Individu pula kesemuanya dimenangi oleh pemain Negara Brunei Darussalam di mana Dato Paduka Haji Malai Ali mengutip 136 mata, tempat

kedua, Haji Sabri Haji Naweh memungut 140 mata dan pemenang ketiga Abang Haji Osman mengumpul 143 mata.

Brunei Team 1 dan 2 juga memenangi acara Team Nett di tempat pertama dan kedua dengan mengutip 440 dan 456 mata, manakala Sarawak 1 di tempat ketiga dengan kutipan 463 mata.

Kejohanan Golf Amatur Se-Borneo kali pertama yang berlangsung di RBA Golf Club pada hari pertama dan berakhir di Royal Brunei Golf and Country Club, Jerudong pada hari keduanya dianjurkan oleh Persatuan Golf Brunei.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad ketika menyampaikan hadiah kepada pemenang. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

## Menjelang Sukan SEA Ke-24 Thailand

### Atlet gigih tingkatkan prestasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 4 Oktober. - Atlet negara yang terpilih terus rancak berusaha keras bagi meningkatkan prestasi untuk menggalas harapan tinggi negara dalam pertemuan Sukan SEA Ke-24 Thailand bermula awal Disember depan.

"Inilah pertama kali saya mendapat peluang mewakili negara dalam kejohanan sukan terbesar di rantau ini. Saya berusaha untuk memberikan saingan bersungguh-sungguh dalam kejohanan ini," jelas atlet olahraga, Mohammad Yazid Yatimi ketika ditemui di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Beliau yang akan menyertai acara lempar cakera dan buang peluru merupakan atlet olahraga tunggal yang terpilih ke Sukan SEA selepas mendapat kelulusan dari jawatankuasa penilai ke sukan berkenaan.

Altet Jabatan Penjara ini pernah mewakili negara dalam Kejohanan Sukan Borneo Sabah dan memperoleh pingat gangsa pada acara buang peluru dan mengalung pingat perak dalam acara lempar cakera ketika mewakili negara pada Kejohanan Arafura di Australia.

"Saingan Sukan SEA memang lebih mencabar malah taraf prestasi semua atlet pada kejohanan itu juga pasti tinggi tetapi semangat yang ada dan kelengkapan sepanjang latihan menjadi pendorong untuk menampilkan saingan kuat," jelasnya bersemangat.

Sementara itu, atlet lawan pedang, Rozanna Md. Roalee pula bertekad untuk mencipta kejutan dengan memberikan saingan yang bersungguh-sungguh pada kejohanan itu nanti.


Beliau mengakui cabar-

an Sukan SEA memang sengit kerana semua atlet telah mempersiapkan diri dari semua aspek terutama mengikuti perlawanan 'memanas badan'.

Beliau yang menjadi atlet lawan pedang perempuan tunggal negara dijangka akan menyertai acara Sabre Perseorangan.

Rozanna pernah mengalung pingat emas dalam Sabre Berpasukan di Sukan SUKMA Negeri Sembilan dan meraih pingat gangsa Sabre Perseorangan di Kejohanan SEAF Manila selepas menghadihkan pingat gangsa dalam acara Foil Perseorangan pada Kejohanan Lawan Pedang Terbuka Malaysia.

"Inilah pertama kali saya diberi peluang menyertai negara dalam kejohanan peringkat serantau dan berharap akan memberikan kejayaan yang terbaik," jelasnya.



MOHAMMAD Yazid Yatimi bertekad beri saingan dalam acara buang peluru dan lempar cakera.



Berita dan Foto :  
Samle Haji Jait  
samle.jait@information.gov.bn



ROZANNA Md. Roalee berazam untuk menampilkan perlawanan sengit bagi memburu kejayaan.



# Berangkat sertai Kejohanan Pool Dunia 2007 Filipina

MANILA, Isnin, 5 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, petang ini berangkat ke Kejohanan Pool Dunia 2007 Republik Filipina, di Araneta Coliseum, Quezon City.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia di Araneta Coliseum dijunjung oleh Presiden Kongres Biliard dan Snuker Filipina, Ernesto Fajardo dan Pengerusi Kongres

Biliard dan Snuker Filipina, Yen Makabenta serta pegawai-pegawai kanan kejohanan tersebut.

Berangkat mengiringi DYT dan YTM ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

Di kejohanan ini DYT bersama-sama peserta dari Thomas Engert - Jerman, Imran Majid - England, Roman Hybler - Republik Czech, Lee Chee Man - Hong Kong, Ko Po Cheng - China Taipei, David Alcobarro - Sepanyol dan Louis Condo - Australia diundi bermain dalam Kumpulan 10.

Pada perlawanan pertama, DYT dalam Kumpulan 10 telah bertemu

dengan Thomas Engert dari Jerman.

Sementara itu dalam kumpulan yang sama bagi perlawanan kedua DYT telah bertemu dengan pemain dari Hong Kong, Lee Chen Man.

DYT menyertai kejohanan ini buat kali kedua, yang disertai oleh 128 orang pemain pool terbaik dunia dari 46 buah negara.

Antara 10 pemain terbaik dunia yang menyertai kejohanan berprestij ini ialah Ronnie Alcano - Filipina, Ralf Souquet - Jerman, Wu Chia Ching - China Taipei, Yang Chinsun - China Taipei, Thorsten Hohman - Jerman, Efrén Reyes - Filipina,

Liputan : Abdullah Asgar  
abdullah.asgar@information.gov.bn  
Foto: Masri Osman  
dari Manila, Republik Filipina



Chang Jung-ling - China Taipei, Alex Pagulayan - Filipina, Francisco Bustamante - Filipina dan Thomas Engert - Jerman.

Dua pemain teratas dari setiap kumpulan akan mara ke pusingan seterusnya dan perlawanan akhir dijangka akan berlangsung pada 11 November ini.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ketika memberikan saingan sengit kepada Thomas Engert dari Jerman di Kejohanan Pool Dunia 2007.



Liputan : Norliah Md. Zain  
Foto: Pg. Rafee Pg. DP Haji Metassim

## Pertukaran lawatan kukuhkan kerjasama



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan pada sesi Pertemuan Empat Mata bersama Tuan Yang Terutama Presiden S. R. Nathan.

SINGAPURA, Isnin, 5 November. - Usaha merapat dan mengukuhkan hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura sentiasa dilaksanakan oleh kedua-dua belah pihak melalui pelbagai program kerjasama bagi kepentingan bersama.

Antaranya termasuklah melalui Program Pertukaran Lawatan Negara Brunei Darussalam - Republik Singapura Ke-13 yang berlangsung di Republik Singapura bermula 3 November dan berakhir hari ini.

Sempena berakhirnya lawatan itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berkenan berangkat ke istana bagi menghadiri Perjumpaan Empat Mata secara ber-

asingan bersama TYT Presiden S. R. Nathan, Perdana Menteri, TYT Lee Hsien Loong dan Menteri Kanan, TYT Goh Chok Tong.

Mula-mula Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengadakan perjumpaan bersama Menteri Kanan diikuti Presiden dan seterusnya Perdana Menteri Republik Singapura.

Semasa perjumpaan tersebut DYT membincangkan hubungan dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura serta beberapa isu-isu serantau dan antarabangsa.

Mengakhiri perjumpaan tersebut, Majlis Resepsi telah diadakan di istana yang disempakan oleh TYT Lee Hsien Loong.

Juga hadir di Majlis Resepsi itu ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Ber-

hormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad serta Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdillah.

Republik Singapura diha-diri oleh Menteri Pertahanan, Teo Chee Hean; Menteri Persekitaran dan Sumber Air, Yaacob Ibrahim; Menteri Pendidikan, Tharman Shanmugaratnam dan Menteri Pembangunan Masyarakat, Belia dan Sukan, Vivian Balakrishnan.

Pada Majlis Resepsi tersebut, kedua-dua delegasi berkesempatan berinteraksi dan beramah mesra sambil bertukar-tukar fikiran mengenai isu-isu dua hala.

Di majlis itu Menteri-menteri dan Timbalan Menteri dari Negara Brunei Darussalam diperkenalkan kepada Perdana Menteri, manakala delegasi Republik Singapura juga disambatkan ke hadapan majlis DYT.

Pada sebelah petang, keberangkatan pulang DYT dan YTM dari Lapangan Terbang Antarabangsa Changi disambutkan selamat berangkat oleh Menteri Kanan Negara (Hal Ehwal Luar), Encik Zainul Abidin Rasheed.

Siri lawatan tahunan yang dimulakan dalam tahun 1990 oleh Perdana Menteri Republik Singapura ketika itu TYT Goh Chok Tong bertujuan untuk menggalakkan interaksi antara kedua-dua buah negara dalam suasana tidak rasmi.

Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura menjalinkan hubungan yang sangat rapat dan kerjasama yang sangat erat dalam pelbagai bidang seperti perdagangan, pertahanan, kesihatan, pendidikan dan kewangan.

Antara kerjasama yang paling ketara sekali ialah Perjanjian Kesalingbolehtukaran Matawang kedua-dua buah negara yang telah pun menca-

pai ulang tahun ke-40 pada 27 Jun yang lalu.

Di bidang kewangan, Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura telah pun menandatangani Perjanjian Cukai Berganda pada 19 Ogos 2006 yang bertujuan untuk menggalakkan pengaliran 'cross border' perdagangan, pelaburan dan kepakaran di antara kedua-dua buah negara yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2007.

Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura sentiasa menjalinkan kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang demi kemakmuran kedua-dua buah negara, malah pada tahun ini sahaja sebanyak empat orang menteri dari Republik Singapura berkunjung ke Negara Brunei Darussalam.

Kedua-dua buah negara juga akan bertemu kembali pada hujung bulan ini bagi menghadiri ASEAN Summit yang akan berlangsung di Republik Singapura nanti.

## KOKAMI dihasratkan tingkatkan ekonomi masyarakat

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman  
bakar.rahman@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 Oktober. - Taklimat dan perbincangan mengenai Koperasi Kampung dan Mukim Negara Brunei Darussalam (KOKAMI) Berhad telah diadakan hari ini di Bilik Mesyuarat Dewan Serbaguna Jabatan Bomba dan Penyelamat di sini.

Taklimat tersebut turut di-hadiri oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan; Timbalannya, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani.

Di pertemuan itu Yang Berhormat dan yang lain telah menekankan tentang pentingnya sifat jujur dan amanah

serta kepercayaan yang merupakan antara sifat yang perlu ada dalam mewujudkan apa jua perniagaan untuk menjadikannya ia berjaya.

Jelas Yang Berhormat, dengan wujudnya koperasi tersebut tentunya akan dapat meningkatkan tahap hidup masyarakat, di samping dapat memberi peluang kepada mereka yang kurang berkemampuan untuk turut serta.

Pengiran Haji Salleh bin Pengiran Haji Kamaluddin selaku Pengerusi bersama dalam taklimatnya telah menerangkan tentang mandate dan asas penubuhan koperasi tersebut termasuk visi, matla-

mat dan objektif serta strategi KOKAMI 2010.

Tujuan koperasi ini ditubuhkan ialah untuk memajukan kepentingan sosio-ekonomi ahli-ahlinya menurut prinsip-prinsip koperasi dengan menggalakkan jimat cermat menyimpan wang, menolong diri sendiri, membantu antara satu sama lain, di samping memajukan bidang-bidang industri, sumber asli, perniagaan dan perusahaan.

Dalam pada itu koperasi ini juga dihasratkan untuk memajukan sosioekonomi ahli-ahlinya.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Perdana Menteri, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong pada Perjumpaan Empat Mata.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ketika mengadakan Perjumpaan Empat Mata bersama Menteri Kanan, Tuan Yang Terutama Goh Chok Tong.



منجولع كقيمقين لا يلا كسجهتراءن  
MENJULANG KEPIMPINAN LAILA KESEJAHTERAAN

دتریتکن اوله جیائن فترائن، جیائن فردان منتری دان دجیتق اوله جیائن فرجیتقن کراچان، جیائن فردان منتری، نکارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicitak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.



| TALIAN PENTING |                      |
|----------------|----------------------|
| Ambulans       | Bomba & Penyelamat   |
| 991            | 995                  |
| Polis          | Mencari & Menyelamat |
| 993            | 998                  |



| PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN PENTING           |                              |
|---------------------------------------------|------------------------------|
| Air                                         | Unit Pengurusan Bencana Alam |
| 140                                         |                              |
| Talian Kebajikan                            | 2381874                      |
| 141                                         | 2381313                      |
| Elektrik                                    | 2382143                      |
| 144                                         | 2382027                      |
| Maklumat Penerbangan                        | 2331747                      |
| Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut) | 2332600                      |
| Selesema Burung                             | 8984777                      |
|                                             | 8985777                      |

BILANGAN 45

RABU 7 NOVEMBER 2007 / 1428 رابو 26 شوال

PERCUMA

# PENGIKTIRAFAN KURSUS-KURSUS PENGGAJIAN KELOLAAN KUPUSB



BANGUNAN Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB).

**S**ELARAS dengan hasrat untuk melahirkan sumber tenaga tempatan yang terlatih dalam bidang perguruan agama di negara ini, Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan Negara Brunei Darussalam telah memberi pengiktirafan tujuh jenis kursus pengajian kelolaan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB).

Menurut Dr. Haji Abdullah bin Haji Awang Lampoh, Pegawai Menjalankan Tugas Timbalan Ra'es KUPUSB, Kursus Diploma Perguruan Ugama pengkhususan Usuluddin dan Diploma Perguruan Ugama pengkhususan Syariah adalah diiktiraf sebagai kelayakan profesional yang memenuhi skim perkhidmatan perguruan.

"Dari segi nilai taraf kedua-dua kursus bagi tempoh pengajian selama dua tahun bagi guru-guru agama yang sedang berkhidmat itu adalah sebanding dengan kelulusan Ordinary National Diploma (OND)," ujar beliau dalam Sidang Media pada 30 Oktober lepas yang berlangsung di kolej berkenaan.

Sementara Kursus Diploma Tertinggi Perguruan Ugama pengkhususan Usuluddin dan Diploma Tertinggi Perguruan Ugama pengkhususan Syariah pula diiktiraf sebagai kelayakan profesional yang memenuhi skim perkhidmatan perguruan yang ditawarkan bagi bakal guru-guru agama bagi tempoh pengajian selama tiga tahun adalah sebanding dengan kelulusan Higher National Diploma (HND).

Manakala Kursus Diploma Perguruan Ugama Lulusan Ijazah diiktiraf sebagai kelayakan profesional yang memenuhi skim perkhidmatan perguruan adalah bertaraf Post Graduate Diploma of Education (PGDE), bagi tempoh pengajian selama setahun.

Selain itu Kursus Sarjana Muda Perguruan Ugama pengkhususan Usuluddin dan Sarjana Muda Perguruan Ugama pengkhususan Syariah yang diiktiraf berkecualan profesional yang memenuhi skim perkhidmatan perguruan yang mana kedua-dua kursus tersebut masing-masing berjalan selama empat tahun bagi guru-guru agama praperkhidmatan dan tiga tahun setengah bagi guru-guru agama dalam perkhidmatan.

Timbalan Ra'es seterusnya menjelaskan bahawa setakat ini seramai 172 orang mengikuti kursus-kursus yang telah diberikan pengiktirafan kelolaan KUPUSB itu.

KUPUSB adalah lanjutan daripada Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan (MPUSB) yang ditubuhkan pada 5 Julai 1975.

Sempena sambutan awal tahun baru Hijrah 1428 bersamaan 20 Januari 2007, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menitahkan bahawa MPUSB ditingkatkan tarafnya menjadi sebuah universiti dengan nama KUPUSB.

Baginda menaruh harapan semoga KUPUSB akan menjadi kebanggaan negara, memenuhi keperluan Negara Brunei Darussalam sendiri dan

bersedia membuka pintunya kepada penuntut dari luar. KUPUSB memulakan program pengajian buat pertama kalinya pada awal bulan Ogos 2007.

Usaha berterusan bagi pembinaan umat bernaung beraskan keupayaan sistem pendidikan perguruan dalam menjaga tradisi pengajaran-pembelajaran formal dan non-formal merupakan falsafah KUPUSB.

Ia juga adalah untuk melahirkan pendidik dan pemimpin bertakwa menerusi pepaduan tenaga pendidik yang berwibawa, berakhlak mulia, berbudaya ilmu yang tinggi dan kesediaan masyarakatnya untuk dibimbing bagi mendapat keberkatan, keredaan dan keampunan Allah Subhanahu Wata'ala.

Objektif penubuhan KUPUSB mengadakan program latihan dalam bidang perguruan Islam di peringkat pengajian sijil, diploma, ijazah dan



PEGAWAI Menjalankan Tugas Timbalan Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB), Dr. Haji Abdullah bin Haji Awang Lampoh (gambar kanan), sementara gambar kiri ialah logo KUPUSB.



Oleh :  
**Bolhassan Haji Abu Bakar**  
bolhassan.abubakar@information.gov.bn  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

ijazah lanjutan serta kursus-kursus pementapan dan peningkatan.

Selain itu ia juga untuk melaksanakan kajian dan penyelidikan ilmiah dan menyebarkan hasil pengalaman, penemuan dan penyelidikan dalam bidang pengajaran-pembelajaran menerusi penerbitan.

Di samping untuk menjalin kerjasama dengan institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara berkaitan hal ehwal perguruan, penyelidikan, perkhidmatan dan pengurusan, tenaga akademik dan pelajar.

Visi KUPUSB adalah untuk mencapai kemuliaan akhlak dan kecemerlangan ilmu perguruan agama yang terbilang di alam Melayu bertaraf antarabangsa, sementara misinya adalah untuk memartabatkan pengajian perguruan agama melalui pengintegrasian ilmu, latihan, kajian, perkhidmatan, keterampilan, teknologi dan jati diri berasaskan prinsip-prinsip Islam dan falsafah pendidikan negara.

Matlamat KUPUSB adalah untuk melahirkan sumber tenaga manusia sebagai hamba dan khilafah Allah yang berwibawa dalam pendidikan perguruan Islam, untuk membentuk masyarakat dan bangsa yang berilmu, beramal dan bertakwa menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah bermazhab Syafi'e serta mendukung kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi negara dan konsep negara Melayu Islam Beraja.



**K**ADAR jenayah di Negara Brunei Darussalam menurun sepanjang tahun 2005 berbanding pada tahun 2004. Dalam pada itu, kes-kes jenayah menyaksikan satu perkembangan lain yang sama membimbangkan. Umum yang bosan dengan penjenayah dan bimbang menjadi mangsa mula percaya kegentingan yang berlaku membolehkan mereka menjadi hakim; dalam ayat lain membentuk undang-undang tersendiri.

Mereka menangkap orang yang disyaki melakukan jenayah dan membelasah semahunya sedangkan kesalahan si mati belum dibuktikan di sisi undang-undang.

Umum tidak sedar jenayah tidak dapat ditangani dengan melakukan satu lagi jenayah kerana apa yang sebenarnya berlaku hanya memburukkan keadaan yang sedia buruk.

Bagaimanakah orang ramai mengharap setiap warganegara ini menghormati undang-undang dengan menjauhi jenayah sedangkan mereka sendiri memilih untuk membelakangkan undang-undang?

Penjenayah dan jenayah memang kejam. Ia menjadikan umum bertambah kejam dalam bertindak balas.

Mengikut perangkaan, indeks jenayah sepanjang tahun 2005 telah mencatatkan sebanyak 4,552 kes yang mana jumlah ini menurun sebanyak 5.1 peratus daripada 4,796 kes pada tahun 2004.

Mengikut pecahan, jenayah tangkapan ke atas pesalah, adalah seramai 2,203 orang di mana dalam tahun 2005 seramai 2,203 orang dan 2,798 orang dalam tahun 2004, jumlah tangkapan ini menurun sebanyak 21.3 peratus.

Jenayah terhadap tubuh badan sepanjang tahun 2005 pula sebanyak 608 kes, terhadap harta berjumlah 2,033 kes, lain-lain Kanun Hukuman Jenayah mencatatkan sebanyak 775 dan melanggar akta-akta sebanyak 134 kes yang semuanya mencatatkan jumlah sebanyak 3,650 kes dalam tahun 2005 berbanding dengan 3,558 pada tahun 2004 sebanyak 3,558 kes.

Menurut catatan oleh agensi-agensi lain, kes jenayah berjumlah 1,002 kes sepanjang tahun 2005 dan 1,238 kes pada tahun 2004. Jumlah yang dicatatkan adalah menurun di mana dalam kes jenayah sepanjang tahun 2005 mencatatkan Akta Imigresen sebanyak 271 kes, Akta Penyalahgunaan Dadah 196 kes, Akta Kastam dan Eksais sejumlah 120 kes, Akta Keselamatan Dalam Negeri dicatat 16 kes, Akta Telekom 45 kes, Akta Daging Halal Penggal 183 berjumlah 1 kes dan Akta Agama 34 kes.

Kadar jenayah memperlihatkan yang paling rendah di rantau ini iaitu 635 kes pada tahun 2004 dan 617 pada tahun 2005.

Kes curi barang sasaran, dianggarkan sepanjang tahun 2005 seperti tong gas 84 kes, telefon bimbit 129 kes, kabel sebanyak 32 kes, perahu enjin mencatat 18 kes, basikal 23 kes dan 83 kes bagi besi.

Dalam kes pecah rumah dan curi merupakan kesalahan kedua terbanyak selepas kes curi bagi jenayah terhadap harta benda. Kejadian dalam tempoh tahun 2005 menurun sebanyak 93 kes berbanding 498 kes pada tahun 2004.

Kebanyakan kes pecah rumah dan curi melibatkan beberapa kawasan di Daerah Brunei dan Muara iaitu di Kampong Perpindahan Gadong mencatatkan tujuh (7) kes. Rumah / flat Kampong Beribi juga mencatatkan tujuh (7) kes, di Sekolah Rendah Menengah Awang Semaun sebanyak sembilan (9) kes dan Perpindahan Lambak Kanan sebanyak tujuh (7) kes.

Mengikut perangkaan kejadian pecah rumah dan curi di waktu siang adalah yang paling tinggi dicatatkan di mana sepanjang tahun 2005 sebanyak 303 kes. Kes dilaporkan berbanding dengan waktu malam sebanyak 100 kes dan (2) kes dilaporkan tanpa dinyatakan dalam laporan.

Kes curi kenderaan, kereta jenis Toyota lama didaftarkan pada tahun 80-an merupakan sasaran utama sebanyak 76 buah. Sering berlaku di waktu malam dan tempatnya berlaku di rumah kediaman; di tempat-tempat yang sering terjejas seperti di kawasan letak kereta Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha sebanyak 24 kes, letak kereta Kampong Sungai Tamoi tujuh (7) kes dan letak kereta Bubungan Dua Belas, Jalan Kota Batu mencatatkan empat (4) kes.

Dari segi kes pecah amanah, tipu, wang palsu dan jenayah seksual masing-masing mencatatkan sebanyak 37 kes sepanjang tahun 2005 bagi kes pecah amanah dan enam (6) kes dapat diselesaikan dengan enam tangkapan. Kes tipu pula mencatatkan 305 kes dengan 163 kes dapat diselesaikan dengan 13 orang berjaya ditangkap.

Kes wang palsu dan jenayah seksual, bagi tahun 2005 mencatatkan sebanyak 34 kes dengan tiga (3) kes dapat diselesaikan dan enam (6) orang berjaya ditangkap. Kes seksual (rogol) pula 24 orang mangsa telah dilaporkan berbanding 21 orang pada tahun 2004, dalam kes berkenaan seramai 17 orang lelaki telah pun berjaya ditangkap dan 11 orang adalah mangsa daripada warga asing.

Pertumbuhan ekonomi negara dijangka berkembang pada kadar 2.5 - 3.5 peratus dengan penyediaan 'capital expenditure' pada tahun 2006 / 2007.

Dari segi pengangguran pula, pelaksanaan projek mega, pembangunan Sungai Liang dan Pulau Muara Besar akan berupaya mencatatkan tenaga dan guna tenaga mewujudkan 7,000 peluang pekerjaan baru dan membuka peluang perniagaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (SME) tempatan apabila ia siap kelak.

Peningkatan statistik jenayah dan kaitannya dengan

kemuraman ekonomi adalah faktor stereotaip. Apabila ekonomi kurang rancak, duit menjadi masalah kepada semua orang. Mereka yang ada kerja, hilang pekerjaan sementara orang yang menganggur sukar dapat kerja. Tetapi, tuntutan kewangan perlu dipenuhi seperti biasa.

Jurang perbezaan pendapatan di antara orang berada dan rakyat kebanyakan yang semakin melebar turut tidak membantu keadaan.

Kebanjiran pekerja asing? Dalam tempoh 15 tahun, bilangan pekerja asing di negara ini juga meningkat daripada 24.4 ribu kepada 68.9 ribu iaitu pada kadar pertumbuhan purata 6.9 peratus setahun. Kebanyakan mereka ini (78 peratus bekerja di sektor swasta dalam pelbagai bidang dan industri pekerjaan).

Kebanyakan pekerja asing di negara ini bekerja sebagai pekerja pertanian, perikanan, pengeluaran dan pertukangan (45 peratus), diikuti pekerja pembersih dan buruh (43 peratus) dan juruteknik dan separa mahir (4 peratus) di Negara Brunei Darussalam secara sah.

Tiada perangkaan terbaru dikeluarkan pihak berkuasa untuk menunjukkan pembabitkan warga asing dalam aktiviti jenayah.

Bagaimanapun, masyarakat percaya kebanyakan jenayah didalangi rakyat tempatan berbanding warga asing.

Begitupun, satu perkara yang menarik untuk diamati ialah khidmat pesanan ringkas (SMS) daripada pengirim yang tidak diketahui yang menggunakan talian dari luar negara dan mengatakan awda berjaya memenangi hadiah wang. Kes penipuan yang membabitkan penerima SMS telah mengikut arahan pengirim SMS untuk memasukkan sejumlah wang ke dalam akaun yang disediakan sebelum mendapatkan wang kemenangan.

**KETIKA faktor sebenar atau tunjang kepada peningkatan perangkaan jenayah sukar dipastikan, namun satu perkara yang pasti ialah ianya berpunca dari beberapa sebab dan semuanya menyumbangkan kepada permasalahan yang dihadapi hari ini.**

**Insiden jenayah menyebabkan negara mengalami kerugian yang dianggarkan bernilai berbilion ringgit pada tiap tahun. Dengan peningkatan berterusan pada tahun-tahun selepas dan tahun ini, angka kerugian pastinya terus meningkat.**

Kerajaan melalui Kementerian Kewangan akan bertindak kepada mereka yang menjalankan kegiatan yang tidak berlesen itu. Di bawah perintah sekuriti 2001, jika seseorang didapati sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi B\$1 juta, 10 tahun penjara atau kedua-duanya sekali. Sementara itu di bawah perintah perbankan 2006 pula, denda tidak melebihi B\$10 juta, penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali dan jika kesalahan ini berlarutan boleh dikenakan denda tidak melebihi B\$100 ribu sehari.

Kegiatan penyalahgunaan dadah? Pihak polis kerap menjalankan operasi dan pemantauan selama dua minggu di kawasan Kampong Ayer namun masih terdapat kegiatan penyalahgunaan dadah berlaku di kawasan terbabit.

Biro Kawalan Narkotik (BKN) telah menumpukan serbuan di kawasan yang dikenal pasti sebagai tempat kegiatan penyalahgunaan yang menjurus dari penguna, penjual hingga ke pengedar. Pegawai BKN telah menangkap seramai 10 orang disyaki terlibat dengan pelbagai kesalahan di bawah seksyen Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27.

Penangkapan 10 orang, iaitu lima lelaki dan perempuan berusia antara 16 hingga 44 tahun. Penglibatan tujuh warga tempatan dan tiga warga asing. Kes mereka akan disiasat di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27.

Pasukan Polis Diraja Brunei mendedahkan kes jenayah yang semakin meningkat di kalangan golongan muda terutamanya kes yang sebahagian besarnya membabitkan pelajar sekolah.

Terdapat juga kes seorang pelajar berusia 15 tahun yang didapati mencabuli kehormatan seorang perempuan. Pada bulan April hingga Mei 2007, sebanyak 10 warga tempatan yang terlibat dalam kes

**MENGIKUT pecahan, jenayah tangkapan ke atas pesalah, adalah seramai 2,203 orang di mana dalam tahun 2005 seramai 2,203 orang dan 2,798 orang dalam tahun 2004, jumlah tangkapan ini menurun sebanyak 21.3 peratus.**

# MENANGANI PUNCA JENAYAH

*CERMIN KEHIDUPAN*

Oleh : Tarif Haji Abd. Hamid

mencuri ditahan dan 4 dari 10 orang itu adalah pelajar sekolah berusia 13 tahun hingga 17 tahun.

Lima warga tempatan ditahan kerana terlibat dalam lima kes memugut harta benda. Dua daripada mereka adalah pelajar sekolah berusia lingkungan 17 tahun, manakala tiga lagi tidak bersekolah.

Tiga lagi warga tempatan ditahan kerana menghidu gam dan salah seorang pelajar berusia 21 tahun.

Seorang wanita berusia 18 tahun ditahan polis kerana disyaki melakukan jenayah mencuri barangan keperluan seharian termasuk kad prabayar bernilai \$100.00, \$40.00, \$20.00, \$10.00, kad 'zippi' serta wang tunai di 10 kedai di kawasan Mulaut, Berakas dan Jerudong. Wanita itu juga pernah ditahan kerana melakukan kesalahan yang sama. Kes mencuri berkenaan turut membabitkan dua adik-beradik untuk melalaikan penjaga kedai.

Seorang pakar pengkaji jenayah menyatakan keyakinan, 40 hingga 50 peratus kes jenayah terutama ragut dilakukan oleh golongan penagih.

Kejadian penagih membunuh ibu atau isteri kerana tidak diberikan wang untuk membeli dadah bukan lagi sesuatu yang mengejutkan.

Dalam perkembangan lain yang meresahkan ialah pertumbuhan penggunaan dadah jenis sintetik atau 'Amphetamine Type Stimulant' (ATS) seperti syabu yang menyebabkan pengambilnya kebal kepada perasaan takut sehingga terdorong melakukan jenayah.

Soal siasat yang dilakukan pihak berkuasa ke atas mereka yang ditahan berhubung kes ragut, samun, rogol dan bunuh sejak kebelakangan ini kebanyakannya menjurus kepada penggunaan ATS.

Ketika faktor sebenar atau tunjang kepada peningkatan perangkaan jenayah sukar dipastikan, namun satu perkara yang pasti ialah ianya berpunca dari beberapa sebab dan semuanya menyumbangkan kepada permasalahan yang dihadapi hari ini.

Insiden jenayah menyebabkan negara mengalami kerugian yang dianggarkan bernilai berbilion ringgit pada tiap tahun. Dengan peningkatan berterusan pada tahun-tahun selepas dan tahun ini, angka kerugian pastinya terus meningkat.

Kita masih mengharap pihak berkuasa lebih serius dalam menangani kes jenayah yang dikatakan terus meningkat atau menurun setiap hari.

Moga-moga kadar jenayah yang dikatakan serius akan dapat dibendung dan dikurangkan angkanya sesuai dengan gagasan perkhidmatan pasukan keselamatan itu sendiri.

Gandingan tenaga seluruh rakyat pula amat diperlukan kerana seorang warganegara yang terpuji sentiasa memikirkan cara dan kaedah terbaik untuk menyumbang jasa kepada keharmonian tanah airnya.





**KOPERASI KAMPUNG DAN MUKIM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(KOKAMI) BERHAD**

**"MILIK KITANI BERSAMA"**

**Bagi keterangan lanjut hubungi:-**

Pg Haji Mohd Salleh Bin Pg Haji Kamaluddin  
Tel no : 8989393  
Email : pghjkamaluddin@bruneikokami.com

Awg Jaffary Bin Haji Abdul Timbul  
Tel no : 8939153  
Email : jaffary\_hat@bruneikokami.com

Pg Hj Mohd Isma Hisham Bin Pg Hj Othman  
Tel no : 8914050  
Email : ayyadnet@bruneikokami.com

Hj Suhaini Bin Hj Md Hassan  
Tel no : 8766469 / 2330783  
Email : suhaini\_hassan@bruneikokami.com

Website: www.bruneikokami.blogspot.com

Sila kembalikan borang ini di alamat berikut:  
K-MART, KOKAMI Lambak,  
B1 & B2, Blok B, Kompleks Pengiran Hj Damit, Simpang 209,  
Berakas Link Road, Lambak Kanan,  
Negara Brunei Darussalam.

**TUJUAN DAN KEGIATAN :**

(1) Tujuan koperasi ini ditubuhkan ialah untuk memajukan kepentingan sosio-ekonomi ahli-ahlinya menurut prinsip-prinsip koperasi.

Dengan menggalakkan jimat cermat menyimpan wang, menolong diri sendiri, membantu antara satu sama lain dan memajukan bidang-bidang industri, sumber asli, perniagaan dan perusahaan dan lain lain.

(2) Bagi mencapai tujuan memajukan sosio-ekonomi ahli-ahlinya, koperasi bolehlah, tertakluk kepada peruntukan menjalankan sebarang kegiatan yang berikut:-

**A. RANCANGAN PERLAKSANAAN SERTAMERTA:-**

KOKAMI 1  
Urusniaga Kad-Kad Prepaid (Kad Easi, Kad B-Mobile dll)

KOKAMI 2  
Kompleks Perniagaan Supermarket dan Departmental Store  
• K-MART, KOKAMI Lambak

KOKAMI 3  
Skim Penyimpanan dan Pinjaman Islam (P & P)

KOKAMI 4  
Skim Gajian Islam

**B. RANCANGAN MENUNGGU KEPUTUSAN KERAJAAN:-**

KOKAMI 5 (KOKAMI PFS 1)  
Akuakultur (Kerapu Merah)

KOKAMI 6 (KOKAMI PFS 2)  
Kompleks Perniagaan dan Stesyen Minyak Jangsak

KOKAMI 7 (KOKAMI PFS 3)  
Kompleks Perniagaan dan Stesyen Minyak Daerah Belait

KOKAMI 8 (KOKAMI PFS 4)  
Kompleks Perniagaan dan Stesyen Minyak Daerah Tutong

KOKAMI 9 (KOKAMI PFS 5)  
Kompleks Perniagaan dan Stesyen Minyak Berakas "A"

KOKAMI 10  
Kompleks Perniagaan dan Stesyen Minyak Berakas "B"

**C. RANCANGAN PENEROKAAN:-**

KOKAMI 11  
Urusniaga Perkhidmatan Pengangkutan Minyak dan Gas  
(Brunei Shell)

KOKAMI 12  
Urusniaga Pemajuan Hartanah (Projek-Projek Perumahan Rakyat)

KOKAMI 13  
Koperasi Bank Islam KOKAMI

**PERHATIAN:**

(1) Jika perlu, Borang Permohonan Keahlian KOKAMI, Borang Pengakuan dan Borang Penama ini boleh di gambar (photocopy);

(2) Sebarang bayaran keahlian dan/atau saham kepada pihak yang di beri kuasa SECARA BERTULIS untuk menerimanya hendaklah diminta RESIT RASMI pembayaran tersebut daripada penerima bayaran tersebut (jika tidak diberi);

(3) Menurut Tambahan Peraturan KOKAMI:

**HAK KEWAJIPAN DAN TANGGUNGAN AHLI**

Peraturan 9 (1) Seseorang adalah dianggap mempunyai hak-hak dan tanggungan-tanggungan sebagai ahli apabila ia telah membayar wang pendaftaran keahlian sebanyak \$1.00 serta memiliki sekurang-kurangnya 1 saham pada kadar \$1.00 setiap saham.

**MODAL DAN SAHAM**

Peraturan 13. Permodalan Koperasi ini akan mengeluarkan saham yang terkumpul bagi saham memodali tiap tiap penubuhan aktiviti perniagaan dan perusahaan yang ditubuhkan oleh Koperasi.

Peraturan 13 (1) Mengumpul wang dengan menjual saham kepada ahli-ahlinya pada kadar yang dinyatakan didalam Peraturan 9(1). Tiap-tiap ahli digalakkan membeli sekurang-kurangnya 1 saham setiap bulan tetapi tidak boleh memiliki lebih dari satu perlima (1/5) dari jumlah saham yang telah dibayar kepada koperasi.

**SISTEM INSENTIF (BONUS)**

Bonus, yang ditentukan kadarnya oleh Lembaga, diberi kepada ahli-ahli yang terawal menjadi ahli Koperasi.

Bonus, yang akan ditentukan kadarnya oleh Lembaga, diberi kepada ahli-ahli yang paling banyak membeli saham Koperasi.

**Borang Permohonan Keahlian KOKAMI**



Setiausaha,  
Koperasi Kampung dan Mukim  
Negara Brunei Darussalam (KOKAMI) Berhad

Tuan,  
Saya / anak saya memohon menjadi ahli koperasi ini dan maklumat-maklumat mengenai saya / anak saya adalah seperti berikut:-

Nama Penuh :

Warga Negara :

No Kad Pintar :  Warna :

Tarikh Lahir :  Umur :  Tahun

Tempat Lahir :  Uagama :

Alamat Tetap :   
  
 Poskod :

Pendapatan sebulan :  Gaji sebulan :

Perkerjaan :

Alamat Majikan :   
 Poskod :

Telefon :   
Mobile :   
Rumah :   
Pejabat :   
Email :

Koperasi dan pertubuhan yang di ikuti  
1:   
2:   
3:

Saya memohon untuk memiliki .....unit saham berharga B\$1.00 setiap satu unit saham. Bersama ini saya sertakan sebanyak B\$ ..... iaitu termasuk wang pendaftaran keahlian sebanyak B\$1.00 dan wang pembelian saham sebanyak B\$ ..... Selebihnya iaitu B\$ ..... akan saya bayar secara tunai/ansur setelah saya diterima menjadi ahli koperasi ini.

**Permohonan Bawah 18 tahun**

Saya memohon dan membenarkan anak saya / anak bawah jagaan saya ini untuk memiliki ..... unit saham berharga B\$1.00 setiap satu unit saham. Bersama ini saya sertakan sebanyak B\$ ..... iaitu termasuk wang pendaftaran keahlian sebanyak B\$1.00 dan wang pembelian saham sebanyak B\$ ..... Selebihnya iaitu B\$ ..... akan saya bayar secara tunai/ansur setelah permohonan ini diluluskan oleh koperasi.

**BORANG PENAMA (Tambahan Peraturan 12)**

**KETERANGAN MENGENAI PENAMA**

a) Nama

b) No Kad Pintar

c) Hubungan keluarga

d) Umur :  Tahun Tarikh Lahir

e) Alamat

f) Telefon no : Mobile   
Rumah   
Pejabat   
Email

g) Perkerjaan

**PENGAKUAN (Tambahan Peraturan 7.2)**

Saya mengaku bahawa semua keterangan di atas adalah benar dan sekiranya menjadi ahli, saya akan sentiasa patuh dan terikat kepada tambahan peraturan ini dan sebarang pindaan serta pengubahan-suaiian yang diperbuat kepadanya dari masa kesemasa dan bahawa bukanlah seorang bankrap dan seorang yang disabitkan satu kesalahan jenayah.

Tandatangan pemohon :

Tarikh :

**Saksi 1**

Nama :

No Kad Pintar :

Tandatangan Saksi 1 :

Tarikh :

**Saksi 2**

Nama :

No Kad Pintar :

Tandatangan Saksi 2 :

Tarikh :

**KOPERASI KAMPUNG DAN MUKIM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(KOKAMI) BERHAD**

**Untuk Kegunaan Pentadbiran Sahaja**

Bilangan Ahli K -  -

Diluluskan ☐ Ya ☐ Tidak

Pengerusi Lembaga Pengarah

**PERMOHONAN MENJADI AHLI  
(Tambahan Peraturan 7.1)**

Nama :

Alamat :   
  
 Tarikh :



MARILAH kita sama-sama meningkatkan ketakwaannya kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dalam melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana telah melimpahkan nikmat yang tidak terduga banyaknya kepada kita. Di antara nikmat yang utama yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-Nya ialah lidah. Lidah mempunyai kebaikan dan manfaat yang amat banyak, bagi mereka yang menjaga dan menggunakannya ke arah tujuan yang sebenar seperti berzikir kepada Allah Subhanahu Wata'ala, membaca Al-Qur'an, berdakwah menyeru manusia ke arah mentaati perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya dan memberi nasihat serta teguran yang berguna kepada sesama manusia. Sesungguhnya lidah itu merupakan nikmat yang amat berharga kerana itu kita hendaklah menjaga dengan sebaik-baiknya, jangan sampai disalahgunakan seperti membuat fitnah.

Namun dalam era kemajuan sains dan teknologi ini, manusia bukan sahaja menyebarkan fitnah menggunakan lisan, tetapi juga melalui kecanggihan teknologi maklumat, sama ada melalui media cetak mahupun media elektronik. Tujuan kemudahan itu dicipta untuk memudahkan kita melihat, mendengar dan menyebarkan apa jua berita dan maklumat tentang keadaan yang berlaku di sekeliling kita, sama ada apa yang berlaku di dalam negeri mahupun di luar negeri. Oleh itu kita hendaklah menggunakan kemudahan-kemudahan tersebut dengan baik dan bijaksana. Namun apa yang membimbangkan pada masa ini terdapat segelintir masyarakat yang tidak bertanggungjawab dan menyalahgunakannya untuk menyebarkan berita-berita yang tidak benar, khabar-khabar angin apatah lagi yang mengandungi unsur-unsur fitnah.

Kita perlu mengetahui bahawa fitnah itu adalah satu perkara yang buruk dan boleh menjejaskan maruah seseorang. Fitnah ialah tuduhan, khabar, kisah dan lain-lain yang diadakan atau dibuat-buat untuk memburukkan atau membencakan seseorang dan memfitnah pula ialah membuat fitnah dan mengada-adakan sesuatu untuk memburuk-burukkan atau membencakan sesuatu pihak yang dilakukan sama ada dengan perkataan atau tulisan atau isyarat dan gerak-geri dan sebagainya, sama ada perkara itu sememangnya suatu keaiban atau kekurangan mahupun bukan. Orang yang membuat fitnah itu dikatakan juga sebagai orang yang membawa mulut atau mengadu domba.

Adapun perbuatan fitnah itu hukumnya adalah haram dan termasuk dalam perkara dosa-dosa besar. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Qalam ayat 10 - 11 tafsirnya:

"Dan janganlah kamu menurut kemauan orang yang selalu bersumpah, lagi yang hina, yang suka mencaci, lagi yang suka menyebarkan fitnah hasutan."

Diriwayatkan daripada Khuzafah Radiallahuanhu, beliau mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

"Tidak masuk syurga orang yang suka memfitnah (mengadu domba)." (Hadis riwayat Imam Muslim).


Daripada dalil-dalil tersebut jelas menunjukkan bahawa fitnah itu adalah suatu perkara yang sangat dilarang dan perlu dijaui. Oleh yang demikian, kita hendaklah memelihara diri dan keluarga kita dari perbuatan menabur fitnah. Maka apabila disampaikan kepada kita suatu berita yang memburuk-burukkan orang lain, maka kita hendaklah memelihara diri kita daripada mendengarnya dan menghebah-hebahkannya kepada orang lain.

Memang tidak dapat dinafikan dalam kehidupan kita berkeluarga, berjiran dan bermasyarakat, sememangnya kita tidak dapat mengelakkan diri dari mendengar berita-berita atau cerita-cerita yang diperbualkan ketika bertemu, sama ada ketika berada di majlis-majlis keramaian seperti majlis perkahwinan, majlis kenduri atau di kedai-kedai kopi dan sebagainya. Dalam hal sedemikian, jika kita mendengar perbualan yang boleh mendatangkan dosa seperti cerita yang direka-reka, memburuk-burukkan orang lain, memfitnah dan sebagainya, maka kita hendaklah berusaha mengelakkan diri daripadanya, seperti tidak membenarkan atau mempercayai apa yang disampaikan itu, kerana orang yang membawa fitnah itu adalah termasuk dalam golongan orang-orang yang fasiq dan berita yang dibawa oleh mereka itu tidak boleh dipercayai.

Selain itu, kita sepatutnya melarang orang yang membawa fitnah itu daripada meneruskan perbuatannya dan menasihatinya serta menerangkan kepadanya bahawa perbuatannya itu adalah salah di sisi agama. Janganlah pula cerita yang disampaikan oleh orang yang memfitnah itu membuatkan kita terdorong untuk menyelidiki dan mencari-cari sama ada ianya benar atau sebaliknya. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Hujurat, ayat 12 tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa. Dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang. Dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain."

# FITNAH ADALAH HARAM DAN TERMASUK DALAM DOSA BESAR



buatan mereka-reka dan menyebarkan khabar angin, baik dilakukan secara individu atau kumpulan yang bertujuan untuk memfitnah atau mengaibkan maruah atau martabat mana-mana pihak. Maka dalam hal ini, perbuatan tersebut akan diambil tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan sebagai langkah dalam memastikan keharmonian dan ketenteraman awam.

Sebagai bahan renungan, pernah berlaku suatu peristiwa di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, yang lebih dikenal dalam kitab-kitab Sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai hadisul ifki bilamana terjadinya fitnah ke atas isteri Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu Sayidatina 'Aisyah Radiallahuanha.

Dalam peristiwa tersebut, Sayidatina 'Aisyah Radiallahuanha telah difitnah oleh orang-orang munafik yang diketuai oleh Abdullah bin Ubai bin Salul dan beberapa orang di kalangan Muslimin telah terpengaruh dengan cerita fitnah yang disebarkan itu. Mereka menabur fitnah mengatakan bahawa Sayidatina 'Aisyah Radiallahuanha telah berlaku curang atau membuat hubungan sulit dengan seorang sahabat yang terkenal jujur dan amanah iaitu Safwan bin Muaatal. Akhirnya Allah Subhanahu Wata'ala menurunkan ayat 11 - 20, Surah An Nuur sebagai penjelasan bersihnya Sayidatina 'Aisyah Radiallahuanha di atas fitnah yang dilemparkan ke atasnya.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam ayat 19, Surah An Nuur tafsirnya:

"Sesungguhnya orang-orang yang suka terhebahnya tuduhan-tuduhan yang buruk dalam kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya di dunia dan di akhirat dan ingatlah Allah mengetahui segala perkara sedang kamu tidak mengetahui yang demikian."

Membuat fitnah itu dipandang berat dan dilarang oleh agama Islam, sebab ia boleh menimbulkan permusuhan dan permusuhan pula boleh menimbulkan kepada perpecahan dan huru-hara. Fitnah adalah tuduhan yang tidak benar dan tidak berasas dan perbuatan itu mendatangkan azab di akhirat kelak. Ingatlah! Bahawa semua anggota tubuh badan termasuk lidah akan menjadi saksi di depan penghakiman Allah Subhanahu Wata'ala pada Hari Kiamat.

Akhirnya peliharalah diri kita dari perbuatan fitnah dan menaburnya. Didiklah diri kita, keluarga kita dan masyarakat dengan saling menasihati dan tegur-menegur terhadap perbuatan yang membawa kepada dosa dan maksiat, apatah lagi membawa kepada dosa-dosa besar seperti membuat dan menabur fitnah. Semoga dengan amalan sedemikian, kita dapat menikmati kehidupan yang aman tenteram dan sentiasa mendapat petunjuk, hidayah dan berkat dari Allah Subhanahu Wata'ala jua. Amin Ya Rabbal'alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 191, tafsirnya:

"Dan ingatlah bahawa angkara fitnah itu lebih besar bahayanya daripada pembunuhan."

diperkatakan atau menjadi bahan cerita orang, apatah lagi cerita itu tidak berasas, tidak benar dan hanyalah fitnah semata-mata. Maka jika mendengar sesuatu cerita, berita atau khabar-khabar angin, yang mana cerita, berita atau khabar-khabar angin itu boleh menyebabkan hati orang yang dijadikan bahan cerita itu tidak tenteram, mencemar maruah dirinya dan sebagainya, maka hendaklah orang yang mendengar cerita, berita atau khabar-khabar angin itu tidak menceritakan atau memanjang-manjangkan lagi apa yang telah diceritakan kepadanya. Sebagaimana kita tidak suka diri kita diperkatakan orang, sepatutnya kita tidak juga memperkatakan tentang orang lain.

Jika difikirkan apakah kebaikan yang boleh diperolehi daripada perbuatan-perbuatan sedemikian? Ianya tidak lain hanyalah mengembirakan orang yang berhati busuk. Sedangkan sebenarnya mereka itu telah terpedaya oleh syaitan sehingga pandangan mereka menjadi kabur, lalu merasakan apa yang mereka lakukan seolah-olah tidak salah, tetapi sebenarnya adalah buruk dan berdosa besar. Perkara ini bukan sahaja dilarang oleh agama Islam, bahkan undang-undang dalam bernegara juga menegahnya dan boleh diambil tindakan, lebih-lebih lagi jika fitnah itu boleh menggugat keselamatan dan keharmonian dalam beragama, bermasyarakat dan bernegara. Begitu juga dengan per-

## وقت سمبهيڤ، امساک، شوروق دان ضحی

وقت ۲ سمبهيڤ، امساک، شوروق دان ضحی باڤي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رايو، 26 شوال، 1428 برسامان دغن 7 نويمبر، 2007 هيڤگ كهاري ثلاث، 3 ذوالقعدة، 1428 برسامان دغن 13 نويمبر، 2007 اداله سفرت دباوه اين :-

| هجره     | ظهر   | عصر  | مغرب | عشاء | امساک | صبح  | شوروق | ضحی  | مسيحي  |
|----------|-------|------|------|------|-------|------|-------|------|--------|
| شوال     | 12.05 | 3.26 | 6.02 | 7.14 | 4.37  | 4.47 | 6.06  | 6.30 | نويمبر |
| 26       | 12.06 | 3.26 | 6.02 | 7.14 | 4.37  | 4.47 | 6.06  | 6.30 | 7      |
| 27       | 12.06 | 3.27 | 6.02 | 7.14 | 4.37  | 4.47 | 6.06  | 6.30 | 8      |
| 28       | 12.06 | 3.27 | 6.02 | 7.14 | 4.37  | 4.47 | 6.06  | 6.30 | 9      |
| 29       | 12.06 | 3.27 | 6.02 | 7.14 | 4.37  | 4.47 | 6.06  | 6.30 | 10     |
| ذوالقعدة | 1     | 3.27 | 6.02 | 7.14 | 4.37  | 4.47 | 6.06  | 6.31 | 11     |
| 2        | 12.06 | 3.27 | 6.02 | 7.14 | 4.37  | 4.47 | 6.06  | 6.31 | 12     |
| 3        | 12.06 | 3.27 | 6.02 | 7.14 | 4.37  | 4.47 | 6.07  | 6.31 | 13     |

وقت ۲ سمبهيڤ باڤي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبهيڤ فرض جمعة دسلوروه نكارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوکل 12.45 تغهاري.



# TIDAK MASUK SYURGA MEMUTUSKAN SILATURAHIM

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

**K**ESEMPURNAAN iman seseorang didukung oleh banyak faktor, tidak hanya setakat beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan hari akhirat, bahkan hubungan sesama insan juga menjadi kayu pengukur terhadap kesempurnaan iman seseorang.

Islam amat menuntut umatnya untuk menjaga hubungan silaturahmi sesama manusia, kerana akibat memutuskan silaturahmi itu amat besar risikonya bukan hanya setakat di dunia sahaja bahkan juga di akhirat kelak.

Lazimnya, gejala memutuskan silaturahmi berpunca daripada pertengkaran atau perselisihan yang disebabkan oleh harta benda, harta pusaka, hutang piutang, hasutan, fitnah, sifat sombong dan mementing diri sendiri. Hatta perkelahian antara sesama anak atau jiran tetangga pun juga boleh menyebabkan terputusnya ikatan silaturahmi, di mana kedua-dua pihak saling salah-menyalahkan, didorong lagi jika kedua-duanya tidak mempunyai kesabaran dan sikap terbuka serta mengalah untuk memohon maaf atau saling bermaafan.

Permusuhan dan pergeseran seperti ini boleh berlaku secara berpanjangan jika tidak ada kesedaran dalam diri kedua-dua pihak atau tidak ada orang lain yang mahu meleraikan atau mendamaikan pihak yang bermusuhan ini.

Perlu diingat bahawa tanggungjawab untuk membina semula silaturahmi yang terputus, bukan sahaja terletak kepada dua pihak yang bermusuhan, tetapi sanak saudara atau kawan-kawan yang mengetahui tentang perkara ini juga boleh memainkan peranan yang penting selaku orang tengah dalam mendamaikan dan

menyambung semula silaturahmi yang terputus.

Oleh itu binalah ikatan silaturahmi sesama insan dalam apa jua kesempatan, mungkin dalam suasana Hari Raya, merupakan kesempatan yang baik untuk memulakan hubungan yang baik, tetapi menunggu Hari Raya mungkin mengambil masa yang lama, oleh itu, carilah kebijaksanaan dalam mencari waktu yang sesuai pada bila-bila masa sebagai satu wadah untuk memperkukuhkan lagi tali silaturahmi.

Persoalannya, apakah hukum dan kesan memutuskan silaturahmi ini? Maklumat ini perlu diketahui supaya dapat dilupakan segala punca pertelingkahan demi mencapai keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

## PENGERTIAN SILATURAHIM

Perkataan *shillah* dari segi bahasa bererti gabung atau kumpul dan makna *rahmi* pula ialah kaum kerabat yang dekat.

Dari segi istilah pula silaturahmi ialah berlaku ihsan kepada kaum kerabat sama ada daripada pihak si penghubung dan yang dihubungkan.

Abu Hurairah Radiallahuanhu telah pun meriwayatkan sebuah hadis qudsi, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang maksudnya:

"Sesungguhnya Allah telah menciptakan makhluk sehingga apabila selesai sebahagian mereka, maka tampillah Rahim dan berkata: 'Ini adalah tempat orang yang berlingdung dari terputusnya hubungan kekeluargaan', Allah berfirman: 'Ya, Jadi apakah kamu rela kalau Aku menyambung orang yang menyambung-kannu (mendapat balas kasih daripada Allah) dan memutuskan orang yang memutuskanku (tidak mendapat balas kasih daripada Allah)?' Ia berkata: 'Ya.' Allah berfirman: 'Maka de-

mikianlah untukmu (Allah menyambungkan rahim orang yang menyambungkan rahim dan memutuskan rahim orang yang memutuskan rahim)." (Hadis riwayat Muslim).

Berkata Imam An-Nawawi bahawa menurut ulama hakikat *shillah* itu ialah kemesraan dan belas kasihan. Manakala hubungan silaturahmi Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya ialah dengan melimpahkan kemesraan dan belas kasihan-Nya kepada hamba-Nya dengan ihsan dan nikmat atau dengan melapangkan dada-dada hamba-Nya kerana taat kepada-Nya.

Kaum kerabat yang wajib diertatkan ikatan silaturahmi itu termasuklah kerabat mahram dan yang bukan mahram.


Dalam Kitab Az-Zawajir karangan Ibnu Hajar Al-Haitami Rahimahullahu Ta'ala ada menyebutkan bahawa kaum kerabat itu terbahagi kepada dua iaitu kaum kerabat mahram dan yang bukan mahram:

1. Kaum kerabat mahram ialah saudara yang haram bernikah dengannya seperti bapa, ibu, adik-beradik lelaki dan perempuan dan anak-anak mereka, bapa saudara dan emak saudara sebelah bapa dan emak.
2. Kaum kerabat dari bukan mahram ialah saudara yang halal bernikah dengannya seperti anak bapa saudara dan emak saudara sebelah bapa dan anak-anak mereka, anak bapa dan emak saudara sebelah emak dan anak-anak mereka.

## HIKMAH PENSYARIATAN SILATURAHIM

Hikmah bersilaturahmi ialah dimurahkan rezeki dan dipanjangkan umur sebagaimana disebutkan dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Barangsiapa yang suka dimurahkan rezekinya dan dipanjangkan usianya maka he-



## IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail : mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

## Bilangan 269 Bahagian Pertama

ndaklah dia menyambungkan kekeluargaan (silaturahmi)." (Hadis riwayat Muslim).

Begitu juga bersilaturahmi itu boleh menambatkan kehormatan dan pahala selepas kematiannya kerana orang-orang akan mendoakannya setiap kali disebut kebajikan.

## HUKUM MENERATKAN SILATURAHIM

Tidak ada perselisihan ulama bahawa mengeratkan silaturahmi sesama saudara hukumnya wajib sebagaimana perintah Allah Subhanahu Wata'ala dalam ayat di bawah ini tafsirnya:

"Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut nama-Nya, serta peliharalah hubungan (silaturahmi) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu." (Surah An-Nisaa': Ayat 1).

Kewajipan mengeratkan silaturahmi itu juga disandarkan dengan rasa keimanan kepada Allah sebagaimana disebutkan dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda bersabda yang maksudnya:

"Dan siapa yang beriman dengan Allah dan hari Akhirat maka hendaklah dia mengeratkan kekeluargaan (silaturahmi)." (Hadis riwayat Bukhari).

## BERSAMBUNG

# Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah sebaik-baik pemimpin

## PENDAHULUAN

**R**ASULULLAH Sallallahu Alaihi Wasallam telah dibangkitkan oleh Allah untuk memimpin umat manusia di dunia ini ke jalan yang selamat dan bahagia di dunia dan di akhirat. Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam adalah rahmat dari Allah, yang tidak ternilai harganya kepada alam semesta ini, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala yang tafsirnya: "Dan tidaklah Kami utuskan engkau wahai Muhammad melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam." (Al-Anbiyya': 107).

Sebagai seorang Rasul yang diturunkan, darjat ketinggiannya mengatasi pemimpin-pemimpin yang lain. Baginda bersifat *ma'sum* iaitu terpelihara dari melakukan kesalahan dan kesilapan. Maka kerana itu, arah dan tujuan yang dibawanya untuk seluruh umat manusia ini adalah benar dan terjamin. Baginda memimpin umatnya ke jalan yang direndai oleh Allah Subhanahu Wata'ala iaitu agama Islam. Kini Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam sudah tidak ada lagi di dunia ini, tetapi umatnya tetap dijamin tidak akan sesat selama mana mereka berpegang dengan pusaka tinggalnya iaitu Al-Qur'an dan Al-Sunnah. Melalui dua sumber ini umat Islam sentiasa terpinpin dalam menghadapi kehidupan di dunia yang penuh cabaran ini.

Dalam ruangan 'Menuju Keredaan Allah' kali ini kita akan melihat beberapa pengajaran dan contoh teladan yang ditinggalkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berkenaan kehidupannya untuk kita jadikan panduan serta ikutan dalam mengisi dan mempertingkatkan keimanan kita bagi memperoleh darjat takwa yang diharap-harapkan. Berikut adalah sebahagian dari bimbingan dan teladan yang ditunjukkan oleh Rasulullah.

## RUMAH TANGGA

Keharmonian hidup berumah tangga adalah salah satu faktor utama dalam membina sesebuah masyarakat yang baik dan terhormat. Rumah tangga yang baik dan harmoni ini sukar diperolehi tanpa adanya kerjasama serta saling hormat-menghormati antara suami isteri dan lain-lain anggota keluarga. Suami seharusnya berkelakuan baik dan berakhlak mulia dalam mengendalikan rumah tangganya, di samping itu sentiasa memperlihatkan contoh-contoh yang baik dalam pergaulan supaya ianya mudah diteladani oleh isteri dan anak-anaknya. Di dalam rumah tangga, para suami tidak sewajarnya bertindak

sebagai seorang yang keras dan bengis yang tahu mengarahkan itu dan ini dan mahukan semuanya tersedia untuknya tanpa memikirkan suasana rumah tangga yang memerlukan kasih sayang, kerjasama dan saling bantu-membantu.

Dalam kehidupan berumah tangga, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah memperlihatkan suatu teladan yang baik yang boleh diikuti oleh seseorang suami dalam mengurus rumah tangganya. Sebagai seorang suami, Rasulullah. Amat bertimbang rasa dan bersedia membantu keluarganya. Banyak kerja yang dilakukan dengan tangannya sendiri, seperti menjahit pakaian, memerah susu kambing dan apabila mahu makan Baginda makan apa-apa makanan yang sedia ada saja.

Di samping Rasulullah menunjukkan panduan dan contoh tentang hidup tolong menolong serta perasaan kasih sayang kepada isteri, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga menunjukkan suatu teladan yang baik khususnya kepada mereka yang mempunyai isteri yang lebih dari seorang. Sebagaimana yang diketahui umum bahawa Rasulullah mempunyai beberapa orang isteri yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur. Ada yang masih muda dan cantik dan ada yang sudah berumur. Walau bagaimanapun, Rasulullah tidak sekali-kali bersikap pilih kasih dalam layanan kasih sayang antara mereka. Masa dan giliran mereka dibahagikan dengan adil serta cukup rapi sekalipun dalam masa Baginda sakit. Apabila Rasulullah hendak musafir, Baginda menjalankan undi antara isteri-isterinya itu dan hanya yang terkena undi saja yang berhak bersamanya.

## JIRAN

Agama Islam sangat memandang berat tentang masalah jiran di kalangan masyarakat umat Islam khususnya dan umat manusia umumnya. Islam memberikan perhatian yang sungguh berat ke arah menjalin hubungan yang baik dan harmoni di kalangan masyarakat sesuatu tempat. Dalam hal ini, Rasulullah telah memberi panduan dan ajaran kepada umat Islam supaya mengelakkan diri dari segala sesuatu yang boleh mencetuskan rasa kurang baik sesama jiran sebagaimana yang disebutkan dalam hadis yang telah diriwayatkan dari Abu Hurairah Radiallahuanhu menyatakan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud: "Sesiapa yang beriman dengan Allah

dan hari Akhirat, maka janganlah dia menyakiti jirannya; sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari Akhirat, maka hendaklah dia memuliakan tetamunya; dan sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari Akhirat maka hendaklah dia katakan perkara yang baik atau dia diam." Maksud dan tujuan dari hadis tersebut adalah jelas untuk mengajar umat Islam supaya tidak menjadi manusia yang mementingkan diri sendiri tanpa memperdulikan kebajikan orang lain. Walaupun pengaruh kehidupan zaman moden sekarang, terutama oleh kemajuan sains dan teknologi, menjadikan seseorang merasa dirinya sudah terlepas dari orang lain, namun tanggung jawabnya sebagai seorang individu Muslim tetap kekal dan mesti dilaksanakannya.


Mengikut sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam At-Tabarani bahawa tanggungjawab seseorang terhadap jirannya ada lapan perkara:

- i. Melawatnya apabila dia sakit.
- ii. Mengiringi jenazah apabila dia meninggal dunia.
- iii. Membantunya apabila dia memerlukan bantuan.
- iv. Melindunginya pada masa dia dalam kesusahan, dan kepapaan.
- v. Ucapan tahniah apabila dia memperoleh nikmat.
- vi. Ucapan takziah apabila dia ditimpa kesusahan.
- vii. Jangan meninggikan binaan rumah melebihi bangunan rumahnya sehingga menyekat udara kepadanya.
- viii. Janganlah menyakitinya dengan bau enak masakan kecuali diberikan kepadanya.

## JIMAT CERMAT

Rasulullah adalah seorang yang sangat berhati-hati dan cermat dalam kehidupannya. Dalam perbelanjaan hidupnya, Baginda memperlihatkan bahawa sekalipun Baginda menguasai sebuah kerajaan Islam yang mampu untuknya berada dalam kemewahan, namun yang ternyata Baginda bukanlah orangnya yang mementingkan keduniaan ini. Baginda mengingatkan umatnya supaya sentiasa berjimat cermat khususnya dalam perbelanjaan sehari-hari.

Sumber kekayaan yang dimiliki hendaklah dipergunakan untuk kepentingan bersama membantu



## Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

golongan yang memerlukan, bukannya untuk dihabis dan dibelanjakan begitu saja. Agama Islam menentang tabiat dan perbuatan membazir. Menurut Al-Qur'an, orang-orang yang suka membazir itu adalah saudara syaitan. Oleh hal yang demikian, seseorang Islam hendaklah menggunakan hartanya dengan cara yang sebaik-baiknya, kerana perbelanjaan yang dilakukan pada perkara yang tidak disukai oleh Allah amat besar padahnya di hari akhirat nanti.

Berkecayaan hal ini, Al-Imam At-Tirmidzi telah meriwayatkan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang maksudnya: "Tidak berganjak kedua-dua kaki seseorang dari tempat berdirinya di Mahkamah Tuhan pada Hari Kiamat sehingga dia disoal tentang umurnya pada perkara apakah dia habiskan, tentang ilmunya untuk apakah dia gunakan, tentang harta bendanya dari manakah dia dapati dan ke mana dibelanjakan dan juga tentang tubuh badannya pada perkara apakah dia susutkan kemudian dan kecergaannya."

Contohnya pada kehidupan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri jelas memperlihatkan betapa dirinya tidak dikuasai oleh nafsu dan pengaruh harta benda keduniaan. Baginda memakai pakaian yang seadanya untuk melindungi badan dari bahaya panas dan sejuk, memakan makanan sekadar untuk hidup malah kadang-kadang Baginda tidak makan apa-apa.

## PENUTUP

Semoga dari sedikit pengajaran dan contoh teladan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ini dapat menjadikan kita semakin tunduk dan patuh kepada segala ajaran Allah dan Rasul-Nya. Firman Allah dalam Surah Ali 'Imran ayat 53 yang tafsirnya:

"Wahai Tuhan kami! Kami telah beriman kepada apa yang telah Engkau turunkan, dan kami mengikut Rasul-Mu; oleh itu suratkanlah kami beserta orang-orang yang menjadi saksi (yang mengakui keesaan-Mu dan kebenaran Rasul-Mu)."



# MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

## Tenaga manusia aset penting kejayaan organisasi

"NEGARA Brunei Darussalam ketika ini sedang menjalankan kajian konsultatif untuk menilai semula dan mempertingkatkan dasar dan rancangan-rancangan pembangunan sumber tenaga manusia. Ia mengambil kira kepentingan penilaian pendidikan, akademik, vokasional, teknikal dan rancangan-rancangan yang berhubung kait yang dilaksanakan di negara ini." Pemikiran ini telah disabdakan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan di Perasmian Konvensyen Antarabangsa Pembangunan Sumber Tenaga Manusia di Pusat Persidangan Antarabangsa, Bandar Seri Begawan pada 18 Januari 2005.

Ini menunjukkan betapa pentingnya sumber

tenaga manusia itu demi kemajuan negara kerana sumber tenaga manusia adalah tulang belakang dalam memaju dan mempertingkatkan ekonomi negara.

Definisi organisasi adalah kumpulan dari dua orang atau lebih yang meningkatkan diri dengan suatu tujuan bersama secara sedar serta dengan hubungan kerja yang rasional seperti sekolah, negara dan lain sebagainya. Oleh itu sumber tenaga manusia memang tidak boleh lari dengan organisasi kerana tanpa adanya sumber tenaga manusia perjalanan organisasi akan terhenti. Negara juga telah meneruskan pelaksanaan dengan memberikan latihan dan pembangunan kepada semua sumber tenaga manusia. In terbukti dengan adanya bengkel-bengkel serta jerayawara yang telah diberikan

kepada kakitangan kerajaan hampir di seluruh negara melalui semua jabatan-jabatan kerajaan.

Melalui latihan dan pembangunan yang diadakan, seseorang pekerja akan dapat meningkatkan prestasi dalam pekerjaan dan seterusnya meningkatkan produktiviti organisasi, menikmati ganjaran dalam bentuk kewangan atau kenaikan pangkat, memiliki kelayakan tambahan atau kelulusan akademik yang lebih tinggi, memperbaiki kualiti pekerjaan dengan mengurangkan pembaziran dan kesilapan dan mencapai kepuasan kerja. Manakala faedah kepada pihak organisasi adalah seperti peningkatan dalam prestasi organisasi pengurangan dalam kos melalui pengurangan kesilapan dan pemilihan pekerja terlatih dalam pelbagai bidang.

Peningkatan dan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) pada masa ini menawarkan kakitangan tahap perhubungan yang lebih baik dan lebih fleksibel dalam berkomunikasi dan membuat keputusan yang pantas. Semuanya ini dijangka dapat menggalakkan kerjasama yang lebih baik, akses yang lebih mudah kepada maklumat, perkongsian pengetahuan dan rangkaian di kalangan pihak berkepentingan. Terpulang kepada individu itu sendiri untuk mengambil peluang yang ada dan menjadikannya satu kemudahan bukan satu bebanan.

**Ahmad Lufti bin Saidin,**  
No. 84, Jalan 3, Lot 209E,  
Kampong Perpindahan Rimba, Gadong, BE 3319.  
No. k/p : 01-062583.

## Kikis tabiat budaya kerja yang negatif

PADA hakikatnya sumber manusia merupakan aset terpenting yang menjadi nadi penggerak, pemaju dan pembangun sesebuah organisasi. Setiap pekerja perlu memberikan sumbangan ke arah membangunkan organisasi di mana mereka bekerja dan sentiasa bersedia untuk menghadapi persaingan dan cabaran dalam dunia tanpa sempadan.

Dalam era globalisasi ini, pembangunan sumber manusia memerlukan perubahan dan strategi secara berterusan agar dapat melahirkan generasi yang mampu menghadapi risiko, berkeyakinan dan berupaya mengatasi cabaran-cabaran seperti ketidakseimbangan sosial

dan ekonomi serta fenomena pengangguran yang semakin meningkat.

Untuk itu, sumber manusia perlu dibantu menjadi bangsa yang berpelajaran, rajin, inovatif, peka terhadap perubahan, kreatif dan produktif. Ke arah memajukan sumber manusia yang progresif dan dinamik maka setiap individu perlu menitikberatkan kerjaya yang dijawab itu supaya pekerjaan itu selesa, seronok dan menarik pada mereka.

Peranan majikan amat penting untuk membangunkan sumber manusia dalam organisasi mereka. Para majikan perlu menyediakan peluang-peluang untuk kenaikan pangkat dan gaji, mening-

katkan taraf pembelajaran dan profesional pekerja, menyediakan daya tarikan dan pemberian insentif. Cara ini akan mendorong semangat bekerja dan membina imej serta meningkatkan kualiti kerja.

Di pihak individu atau pekerja bila perlu menanamkan semangat kerja yang tinggi, berkualiti, beretika, berketertarikan, berbudi bahasa, bekerjasama dalam pasukan, menghayati nilai-nilai Islam dan bekerja sebagai suatu ibadah dan ini dapat mengurangkan stres dan pelbagai masalah.

Komitmen semua pekerja sebagai modal insan yang boleh menampilkan tenaga kerja yang profesional, mahir dan ber-

upaya menghasilkan produktiviti yang tinggi tentunya akan dapat membentuk dan memimpin organisasi dengan baik dan inilah rahsia sebenarnya sumber manusia itu dapat merealisasikan kejayaan organisasi dan negara.

Tabiat budaya kerja yang negatif seperti membuang masa, melambatkan kerja, ponteng, tidak cekap, rasuah serta tidak mempunyai wawasan dan misi hanya akan membebaskan dan melemahkan organisasi dan negara. Di samping itu, untuk merealisasikan agar organisasi

itu cemerlang maka kepimpinan dalam organisasi itu mestilah berlandaskan ketelusan dalam mengurus dan mentadbir sumber manusia dan setiap individu pula perlu bersatu, bekerjasama, bertanggungjawab, peka, tidak camah mata serta menyokong kepimpinan dalam organisasi tersebut.

**Dk. Parima binti Pg. Haji Maslon,**  
A1, Wisma Wee  
Apartmen Jalan Berita,  
Kampong Teraja,  
BS8611.  
No. k/p : 00 - 250559.

MINDA Pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Pembangunan Sumber Manusia Penting Dalam Organisasi'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

## Menghormati hak pekerja

'POLEMIC' sumber manusia menjadi agenda utama dalam menguruskan Perkhidmatan Awam mutakhir ini sebagai satu cara untuk meningkatkan prestasi, keupayaan dan produktiviti pekerja. Dalam dunia kontemporari, para majikan atau pemilik syarikat sentiasa berdepan dengan perubahan teknologi terkini yang banyak memberikan tekanan terhadap persekitaran dan budaya kerja individu. Evolusi terhadap pembangunan sumber manusia memerlukan pengurusan sesebuah organisasi atau syarikat meningkatkan kualiti pekerja agar seimbang dengan kuantiti pengeluarannya.

Para pengurus syarikat dan majikan perlu mengenal pasti model yang tepat dan bersesuaian supaya segala kelemahan-kelemahan pekerja dalam organisasi mereka dapat diminimumkan. Ini termasuklah mengenal pasti keperluan rangka kerja, kompetensi pekerja dan sebagainya.

Sukat-sukat yang dibuat melalui penilaian prestasi perlu diberikan perhatian dalam mengukur dan menganalisa tahap 'performance' individu agar ganjaran yang diberikan dapat dimanfaatkan seadilnya semata-mata bertujuan untuk membangunkan sumber manusia yang efisien dan tidak pilih bulu.

Para majikan dalam sesebuah organisasi perlu mewujudkan kerjasama yang harmonis di kalangan pekerja-pekerja dengan pengurusan. Perkara ini dapat mewujudkan silaturahim yang berterusan dan sihat. Malah dengan adanya persefahaman dan kerjasama akan lebih meningkatkan lagi 'intangibles' seperti kepercayaan, etika, disiplin kerja yang tinggi, moral, keadilan resolusi konflik dan sebagainya.

Sikap keterbukaan para majikan adalah mustahak untuk menerima 'feedback' dan pandangan serta mendengar masalah-masalah yang dikemukakan oleh pekerja yang berkaitan dengan organisasi mereka. Para majikan boleh menjadikan pekerja mereka sebagai rakan kongsi untuk memajukan syarikat. Para majikan juga harus mempercayai setiap pekerja serta menghormati hak pekerja mereka.

Sebarang permasalahan yang tercetus dalam organisasi boleh ditangani dengan mengadakan perundingan dalam organisasi. Di samping itu, pekerjaan yang mengamalkan ketelusan atau 'transparency' adalah diutamakan untuk mengelak dari berlakunya ketidakjujuran, pecah amanah, ketidakpuasan, perbuatan rasuah dan sebagainya. Pengurusan dalam organisasi yang mengambil berat akan sumber manusia mereka akan mengurangkan pelbagai kerumitan yang timbul dan sekali gus mampu menghasilkan produktiviti yang sihat sepanjang masa.

**Mohamad bin Salleh,**  
No. 374 Kampong Lambak, Jalan Pasir, Berakas.  
No. k/p : 00-055222.

## Sumbang tenaga manusia tulang belakang majukan ekonomi

PENGURUSAN sumber manusia merupakan salah satu fungsi penting dalam pengurusan sesebuah organisasi. Ini kerana, kejayaan sesebuah organisasi bergantung pada kualiti dan kuantiti tenaga kerja yang secukupnya. Dalam hal ini, pengurusan sumber manusia perlulah dirancang dengan cekap oleh mereka yang bertanggungjawab bagi memastikan sesebuah organisasi itu mempunyai tenaga kerja yang berdaya saing.

Persaingan sumber tenaga manusia dicorakkan melalui beberapa faktor. Persaingan berdasarkan pengetahuan bergantung pada keupayaan menjana dan menggunakan pengetahuan yang telah menyebabkan berlaku perubahan pada teori dan amalan pengurusan. Manakala persaingan berdasarkan kemahiran melibatkan sumber tenaga manusia yang berkemahiran dalam bidang-bidang tertentu. Para penyelidik dan pengamal pengurusan mula mencari pendekatan dan teknik baru yang lebih mampu membantu organisasi menghadapi persaingan dan meningkatkan produktiviti kerja.

Sehubungan dengan itu, pengurusan sumber manusia ialah individu yang bertanggungjawab bagi memastikan sumber manusia dalam sesebuah organisasi itu diuruskan secara efektif dan efisien demi mencapai matlamat organisasi yang ditetapkan. Secara umumnya, pengurusan sumber manusia memainkan tiga peranan utama dalam membantu pengurus operasi berkaitan dengan sumber manusia iaitu sebagai penasihat, memberi perkhidmatan terus kepada pengurus operasi dari segi pengambilan kerja dan juga mengawal polisi sumber manusia.

Sejajar dengan perkembangan skop pengurusan sumber manusia, kepentingan terhadap pengurusan juga se-

makin meluas. Sebelum ini, kepentingannya hanyalah untuk pengambilan pekerjaan dan menguruskan rekod-rekod perkhidmatan mereka tetapi pada masa kini, kepentingan itu semakin ketara berdasarkan permasalahan yang timbul dalam dunia pekerjaan hari ini yang lebih rumit seperti masalah ketidakhadiran pekerja, lantik henti yang tinggi, disiplin yang rendah, kebajikan pekerja dan pertikaian perusahaan memerlukan suatu bentuk pengurusan yang cekap untuk mengendalikannya.

Berdasarkan kepentingannya semakin meningkat sesebuah organisasi perlu mewujudkan objektif khusus yang seiring dengan matlamat organisasi. Antara objektif berkenaan ialah: Pembentukan satu set polisi pengurusan sumber manusia yang jelas supaya dapat meningkatkan penggunaan sumber manusia secara optima, memastikan dan meningkatkan kualiti tenaga kerja melalui latihan-latihan dan pendidikan; mengintegrasikan polisi pengurusan tenaga manusia dengan objektif organisasi supaya seiring dengan matlamat organisasi dan berusaha menarik tenaga kerja yang berdedikasi dan berkebolehan supaya matlamat organisasi dapat dicapai dengan jayanya.

Sebagai kesimpulan, organisasi juga perlu melihat tenaga manusia sebagai aset dan pengurusan sumber ini adalah penting bagi mencapai matlamat organisasi. Proses perancangan dan pembangunan haruslah menekankan suasana perkhidmatan yang komited dengan kehendak dan perspektif pelanggan.

**Mohd. Shahrin bin Haji Metussin,**  
Peti Surat 156, Pejabat Pos PMM, Berakas, BB3577.  
No. k/p : 00-277952.

### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Isu Perubahan Cuaca Tanggungjawab Sejagat'. Tarikh tutup 14 November 2007.
2. 'Biasakan Budaya Kerja Cekap, Amanah dan Inovatif'. Tarikh tutup 21 November 2007.
3. 'Jauhi Daripada Menabur Fitnah'. Tarikh tutup 28 November 2007.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,  
Minda Pembaca,  
Unit Pelita Brunei,  
Jabatan Penerangan,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas,  
Bandar Seri Begawan, BB 3510,  
Negara Brunei Darussalam,  
jaafar.ibrahim @ information.gov.bn.  
e-mel: pelita@brunei.bn



REMAJA

# PENCETUS IDEA BARU

**K**EMAJUAN dan perkembangan masa kini, merupakan cabaran yang tidak akan berkesudahan untuk kita lalui. Pada waktu yang sama kita juga sekarang tanpa disedari terpaksa melaluinya sebagai penyumbang dan bukan setakat sebagai pemerhati. Sumbangan kita penting dan ini akan lebih bermakna lagi kalau digerakkan oleh kalangan ilmuwan negara, generasi muda pelajar yang cemerlang dan belia untuk mencetuskan idea-idea baru untuk merempuh kehidupan yang semakin galak mengacu perubahan. Sememangnya perubahan itu suatu yang amat diperlukan untuk meletakkan keupayaan kita bersama dengan masyarakat dunia lain sebagai enjin penggerak kemajuan yang lebih proaktif dan berdaya saing. Hal ini tidak lagi dapat kita ambil ringan, kerana sememangnya keadaan yang ada sekarang, merupakan era yang amat mencabar bagi semua lapisan peringkat masyarakat. Sama ada kita mahu atau tidak, kita terpaksa menghadapi keadaan ini berbekalkan kekuatan nilai diri yang terasah dengan sifat keyakinan yang mantap.

## PARADIGMA BARU

Kita sekarang perlu mewujudkan satu anjakan masyarakat yang berdaya saing dan mampu berdaya dan menjadi pencetus idea baru ke arah kecemerlangan. Sejauh mana ini akan dilaksanakan hanya akan dapat dipenuhi oleh kalangan mereka yang berani berdepan dengan risiko. Berani untuk gagal, berani untuk berjaya atau berani untuk meraih kecemerlangan, merupakan risiko yang akan sentiasa berlegar di sekeliling mereka yang berada di persada masyarakat. Usaha perlu digembelng bagi mewujudkan golongan generasi pelajar dan ilmuwan yang berdaya saing, sekali gus menjadi pencetus idea baru.

Dalam tulisan kita sebelum ini pun, kita telah menghidangkan untuk jadi bahan pemikiran bagi mewujudkan ilmuwan yang 'versatile' boleh diterima pakai di semua peringkat termasuklah dunia antarabangsa. Berdaya saing dalam keadaan dan kemelut yang ada sekarang ini, merupakan sebahagian dari resipi yang akan memajukan keupayaan diri untuk maju dan memperkembangkan kemahiran. Keperluan untuk berdaya saing dan mencetuskan idea baru mencakupi pelbagai bidang yang boleh mengangkat keupayaan diri seseorang individu.

## ILMU JADI BEKALAN

Dengan berbekalkan ilmu dan pengetahuan sambil diadun dengan pelbagai kemahiran sudah tentu akan dapat meletakkan generasi ilmuwan itu berada pada keadaan yang baik. Dalam erti kata ianya boleh menyumbang serta memberikan khidmatnya kepada yang memerlukan diri mereka untuk berbuat demikian. Sumber manusia yang kini digembelng ke arah kecemerlangan dan kemahiran yang pelbagai ini, adalah merupakan gagasan yang dihasratkan dapat mengangkat keupayaan masyarakat dan negara kita. Ini akan hanya kita peroleh melalui golongan terpelajar, berkemahiran dan mereka mampu

OLEH : H. A. MANAP

memperkembangkan kebolehan diri. Melihat kepada kemajuan dan pencapaian oleh mereka yang melaksanakan dan meningkatkan daya saing, kita terpengkil untuk menggerakkan keupayaan yang kita miliki. Tidak mungkin kita memiliki daya saing yang terhad dengan adanya perkembangan dan kemajuan yang kita miliki. Kita yakin generasi ilmuwan yang dihasilkan oleh institusi pendidikan tinggi, yang menjadi lambang ketinggian ilmu mampu menyertai keupayaan tersebut. Perancangan yang teliti, di samping keupayaan melahirkan generasi yang bermutu tinggi adalah jawapan kepada kemampuan kita untuk berdaya saing. Inilah yang menjadi bekal kita dalam merempuh liku-liku di hadapan kita.

Sekiranya tercapai keupayaan mewujudkan daya saing yang tinggi kita akan melahirkan ilmuwan yang mampu mencetuskan idea baru yang lebih kreatif dan inovatif. Masalah kekurangan pekerjaan pun mungkin akan dapat diatasi walaupun tidak dengan jumlah yang ramai akan tetapi ada ruang untuk bernafas menyambung perkembangan sumber manusia, kerana ada jalan dan cara yang lebih proaktif dapat diwujudkan.

## PENGERAK USAHA

Usaha berterusan akan digembelng tanpa henti, untuk menjadikan setiap generasi muda diasuh dan ditanamkan untuk menjadi golongan yang terpelajar, ilmuwan yang berkemahiran. Perkara ini dilihat untuk dapat dijadikan sebagai 'driving factor' yang akan membawa mereka ke arah mercu kecemerlangan dan kegemilangan bangsa. Keunggulan generasi ilmuwan muda adalah amat sangat diperlukan dalam pembinaan dan pembangunan sesebuah negara. Golongan generasi ilmuwan muda adalah merupakan golongan yang akan menyambung tugas dan peranan

dalam melaksanakan agenda kehidupan bernegara pada masa yang akan datang. Justeru tugas yang amat penting dilaksanakan oleh generasi ini ialah memperuntukkan masa mereka khusus kepada mencari dan menggali ilmu pengetahuan dan membina kecemerlangan diri. Penyediaan kemudahan universiti, institusi pendidikan tinggi, maktab-maktab, sekolah-sekolah Menengah dan institusi vokasional adalah merupakan wadah yang disediakan untuk menghasilkan calak dan produk yang berkualiti tinggi. Masa yang kita lalui sekarang ini jelas adalah merupakan gelombang dan arus yang memerlukan kemahiran daya kecekapan diri yang sangat tinggi. Kepantasan perubahan, pencorakan inovasi yang lebih terhadapan menjelaskan betapa kita perlu mewujudkan keunggulan diri. Kita mahu membuktikan kepada dunia sejagat, bahawa generasi yang ada di negara kita ini adalah generasi yang mampu mencetuskan idea-idea baru dan mendepani sebarang perubahan dan kemajuan yang berlegar dengan penuh keyakinan.

## SUMBER TENAGA MANUSIA

Justeru pembangunan sumber tenaga manusia yang kita ada adalah untuk mewujudkan generasi yang tangkas dan bergerak pantas untuk membina tamadun kehidupan yang lebih dinamik dan progresif. Ini akan dijadikan sebagai mekanisme untuk meneruskan agenda pembangunan dan perubahan sosial yang diperlukan. Kemampuan kita untuk melahirkan generasi yang unggul memang boleh kita capai. Ini lebih banyak bergantung kepada sejauh mana generasi berkenaan mampu pula menyedari akan tanggungjawab dan peranan yang perlu mereka mainkan. Tidak kiralah seluas dan sejauh mana skop yang boleh mereka mainkan, asalkan menjadi penggerak ke arah matlamat kemajuan itu tercapai dengan jayanya. Sebagai negara yang sudah mampu berdaya, kita memang tidak boleh lagi mengharapkan orang lain untuk membina tamadun perubahan yang kita rancang. Peranan dan kesedaran kita adalah merupakan keperluan yang mesti digembelng. Pemikiran kita mestilah terbuka luas dan tidak disempiti oleh kekalutan cara berfikir yang tidak inovatif dan produktif. Kita tidak mahu menjadi anggota masyarakat yang terkongkong daya fikir, daya kreativiti dan tindakan. Biarkanlah orang lain sentiasa menilai kita sebagai sebuah bangsa yang mampu merealisasikan hala tuju. Inilah yang mesti kita bina, barulah kita dapat melahirkan generasi unggul

yang akan bertindak untuk memasyhurkan negara ke arena antarabangsa.

## JANGAN BERPELUK TUBUH

Justeru dalam konteks ini, kalangan generasi ilmuwan kita tidak boleh lagi berpeluk tubuh, kita perlu melangkah terus bersama dengan arus perubahan yang akan sentiasa bergolak di sekeliling kita. Inilah yang akan menjadi punca yang mengangkat kecemerlangan bangsa dan negara. Ilmu itulah nantinya yang akan menemani dan menjadi tiang seri berbangsa dan bernegara.

Ilmu itu juga akan menjadi pelita dan penghuai masalah yang membelit kehidupan kita. Penyelesaian ini juga akan justeru berperanan sebagai pemangkin ke arah kesempurnaan hidup. Usaha berterusan pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, untuk menyediakan pelbagai kemudahan, merupakan peluang yang menawarkan pelantar untuk bergerak dan merancang peranan. Masanya sudah semakin pantas berlalu, jika peluang dan kesempatan yang ada tidak dipergunakan dengan sepenuhnya, tentu ini akan menimbulkan kesan dan natijah yang kurang baik. Peluang yang ada mungkin akan dipergunakan oleh orang lain, kemahiran yang diperlukan mungkin akan diisikan oleh orang lain.

Cubalah kita renungkan kalau orang lain lebih banyak mengisikan ruang yang sepatutnya diisi oleh kita, ke manakah haluan yang akan kita tuju. Kita mesti belajar dari kalangan mereka yang sudah berjaya mencipta kemajuan cemerlang. Kita perlu mengadaptasi mana-mana sektor dan skop yang boleh kita pindah alih kemahiran dan kepandaian. Kita mesti berani mencipta dan mewujudkan sesuatu yang boleh membina kemajuan. Dengannya supaya kita kan dapat terus bergerak tanpa ditonton, tanpa dipandu lantaran kita sudah faham dan tahu hala tuju pembinaan kemajuan yang kita inginkan. Inilah yang menjadi harapan negara, yang pada masa ini banyak ditumpukan untuk membina golongan pencetus idea baru, pelajar dan cendekiawan muda yang berkebolehan dan berkemahiran tinggi. Jalan di hadapan kita masih terbentang jauh, ranjau dan cabaran masih lagi menanti menyambut kita. Cara untuk meredah dan merentangnya mestilah dengan cara kita, dengan berbekalkan kemahiran dan keilmuan yang tinggi, kita tidak akan kecewa melaluinya. Kekuatan dan ketinggian nilai yang akan kita lahirkan adalah keunggulan ilmuwan muda yang akan mengangkat kemasyhuran negara kita Brunei Darussalam, dengan berteraskan iman yang kukuh.

**PELITA BRUNEI** akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

## SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

## HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

## TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

**ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN**

Jawapan soalan Alai Pintar 798 keluaran 24 Oktober 2007, ialah :

Tarian.

# ALAI PINTAR

## BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 800

Nama : .....  
 Umur : .....  
 Alamat : .....  
 Telefon rumah (jika ada) : .....  
 Sekolah : .....  
 Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,  
 Ruangan Alai Pintar, 800,  
 PELITA BRUNEI,  
 Jabatan Penerangan,  
 Jabatan Perdana Menteri,  
 Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,  
 Negara Brunei Darussalam.

## SOALAN ALAI PINTAR 800

1. Apakah nama kuih tempatan ini?

Pemenang bagi Soalan Alai Pintar 798 keluaran 24 Oktober 2007

**Khairun Nadia binti Jamudin,**  
 Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri.  
 Umur : 14 tahun

**Nurazifah binti Haji Abdul Motalip,**  
 Sekolah Menengah Rimba.  
 Umur : 14 tahun



**S**EJAK itu mereka sudah tidak ada hubungan percintaan. Mereka tidak lagi bersenda gurau seperti dahulu lagi. Ketenangan tiada apinya lagi, cuma menunggu kedatangan orang baru di dalam hidup masing-masing. Sudah lama perpisahan itu berlaku dan kadang-kadang membuatkan salah seorang daripada mereka gundah tiada cebisan gurauan yang dapat mengisi kekosongan di waktu mereka hendak memerlukannya.

Jamal sedang asyik menulis puisinya yang bertajuk 'Hati Daun'. Apa yang ingin disampaikan oleh Jamal dalam karyanya khas ditujukan kepada kekasih lamanya yang gemar membaca karya yang dihasilkannya. Betapa sedihnya Jamal sewaktu menulis melalui komputer ribanya yang selalu menjadi pendamping hidupnya sewaktu dia bersendirian.

Bukan mudah Jamal membuat karya-karyanya itu. Sudah dekat lapan tahun dia menghabiskan masanya untuk menulis segala isi benda yang ada pada pemikirannya. Kadang-kadang Jamal menyelitikan hal kehidupannya agar setiap patah perkataan itu dapat di luahkannya di dalam beberapa karyanya supaya dia tidak gundah dengan pelbagai masalah yang dihadapinya.

Malam itu Jamal masih teringatkan kekasih lamanya yang baharu sahaja putus akibat sikap benci orang terhadap hubungan mereka. Cukup perit apabila hubungan yang baik sudah terjalin, tetapi ada orang yang cemburu dengan hubungan cinta mereka yang sudah mekar di hati masing-masing.

"Kenapakah hidupku begini? Rasanya hidup ini tak bererti lagi. Kalaulah berterusan mengenang memori dahulu mungkin tidak ada maknanya langsung. Tolonglah jangan ingatkan segala-galanya aku sudah tiada apa-apa lagi. Lupaklah!" Kata Jamal yang sedang duduk bersendirian di waktu malam di biliknya yang bercahayaan lampu neon kuning membuatkan keadaan biliknya agak gelap sedikit.

Dalam masa yang sama di malam itu, Hana sedang berbaring memandang ke atas siling bilik di rumahnya bersendirian. Dia masih berasa sedih dengan apa yang telah berlaku kepadanya dua minggu lepas bersama Jamal. Sering di ingatannya yang dia ingin bersama dengannya kembali, namun itu semua tidak mungkin terjadi kerana dia tidak ada niat lagi untuk meneruskan percintaannya kali kedua dalam situasi yang agak terbatas. Hana tidak ada pilihan selain menanti dan terus menunggu di hari depan.

Memori lama terus terpacak di minda Hana. Ini membuat dirinya bercelaru dan hampir setiap malam dia tidak ada keinginan untuk makan bersama keluarganya. Keluarga Hana berasa kurang selesa dengan tingkah laku Hana apatah lagi keadaannya yang biasanya banyak bercerita dan gembira bersama-sama keluarga tiba-tiba sahaja berubah dan sering bersendirian di dalam biliknya. Keluarga Hana sebenarnya tidak mengetahui masalah Hana. Sambil berbaring di atas katil, Hana masih teringat kata-kata akhir dari Jamal sewaktu berjumpa di sebuah restoran dekat Kampong Duri Kencana dua minggu lepas.

"Hana, ini adalah kata akhirku. Aku harap kita tidak akan bermusuhan walaupun kita tidak ada lagi hubungan sesama kita. Janganlah pernah anggap aku sebagai kekasihmu dan anggaplah aku kawan karibmu. Aku tidak terdaya lagi mencari selain daripadamu. Dan aku berharap jika kau kembali kepadaku aku menerimamu kembali Hana. Namun itu tidak mungkin Hana kerana kita tidak seiring lagi. Maafkan aku."

Sudah tidak ada gunanya lagi jika Hana teringatkan Jamal sewaktu begini. Mereka terpaksa menjalani hidup masing-masing walaupun di dalam hati masih ada benang yang halus menghubungkan kedua-dua belah hati masing-masing. Sekian lama hidup akhirnya kecundang, di simpang noktah walaupun di dalam perjalanan percintaan mereka tetap ada liku-liku kehidupan yang terpaksa ditepis oleh mereka namun akhirnya tanda noktah sudah tertulis di atas skrip kehidupan mereka.

Jamal yang masih duduk mengetik-ngetik papan kekunci komputer ribanya terus sahaja berwajah serius sambil mengenakan sepasang 'ear-piece' di telinganya untuk mendengar lagu yang berirama sentimental. Dia memang gemar mendengar lagu seperti itu kerana dalam keadaan sebegini dia akan merasa tenang dan fikiran akan terbang melayang hingga menjangkau ke alam fantasi.

"Sudah lama aku menanti kemunculan karyaku di akhbar-akhbar. Dan sekarang sudah sampai masanya aku melihatkan segala karyaku ini sebagai hasil jerih payahku. Aku menginginkan masyarakat mendengar luahan hatiku. Aku sudah kekok dengannya dan sekarang aku ingin berdiri dan berlari mengejar impianku sendirian," Jamal berbisik di dalam hatinya sejeurus dia bertekad untuk menghantar karyanya kepada pihak tertentu.

Jamal gemar menulis dan setiap hasil tulisannya adalah jiwanya. Ini bukan bererti dia angkuh dengan hasil penulisannya, malah dia berniat untuk menyumbangkan

# HATI DAUN

SUDAH tidak ada gunanya lagi jika Hana teringatkan Jamal sewaktu begini. Mereka terpaksa menjalani hidup masing-masing walaupun di dalam hati masih ada benang yang halus menghubungkan kedua-dua belah hati masing-masing. Sekian lama hidup akhirnya kecundang, di simpang noktah walaupun di dalam perjalanan percintaan mereka tetap ada liku-liku kehidupan yang terpaksa ditepis oleh mereka namun akhirnya tanda noktah sudah tertulis di atas skrip kehidupan mereka.

**CERPEN**

Oleh : Ali Termizzi



sesuatu kepada masyarakat agar dapat menilai setiap patah perkataan yang disampaikan olehnya itu. Dia ingin melihat masyarakatnya berilmu dan mengetahui setiap individu-individu di dunia ini yang mempunyai perasaan yang terpendam. Meskipun dia juga adalah salah seorang di dunia ini yang mempunyai perasaan seperti itu. Dia ingin luahkan cebisan kisah hidupnya sebagai ilmu percuma kehidupannya.

Setelah sekian lama menunggu karyanya untuk diterbitkan oleh beberapa buah akhbar dan majalah akhirnya karya Jamal telah termuat di dalam sebuah akhbar

tempatan. Dia merasa gembira walaupun itu cuma permulaan sahaja hasil penulisannya diterbitkan. Sememangnya dia tidak sedar apa yang berlaku pada diri Hana.

Waktu pagi itu Hana baru sahaja keluar dari biliknya setelah penat mengulang kaji pelajarannya. Dia terserempak sebuah akhbar di atas meja tempat duduk ayahnya. Sebaik sahaja menyingkap beberapa lembaran akhbar itu, dia terlihat nama Jamal hasil penulisannya. Dia cukup terkejut dan terus sahaja membawa akhbar itu ke biliknya untuk membaca.

Sebuah hasil karya Jamal adalah puisi di sebelah permukaan akhbar kanan itu. Hana terus sahaja membaca isi kandungan puisi itu.

## Hati Daun

Dua hati saling erat  
menuntun arah yang satu  
gelora kasih tak terperi  
mendakap erat tak terlepas.

Namun dua hati saling berpaling  
mencari nasib yang berbeza  
sungguh berat daun itu ingin jatuh  
ke bumi  
bila menghempap ke tanah tentu  
tak mungkin

walaupun mustahil ia adalah keajaiban  
kerana tali arus angin membawa  
daun itu  
lebih jauh hingga takkan jatuh ke bumi.

Hati itu seperti daun  
menyanyi-nyanyi tak berhenti  
berbisik-bisik meminta sesuatu  
ingin bertaut lama bersama angin  
biar sudah berlalu  
namun angin tetap wujud  
membawanya ke hujung dunia  
menanti satu titik noktah.

Ingatlah  
daun itu tetap terbang  
menari-nari di udara  
mencari-cari sesuatu yang bakal dijumpai ...  
Hasil ciptaan Jamal Rashid.

Seolah-olah hati Hana terusik dan dia terdiam menggambarkan ungkapan puisi pendek Jamal itu. Dia tidak sangka hasil tulisan Jamal akan diterbitkan.

Hana terdiam dan terus sahaja termenung melihat luahan puisi Jamal. Dia tidak dapat menggambarkan bahawa hubungan mereka akan terhenti kerana baginya hubungan mereka berdua tetap ada cuma hasil penulisan Jamal sebagai perantaraan mereka untuk Jamal menyampaikan isi hatinya kepada Hana.

DIA ingin melihat masyarakatnya berilmu dan mengetahui setiap individu-individu di dunia ini yang mempunyai perasaan yang terpendam. Meskipun dia juga adalah salah seorang di dunia ini yang mempunyai perasaan seperti itu. Dia ingin luahkan cebisan kisah hidupnya sebagai ilmu percuma kehidupannya.





Diterbitkan dengan kerjasama  
Dewan Bahasa dan Pustaka

## ISTILAH MATEMATIK SUBBIDANG : ASAS SAINS KOMPUTER

### BAHASA INGGERIS BAHASA MELAYU

|                           |                              |
|---------------------------|------------------------------|
| object code               | kod objek                    |
| object computer           | komputer objek               |
| object oriented language  | bahasa berorientasikan objek |
| off-line                  | luar talian                  |
| off-line operation        | operasi luar talian          |
| off-line storage          | storan luar talian           |
| off-line system           | sistem luar talian           |
| offset                    | ofset                        |
| on-line                   | dalam talian                 |
| on-line searching         | gelintaran dalam talian      |
| on-line storage           | storan dalam talian          |
| on-screen menu            | menu pada skrin              |
| one's complement          | pelengkap satu               |
| opcod                     | opkod                        |
| open system               | interkomunikasi sistem       |
| intercommunication        | terbuka                      |
| operand                   | peoperasi                    |
| operating system          | sistem pengoperasian         |
| operation code            | kod operasi                  |
| optic disk                | cakera optik                 |
| OR gate                   | get ATAU                     |
| output                    | output                       |
| output device             | peranti output               |
| overflow                  | limpah atas                  |
| overlay                   | hamparan                     |
| overwrite                 | tulis ganti                  |
| P-code                    | P-kod                        |
| package program           | atur cara pakej              |
| packed data               | data terpadat                |
| packing density           | ketumpatan padatan           |
| padding                   | pemenuh                      |
| page break                | pemisah halaman              |
| page offset               | ofset halaman                |
| paper-advance mechanism   | mekanisme mara kertas        |
| paper-end detector        | pengesan hujung kertas       |
| parallel computer         | komputer selari              |
| parallel interface        | antara muka selari           |
| parallel processing       | pemprosesan selari           |
| parity bit                | bit pariti                   |
| parity check              | semakan pariti               |
| Pascal                    | Pascal                       |
| password                  | kata laluan                  |
| pattern recognition       | pengesanan pola              |
| peripheral                | periferal                    |
| peripheral device         | peranti periferal            |
| permanent file            | fail kekal                   |
| physical unit             | unit zahir                   |
| picture-processing        | perisian pemprosesan         |
| software                  | gambar                       |
| pipelining                | penaluan paip                |
| pixel                     | piksel                       |
| pixel pattern             | pola piksel                  |
| place marker              | penanda tempat               |
| plotter                   | pemplot                      |
| pop                       | keluarkan                    |
| portable computer         | komputer mudah alih          |
| preventive maintenance    | masa penyenggaraan           |
| time                      | cegahan                      |
| primary storage           | storan primer                |
| prime key                 | kunci perdana                |
| print menu                | menu cetak                   |
| printable character       | aksara boleh cetak           |
| printed circuit           | litar tercetak               |
| printer                   | pencetak                     |
| printout                  | cetakan                      |
| privileged instruction    | arahan istimewa              |
| problem reduction         | pengurangan masalah          |
| processing time           | masa pemprosesan             |
| processor                 | pemproses                    |
| processor status register | daftar status pemproses      |
| program                   | atur cara                    |

Bersambung

# Halaman Puisi... Halaman Puisi...

## KIASAN HIDUP

Kalau memang berjalan pincang  
mengapa tidak memakai tongkat?  
sakit kaki pun tidak  
mengapa berkerusi roda?  
yang sudah ada jangan dipinta  
pintalah yang tidak ada  
memberi dan menerima  
ada tempatnya  
biarlah sempurna sifatnya.

Selama mana kita masih  
merasa bersalah  
membantah kebenaran-Nya bukannya mudah  
jika larangan itu perintah Allah  
mampukah kita mengubah?  
kita adalah hamba-Nya  
tentang hidup  
tentang mati  
adalah urusan-Nya.

Jangan mempertikaikan  
kuasa-Nya  
hentikan bercanda  
walaupun ini cuma kiasan hidup  
sedarlah sebelum pintu taubat ditutup.

## PESAN KU

Kepada adik-adik ku  
si comel bernama Athirah  
si manja bernama Baidah  
jika kamu membuat sesuatu  
biar tentu mulakan dengan Bismillah  
akhiri dengan ucapan Alhamdulillah.

Adik-adik ku  
ingat pesan ku  
berbuat baik itu biar berpada-pada  
terlalu baik ada makna  
jangan terjadi salah sangka.

Ingatlah adik-adik ku  
jahat jangan sekali-kali  
dendam dalam hati hindari  
musuh jangan dicari  
jauhkan diri dari dibenci.

Wahai adik-adik ku  
buat yang terpuji  
ibu bapa hormati  
perintah Allah taati  
sentiasalah mensyukuri  
rahmat Ilahi.

## Hajah Ct. Munawwarah

## DOA

Bertanya hati yang retak  
tusukan jarum dan guntingan  
menyiat daging-daging pejal  
lalu berbisik jiwa  
dalam doa mengharap rahmat  
dari segenap sudut nafas  
dan indera  
gundah yang bukan mudah  
keluh yang bukan keruh  
harap yang bukan perap  
bersatu dalam zikir  
melumpuh seteru.

Z. A. Brunei

## DI KALA HUJAN

Dingin hari  
mata ku terpaku di tepi jendela  
tika ini ku di kamar sepi  
bersama teman seperjuangan  
ku tenung hujan di luar itu  
bagai syahdu menikam kalbu  
hujan yang berderai turun  
berpusu-pusu menyimbah bumi.

kesayuan bersarang di hati  
lenyap seiring dengan hembusan hujan  
naturl ku kagum  
agungnya ciptaan Ilahi  
bekal kehidupan manusia  
menyuburkan bumi menghijau.

Bahagiannya menyaksikan  
pohon yang menghijau  
tanah yang basah  
tasik yang gelora  
cuma ku tak pasti sampai bila ia bertahan.

## PERJUANGAN KU MASIH DI AWANGAN

Allahuakbar ... Allahuakbar  
satu suara merdu menjerna ke telinga  
di situ datangnya suara memukau  
akurlah kaki ini melangkah menuju  
menara suci.

Di sini ku temui kedamaian bukan mimpi  
mimpi yang selama ini membawa aku jauh

dari-Nya  
titis air matak tumpah terkenang  
kejahilan dan kealpaan ku.

Ku pandang nun jauh di sana  
tergambar kejayaan melambai  
perjuangan ku nyata masih di awangan  
terlalu banyak simpang yang perlu ku tempuh  
betapa jauhnya perjalanan hidup ini.

SuRra

## BISMILLAH PEMBUKA BICARA

Bismillahir Rahmanir Rahim  
dengan nama Allah Yang Maha Pemurah  
lagi Maha Penyayang  
kalam-kalam Allah Yang Maha Esa  
tersohor merata dunia Islam yang kekal abadi.

Kalimah suci lagi Maha Agung  
ungkap pembuka bicara segala tindakan  
di bibir manis seorang hamba yang Muslim  
malah bersemadi di hati nurani.

Keutamaan madah-madah  
merentas segalanya  
merahmati dan meredai segala pelakuan  
mendatangi kebajikan seorang hamba Ilahi  
menuju ke cabang niat yang murni lagi tulus.

Sesungguhnya manusia akan berada  
dalam ketandusan  
jika tak beramal dengan kalimah Bismillah  
seribu satu macam ganjaran diumpamakan  
dijanjikan Allah pada para pengamalannya.

## KEPERCAYAAN PADA RUKUN IMAN

Percaya kepada Allah ...  
Allah itu wujud di mana-mana  
wujud Allah ada di mana-mana  
tak siapa tahu Allah berada di mana  
hanya yang pasti Allah ada di mana-mana.

Percaya kepada Rasul ...  
Nabi Muhammad pesuruh Allah  
beruntung kita menjadi umatnya  
selawat banyak-banyak untuknya  
kerana kelak kita akan mendapat syafaatnya.

Percaya kepada malaikat ...  
sekali pun manusia lebih utama dan  
lebih mulia darinya  
Allah tetap Maha Adil kepada malaikat  
Allah tidak memberi nafsu kepada malaikat  
agar mereka terpelihara membuat amal  
kebajikan selamanya.

Percaya kepada Kitabullah ...  
Al-Qur'an itu kalam-kalam Allah  
bicara Allah buat seluruh makhluk-Nya  
sebagai peringatan dan panduan kita  
sama-sama kita menuju ke jalan yang  
diredai-Nya.

Percaya kepada Hari Kiamat ...  
suatu hari kita pasti mati  
mati kemudian dihidupkan semula  
suatu tempat kita akan berkumpul  
di Padang Mahsyar  
tempat perhitungan dan penentuan Syurga  
dan Neraka.

Percaya kepada Qadik dan Qadar  
setiap perihal manusia itu sudah  
ketentuan-Nya  
ketentuan termaktub di Lohmahfiz  
semenjak kita lahir hingga dewasa  
sudah tersedia sebelum kewujudan kita.

Sangsura@Kg. Batong

## MENANTI HARAPAN

Aku bangun dari tidur ku sepanjang malam  
dibuai mimpi indah yang mengerikan  
ku buka jendela mengharap sesuatu  
tiada apa yang aku nampak  
hanya sinaran mantari yang pudar  
menerangi alam semesta.

Aku masuk ke ruang tamu  
tiada apa yang aku nampak  
hanya program di kaca televisyen yang  
membosankan  
anak-anak begitu seronok menonton.

Aku keluar ke ambang pintu  
tiada apa yang aku nampak  
hanya sinaran mentari panas membahang  
anak-anak berlari-lari kedinginan.

Aku masuk ke ruang tamu  
tiada apa yang aku nampak  
hanya kekusutan yang amat sangat  
begitu tersusun rapi.

Aku keluar ke ambang pintu  
tiada apa yang aku nampak  
hanya taburan hujan lebat  
anak-anak berlari-lari kepanasan.

Aku masuk ke ruang tamu  
tiada apa yang aku nampak  
aku terhenti  
menanti apa yang akan nampak  
Oh ... sampai bila ...

Hirdin

## TEMAN

Teman  
dari perkenalan budi dan hati  
terwujudlah perasaan suka  
ingin mengenal dan berkawan.

Teman  
yang sebenar sahabat  
yang sebenar rakan  
ialah teman sejati  
rela berkongsi tangis dan tawa  
menjadi cermin  
mengur kesalahan  
menjaga hati dan hak  
bukan sebaliknya.

Teman  
milikmu milikku  
ialah sebuah ikatan  
talian silaturahim  
yang erat dan kuat  
jangan dipersiapkan

Husaimy

## SEKALUNG DOA

Ilahi  
di matak berserakan onak dan duri  
langkah ku kaku terasa  
meniti jejambat takdir-Mu  
bimbinglah tanganku yang gilig  
berlumur dosa-dosa  
selimuti tubuhku dengan jubah Rahman-Mu  
sebab rahsia diri dalam lirik-Mu  
ku mohon cuma reda-Mu  
amal soleh ku cuma setitik dari lautan  
syariat-Mu  
aku pasrah segala.

Ilahi,  
kurniai aku segumpal hati  
yang kudus lagi takwa  
jika tiba saat Kau menagih  
jika Mizan-Mu lantas berseru  
lidah ku kelu, beku  
tiadalah suatu apa yang hendak ditimbang  
yang ada cuma sisa dan hampas  
dan kalau Malikul Malik melambai pintu  
neraka  
tiadalah sekujur tubuh ini siaga  
menahan seksa  
ada miskin papa  
hakir wal fakir  
inilah cuma yang terlarat oleh ku.

Ilahi  
hamba mengusung sekalung doa:  
"Wahai Tuhanku, tidaklah aku pasti menjadi  
ahli Syurga Firdaus dan tidaklah ada ke-  
kuatan bagiku menjauhkan dari api Neraka,  
terimalah taubatku dan ampunilah dosaku,  
sesungguhnya Engkau yang mengampuni  
dosa yang besar."

## BUMI MANUSIA

Bumi ... semakin panas!  
manusia ... semakin ganas!

Bumi tanpa sempadan  
kemajuan yang menyempitkan  
teknologi tinggi dan ICT  
tiada sekatan  
kehidupan tidak keruan.

Bumi ... semakin panas!  
mentari membakar hutan  
hutan hijau medan pembalakan  
desa dan kota tumbuh cendawan  
sumpahan zaman  
bangunan tugu menjadi batu.

Arus pembangunan tiada ihsan  
maju ekonomi dan pelaburan  
hanya itu dalam fikiran  
si kaya bertambah kaya  
si miskin menjadi mangsa  
nyawa dan maruah bukan ukuran.

Bumi ... semakin panas!  
manusia ... semakin ganas!  
inilah boneka ... pemimpin dunia  
yang gila kuasa!

Firdaus H. N.





سنتیاس برسام بیسیت  
Sentiasa Bersama Biskita

# سوسون رنچاغن تیلبیشن

## susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

RTB 5 & 8

### RABU 7 NOVEMBER

#### PAGI

|       |                               |
|-------|-------------------------------|
| 6.00  | LAGU KEBANGSAAN               |
| 6.02  | TILAWAH AL-QUR'AN             |
| 6.15  | MOTIVASI                      |
| 6.30  | BERITA TERKINI                |
| 6.35  | PEDOMAN                       |
| 7.00  | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung |
| 9.00  | BERITA                        |
| 9.15  | RAMPAI PAGI - Sambungan       |
| 10.00 | RANCANGAN HARI INI            |
| 10.05 | SANAY WALA NG WAKAS           |
| 11.00 | SILVER SUN                    |
| 11.30 | LIPUTAN SEMASA - Ulangan      |

#### PETANG

|      |                                 |
|------|---------------------------------|
| 4.00 | LAGU KEBANGSAAN                 |
| 4.02 | TILAWAH AL-QUR'AN               |
| 4.20 | BIG GUY AND THE RUSTY THE BOY   |
| 4.45 | GOD LOVES STROKS                |
| 5.15 | DRAMA MOU - 'Berkawan Berkasih' |
| 5.45 | BERITA                          |
| 6.02 | AZAN MAGHRIB                    |
| 6.08 | DRAMA MOU - Sambungan           |
| 6.15 | FINGER TIPS                     |
| 6.45 | SIRAH NABAWIYAH                 |

#### MALAM

|       |                                          |
|-------|------------------------------------------|
| 7.00  | LIPUTAN SEMASA                           |
| 7.14  | AZAN ISYAK                               |
| 7.25  | TYM                                      |
| 8.00  | BERITA NASIONAL                          |
| 8.45  | BULETIN SUKAN                            |
| 9.00  | TEATER KLASIK P. RAMLE - 'Labu dan Labi' |
| 10.00 | NEWS AT 10                               |
| 10.45 | BEWITCHED                                |
| 12.05 | CSI II                                   |
| 12.45 | DOA DAN SIARAN TAMAT                     |

### KHAMIS 8 NOVEMBER

#### PAGI

|       |                               |
|-------|-------------------------------|
| 6.00  | LAGU KEBANGSAAN               |
| 6.02  | TILAWAH AL-QUR'AN             |
| 6.15  | MOTIVASI                      |
| 6.30  | BERITA TERKINI                |
| 6.35  | PEDOMAN                       |
| 7.00  | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung |
| 9.00  | BERITA                        |
| 9.15  | RAMPAI PAGI - Sambungan       |
| 10.00 | RANCANGAN HARI INI            |
| 10.05 | SANAY WALA NG WAKAS           |
| 11.00 | SILVER SUN                    |
| 11.30 | LIPUTAN SEMASA                |
| 12.00 | ADAM DAN HAWA                 |
| 12.06 | AZAN ZUHUR                    |
| 12.12 | ADAM DAN HAWA - Sambungan     |

#### PETANG

|      |         |
|------|---------|
| 1.00 | INNOV 8 |
|------|---------|

|      |                    |
|------|--------------------|
| 1.30 | EXTREME MAKE OVER  |
| 2.30 | TAYANGAN GAMBAR    |
| 3.26 | KLASIK - 'Arjuna'  |
| 4.30 | AZAN ASAR          |
| 5.00 | DRAGON TALES       |
| 5.45 | BEYOND 2000        |
| 6.02 | BERITA             |
| 6.32 | AZAN MAGHRIB       |
| 6.45 | INNOVATIONS        |
|      | INFO MAJLIS        |
|      | UGAMA ISLAM BRUNEI |

#### MALAM

|       |                                                                             |
|-------|-----------------------------------------------------------------------------|
| 7.00  | BICARA REMAJA                                                               |
| 7.14  | AZAN ISYAK                                                                  |
| 7.20  | BICARA REMAJA - Sambungan                                                   |
| 7.30  | WARTA ISLAM                                                                 |
| 8.00  | BERITA NASIONAL                                                             |
| 9.00  | AN NUUR - 'Rancangan Khas Sempena Hari Perkhidmatan Awam' - Siaran Langsung |
| 10.00 | NEWS AT 10                                                                  |
| 10.45 | DRAMA - 'Ada Apa Denganmu'                                                  |
| 11.45 | WAYANG PILIHAN - 'Dead Silence'                                             |
| 12.45 | DOA DAN SIARAN TAMAT                                                        |

### JUMAAT 9 NOVEMBER

#### PAGI

|       |                               |
|-------|-------------------------------|
| 6.00  | LAGU KEBANGSAAN               |
| 6.02  | TILAWAH AL-QUR'AN             |
| 6.15  | MOTIVASI                      |
| 6.30  | BERITA TERKINI                |
| 6.35  | PEDOMAN                       |
| 7.00  | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung |
| 9.00  | BERITA                        |
| 9.15  | RAMPAI PAGI - Sambungan       |
| 10.00 | RANCANGAN HARI INI            |
| 10.15 | THE MAGIC SCHOOL BUS          |
| 10.45 | FRANKLIN                      |
| 11.15 | HIKAYAT                       |
| 11.30 | BERITA                        |
| 11.45 | JEJAK RASUL                   |
| 12.15 | ART ATTACK                    |
| 12.30 | SEMBAHYANG FARUJ              |
|       | JUMAAT - Siaran Langsung      |

#### PETANG

|      |                                     |
|------|-------------------------------------|
| 1.30 | VISI SUCI                           |
| 2.00 | TETAMU SUKAN                        |
| 2.30 | PERINTIS                            |
| 3.00 | CABARAN                             |
| 3.27 | MINDA HARI RAYA                     |
| 3.33 | AZAN ASAR                           |
|      | CABARAN MINDA HARI RAYA - Sambungan |
| 4.20 | FILLER                              |
| 4.35 | ASTAGAFIRULLAH                      |
| 5.45 | BERITA                              |
| 6.02 | AZAN MAGHRIB                        |
| 6.15 | QUDWAH                              |
| 6.45 | BICARA IMAN                         |

#### MALAM

|      |                |
|------|----------------|
| 7.00 | LIPUTAN SEMASA |
|------|----------------|

|       |                       |
|-------|-----------------------|
| 7.14  | AZAN ISYAK            |
| 7.30  | FIKIR-FIKIR           |
| 8.00  | BERITA NASIONAL       |
| 9.00  | TELEDRAMA - 'Ramdan'  |
| 10.00 | NEWS AT 10            |
| 10.30 | TELEDRAMA - Sambungan |
| 11.15 | ULASAN                |
|       | KHUTBAH JUMAAT        |
| 11.30 | NUMBER                |
| 12.45 | DOA DAN SIARAN TAMAT  |

### SABTU 10 NOVEMBER

#### PAGI

|       |                                 |
|-------|---------------------------------|
| 6.00  | LAGU KEBANGSAAN                 |
| 6.02  | TILAWAH AL-QUR'AN               |
| 6.15  | MOTIVASI                        |
| 6.30  | BERITA TERKINI                  |
| 6.35  | PEDOMAN                         |
| 7.00  | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung   |
| 9.00  | BERITA                          |
| 9.15  | SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM |
| 12.00 | RANCANGAN HARI INI              |
| 12.06 | AZAN ZUHUR                      |
| 12.15 | AMERICA'S FUNNIEST HOME VIDEO   |
| 12.45 | PANGGUNG PETANG                 |
|       | SABTU - 'Hayley Wagner Star'    |

#### PETANG

|      |                              |
|------|------------------------------|
| 2.15 | WORKING ANIMALS              |
| 2.45 | THE E-RING                   |
| 3.27 | AZAN ASAR                    |
| 3.33 | CABARAN MINDA                |
|      | HARI RAYA - Ulangan          |
| 5.00 | MAX STEEL                    |
| 5.30 | ACCORDING TO JIM             |
| 5.45 | BERITA                       |
| 6.02 | AZAN MAGHRIB                 |
| 6.08 | ACCORDING TO JIM - Sambungan |
| 6.25 | ISLAMIC SCHOLAR              |
| 6.45 | PEDOMAN AKIDAH               |

#### MALAM

|       |                                          |
|-------|------------------------------------------|
| 7.00  | DUNIA ASIA                               |
| 7.14  | AZAN ISYAK                               |
| 7.30  | BODY AND SOUL                            |
| 8.00  | BERITA NASIONAL                          |
| 8.45  | BULETIN SUKAN                            |
| 9.30  | DARI STUDIO SATU                         |
| 10.00 | NEWS AT 10                               |
| 11.45 | TAYANGAN GAMBAR - MARIE - A - TRUE STORY |
| 12.30 | JUST FOR LAUGHS GAGS                     |
| 12.45 | DOA DAN SIARAN TAMAT                     |

### AHAD 11 NOVEMBER

#### PAGI

|      |                   |
|------|-------------------|
| 6.00 | LAGU KEBANGSAAN   |
| 6.02 | TILAWAH AL-QUR'AN |
| 6.15 | MOTIVASI          |
| 6.30 | BERITA TERKINI    |

|       |                               |
|-------|-------------------------------|
| 6.35  | PEDOMAN                       |
| 7.00  | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung |
| 9.00  | BERITA                        |
| 9.15  | RAMPAI PAGI - Sambungan       |
| 10.00 | RANCANGAN HARI INI            |
| 10.15 | SUPER ROBOT                   |
|       | MONKEY TEAM HYPERF            |
| 10.45 | W.I.T.C.H                     |
| 11.15 | ONCE UPON A TIME              |
| 11.30 | BERITA                        |
| 11.45 | SUNDAY MATINEE - 'Sinbad'     |
| 12.06 | AZAN ZUHUR                    |
| 12.12 | SUNDAY MATINEE - Sambungan    |

#### PETANG

|      |                            |
|------|----------------------------|
| 1.15 | GUINNESS                   |
|      | WORLD RECORDS              |
| 2.25 | PRIME TIME                 |
|      | CABARAN MINDA              |
| 3.27 | HARI RAYA                  |
| 3.33 | AZAN ASAR                  |
|      | CABARAN MINDA              |
| 4.00 | HARI RAYA - Sambungan      |
|      | FUN TIME - Siaran Langsung |
| 4.30 | LAVENDER CASTEL            |
| 5.00 | MAHLIGAI                   |
| 5.30 | PENGAJARAN DARI AL-QUR'AN  |
| 5.45 | BERITA                     |
| 6.02 | AZAN MAGHRIB               |
| 6.10 | LEGENDA                    |
| 6.30 | BEYOND 2000                |

#### MALAM

|       |                          |
|-------|--------------------------|
| 7.00  | TAHUKAH AWDA             |
| 7.14  | AZAN ISYAK               |
| 7.20  | TAHUKAH AWDA - Sambungan |
| 8.00  | BERITA NASIONAL          |
| 8.45  | BULLETIN SUKAN           |
| 9.00  | JALAN TAKWA              |
| 10.00 | NEWS AT 10               |
| 10.45 | SENARIO                  |
| 11.15 | BEAUTIFUL PEOPLE         |
| 1.00  | DOA DAN SIARAN TAMAT     |

### ISNIN 12 NOVEMBER

#### PAGI

|       |                               |
|-------|-------------------------------|
| 6.00  | LAGU KEBANGSAAN               |
| 6.02  | TILAWAH AL-QUR'AN             |
| 6.15  | MOTIVASI                      |
| 6.30  | BERITA TERKINI                |
| 6.35  | PEDOMAN                       |
| 7.00  | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung |
| 9.00  | BERITA                        |
| 9.15  | RAMPAI PAGI - Sambungan       |
| 10.00 | SUSUNAN RANCANGAN             |
| 10.05 | SANAY WALA NG WAKAS           |
| 11.00 | SILVER SUN                    |
| 11.30 | HEALTHY HOME                  |
| 12.00 | DOA DAN SIARAN TAMAT          |

#### PETANG

|      |                   |
|------|-------------------|
| 4.00 | LAGU KEBANGSAAN   |
| 4.02 | TILAWAH AL-QUR'AN |

|      |                     |
|------|---------------------|
| 4.15 | RANCANGAN HARI INI  |
| 4.20 | NEW CAPTAIN SCARLET |
| 4.45 | ATOM                |
| 5.15 | GILLETE             |
|      | WORLD OF SPORT      |
| 5.45 | BERITA              |
| 6.02 | AZAN MAGHRIB        |
| 6.15 | LATITUDE            |
| 6.45 | BIMBINGAN KELUARGA  |

#### MALAM

|       |                      |
|-------|----------------------|
| 7.00  | LIPUTAN SEMASA       |
| 7.14  | AZAN ISYAK           |
| 7.30  | LINGKARAN IMAN       |
| 8.00  | BERITA NASIONAL      |
| 9.00  | BERPIJAK             |
|       | DI BUMI YANG NYATA   |
| 9.30  | WARNA-WARNI          |
| 10.00 | NEWS AT 10           |
| 10.45 | TETAMU SUKAN         |
| 12.00 | INVASION             |
| 12.45 | DOA DAN SIARAN TAMAT |

### SELASA 13 NOVEMBER

#### PAGI

|       |                               |
|-------|-------------------------------|
| 6.00  | LAGU KEBANGSAAN               |
| 6.02  | TILAWAH AL-QUR'AN             |
| 6.15  | MOTIVASI                      |
| 6.30  | BERITA TERKINI                |
| 6.35  | PEDOMAN                       |
| 7.00  | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung |
| 9.00  | BERITA                        |
| 9.15  | RAMPAI PAGI - Sambungan       |
| 10.00 | RANCANGAN HARI INI            |
| 10.05 | SANAY WALA NG WAKAS           |
| 11.00 | SILVER SUN                    |
| 11.30 | LIPUTAN SEMASA                |
| 12.00 | DOA DAN SIARAN TAMAT          |

#### PETANG

|      |                    |
|------|--------------------|
| 4.00 | LAGU KEBANGSAAN    |
| 4.02 | TILAWAH AL-QUR'AN  |
| 4.10 | RANCANGAN HARI INI |
| 4.15 | CYBERCHASE         |
| 4.45 | WHAT'S WITH ANDY   |
| 5.15 | SCIENCE WORKSHOP   |
| 5.45 | BERITA             |
| 6.00 | ME@TV              |
| 6.02 | AZAN MAGHRIB       |
| 6.45 | AL ISLAM           |

#### MALAM

|       |                                                    |
|-------|----------------------------------------------------|
| 7.00  | SMS SERIAL                                         |
|       | MISTERI SELASA                                     |
| 7.14  | AZAN ISYAK                                         |
| 7.30  | SEPOHON PENAWAR - 'Mandi-Mandian Selepas Bersalin' |
| 8.00  | BERITA NASIONAL                                    |
| 9.00  | RANCANGAN KHAS                                     |
| 9.30  | MY WIFE AND KIDS                                   |
| 10.00 | NEWS AT 10                                         |
| 10.45 | SUKAN ANTARABANGSA RELATED                         |
| 11.15 | 4400                                               |
| 12.00 | DOA DAN SIARAN TAMAT                               |

## SUSUNAN RANCANGAN TELEVISYEN (PERCUBAAN)

RTB 2

### RABU 7 NOVEMBER

#### PETANG

|      |                                  |
|------|----------------------------------|
